

**ANALISIS RIBA DAN GHARAR PADA PERKHIDMATAN  
E-WALLET: SATU ANALISIS SYARIAH**

**MUHAMMAD ASYRAF BIN RUSLAN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2024**

**ANALISIS RIBA DAN GHARAR PADA PERKHIDMATAN  
E-WALLET: SATU ANALISIS SYARIAH**

**MUHAMMAD ASYRAF BIN RUSLAN**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN IJAZAH SARJANA  
SYARIAH (EKONOMI ISLAM)**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2024**

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **Muhammad Asyraf bin Ruslan**

No. Pendaftaran/Matrik: **17036491/1**

Nama Ijazah: **Sarjana Syariah**

Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**ANALISIS RIBA DAN GHARAR PADA PERKHIDMATAN E-WALLET:  
SATU ANALISIS SYARIAH.**

Bidang Penyelidikan: ***Islamic Economics (314: Economics)***

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 7 Mei 2024

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 7 Mei 2024

Nama:

Jawatan:

## **ANALISIS RIBA DAN GHARAR PADA PERKHIDMATAN E-WALLET: SATU ANALISIS SYARIAH**

### **ABSTRAK**

Aplikasi *e-wallet* merupakan sebuah aplikasi digital yang berasaskan *fintech*. Aplikasi ini mendapat sambutan yang menggalakkan apabila ia merevolusikan cara pengguna berbelanja terutamanya ketika wabak pandemik Covid-19 yang lalu. Namun demikian, aplikasi ini yang bersifat maya dan masih baru dalam pasaran dilihat masih lagi kekurangan garis panduan mahupun parameter yang kukuh terutamanya dari sudut pandang syariah. Atas dasar ini, permasalahan ini perlu untuk diselesaikan agar elemen tidak patuh syariah seperti *riba* dan *gharar* boleh dielakkan sekali gus boleh dijadikan sebagai garis panduan buat umat Islam khususnya. Bertitik tolak daripada penyataan tadi, timbul pelbagai spekulasi mengenai wujudnya elemen *riba* dan *gharar* pada *e-wallet* seperti pada isu pembelian dan pembayaran emas menggunakan *e-wallet*, isu penyimpanan dana *e-wallet* di dalam akaun konvensional oleh pihak penyedia *e-wallet*, isu status ganjaran yang diberikan oleh pihak penyedia *e-wallet* kepada pelanggan yang dikatakan berkait rapat dengan isu *riba qard jarra naf'an*, isu *gharar* pada pembelian barang menggunakan *e-wallet*, isu pengurusan dana dan juga isu elemen tidak jelas pada kontrak *e-wallet*. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk menganalisis kemungkinan berlakunya isu *riba* dan *gharar* pada aplikasi *e-wallet*. Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan sumber primer daripada temu bual yang dijalankan dengan beberapa orang informan yang terdiri daripada beberapa orang pegawai syariah daripada beberapa buah bank di Malaysia. Data sekunder daripada dokumen-dokumen rasmi Bank Negara Malaysia juga digunakan bagi mendapatkan maklumat untuk dianalisis bersama dengan data primer. Kemudian data-data ini dianalisis menggunakan metode analisis tematik dan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa kemungkinan untuk isu

*riba* dan *gharar* berlaku pada *e-wallet* ialah sangat rendah atau hampir tiada. Namun begitu terdapat beberapa bahagian lain yang masih boleh diperbaiki pada masa akan datang bagi memastikan unsur tidak patuh syariah seperti *riba* dan *gharar* boleh dikurangkan atau dielakkan sepenuhnya.

Kata kunci: *E-wallet, Fintech, Riba, Gharar, Qard Jarra Naf'an*

## **ANALYSIS ON RIBA AND GHARAR ON E-WALLET SERVICES: A SHARIAH ANALYSIS**

### **ABSTRACT**

The *e-wallet* application is an online application based on fintech. This application received a favourable response when it revolutionized the way users shop, especially during the recent Covid-19 pandemic. However, this application, which is virtual and still new in the market, still lacks strong guidelines and parameters, especially from a shariah point of view. On this basis, this problem needs to be resolved so that non-shariah-compliant elements such as *riba* and *gharar* can be avoided and can be used as a guideline for Muslims in particular. Based on the previous statement, various speculations arise regarding the existence of *riba* and *gharar* elements on *e-wallets* such as on the issue of buying and paying gold using *e-wallet*, the issue of storing *e-wallet* funds in conventional accounts by the *e-wallet* provider, the issue of reward status which is given by the *e-wallet* provider to the customer which is said to be closely related to the issue of *riba qard jarra nafan*, the issue of *gharar* on the purchase of goods using the *e-wallet*, the issue of fund management and also the issue of unclear elements in the *e-wallet* contract. The purpose of this study is to analyze the possibility of the occurrence of *riba* and *gharar* issues in *e-wallet* applications. This study was conducted qualitatively using primary sources from interviews with several informants consisting of several shariah officers from several banks in Malaysia. Secondary data from official documents of Bank Negara Malaysia is also used to obtain information to be analyzed together with primary data. Then these data were analyzed using thematic analysis and content analysis methods. The results of the study found that the possibility of *riba* and *gharar* issues occurring on *e-wallets* is very low or almost non-existent. However, there are some other parts that can

still be improved in the future to ensure that non-shariah-compliant elements such as *riba* and *gharar* can be reduced or completely avoided.

Keywords: *E-wallet*, Fintech, *Riba*, *Gharar*, *Qard Jarra Naf'an*

## PENGHARGAAN

بسم الله الرحمن الرحيم

اللهم لك الحمد والشكر والثناء دائما في كل حين يا الله يا أكرم الأكرمين ويا أرحم الراحمين، والصلوة  
والسلام على سيد المرسلين وخاتم النبيين، نبينا محمد وعلى آله وأصحابه أجمعين، ومن اهتدى بهداهم واتبع  
ستهم وسلك سبيلهم إلى يوم الدين. ثم أما بعد،

Setinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah ‘azza wa jall. Sesungguhnya tiadalah daya dan upaya yang akan hadir tanpa restu dan limpah kasihNya. Selawat dan salam buat junjungan agung lagi bijaksana, Nabi Muhammad ‘alayhi al-salatu wa al-salam, ahli keluarga Baginda serta para sahabat kerana dengan pengorbanan dan perjuangan mereka, kita beroleh kenikmatan bernama Iman dan Islam.

Selautan penghargaan buat kedua-dua penyelia yang dihormati, Dr. Mohd Shahid bin Mohd Noh dan Dr. Mohammad Taqiuddin bin Mohamad di atas segala bimbingan, teguran, nasihat, bantuan dan tunjuk ajar sepanjang usaha penyempurnaan penulisan ini dilakukan. Segala keprihatinan, kesabaran dan ketawadukan mereka akan terus menjadi inspirasi saya dalam mengharungi duri ranjau perjalanan dunia akademik.

Terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah di Jabatan Syariah dan Ekonomi khususnya, dan juga para pensyarah lain di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang tidak pernah jemu mencerahkan hikmah sepanjang penerokaan ilmu yang tidak berpenghujung ini. Tidak dilupakan buat para guru dan masyaikh di SMKA Tun Ahmad Zaidi dan Universiti al-Azhar kerana kalianlah yang berjasa dalam membina jambatan untuk sampai ke puncak menara gading.

Seikhlas budi abah dan umi, tanpa restu dan doa, dibajai pula dengan limpahan kasih sayang yang teramat suci, mana mungkin anakanda berada di puncak ini. Serumpun sayang buat adinda Siti Fatimah, tanpa keeratan persaudaraan kita, disulami kasih sayang dan asuhan tarbiah abah serta umi, kita tak akan berdiri seteguh ini.

Setulus kasih buat isteri tercinta, Puan Siti Rokiah binti Mahfooz, yang tidak pernah jemu menghulurkan sokongan, dorongan, harapan dan peringatan tarbawi yang terlalu mahal nilainya demi sebuah kejayaan untuk Islam. Terima kasih kerana terus berada di sisi dalam keadaan susah dan senang kehidupan.

Akhir bicara, sekali lagi saya mengungkapkan rasa syukur kepada Allah subhanahu wa ta'ala dan terima kasih kepada semua yang terlibat menghulurkan bantuan sama ada secara langsung ataupun tidak dalam usaha menyiapkan kajian ini. Semoga kajian ini diberkati, dimanfaatkan serta mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah. Allahumma amin.

Al-Faqir Ila Rabbih,  
Muhammad Asyraf bin Ruslan al-Azhari  
27 Mac 2023  
5 Ramadhan 1444H

m.asyrafruslan@gmail.com

## ISI KANDUNGAN

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>v</b>
<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>vii</b>
<b>ISI KANDUNGAN.....</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI KEPENDEKAN .....</b>	<b>xvii</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>xix</b>
<b>SENARAI RAJAH.....</b>	<b>xx</b>
<b>SENARAI TEMU BUAL .....</b>	<b>xxii</b>
<b>SENARAI STATUT.....</b>	<b>xxiii</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI.....</b>	<b>xxiv</b>
<b>BAB SATU: PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
1.1 PENDAHULUAN .....	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.....	7
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN .....	9
1.4 PERSOALAN KAJIAN.....	11
1.5 OBJEKTIF KAJIAN.....	11
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN.....	12
1.7 SKOP DAN BATASAN KAJIAN .....	14
1.8 ULASAN KAJIAN LEPAS.....	16

1.8.1 Kajian Lepas Mengenai Isu <i>Riba</i> Pada Aplikasi Digital .....	17
1.8.1.1 <i>Riba</i> pada jual beli emas dalam talian.....	17
1.8.1.2 <i>Riba</i> pada platform e-dagang ( <i>Shopee Pay Later</i> ).....	19
1.8.2 Kajian Lepas Mengenai Isu <i>Gharar</i> Pada Aplikasi Digital .....	21
1.8.2.1 <i>Gharar</i> dalam urusan jual beli tiket penerbangan secara dalam talian .....	21
1.8.2.2 <i>Gharar</i> pada kontrak elektronik dalam talian .....	22
1.8.2.3 <i>Gharar</i> pada <i>dropship</i> dalam talian .....	23
1.8.2.4 <i>Gharar</i> pada jual beli emas dalam talian .....	23
1.8.2.5 <i>Gharar</i> di dalam <i>Cryptocurrencies</i> .....	25
1.8.3 Kajian Lepas Mengenai <i>E-wallet</i> Dari Sudut Syariah .....	28
1.9 METODOLOGI KAJIAN .....	33
1.9.1 Reka Bentuk Kajian .....	34
1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data.....	34
a) Temu bual Separa Berstruktur .....	35
b) Dokumentasi .....	36
1.9.3 Kaedah Analisis Data.....	37
a) Analisis Kandungan Secara Tematik .....	37
1.10 SISTEMATIK PENULISAN.....	38
Bab Satu: Pengenalan .....	39
Bab Dua: Isu <i>Riba</i> dan <i>Gharar</i> pada Aplikasi Digital .....	40
Bab Tiga: Modus Operandi <i>E-wallet</i> di Malaysia .....	40

Bab Empat: Analisis Dapatan Kajian.....	41
Bab Lima: Rumusan dan Cadangan.....	41
1.11 KESIMPULAN.....	41
<b>BAB DUA: ISU <i>RIBA</i> DAN <i>GHARAR</i> PADA APLIKASI DIGITAL .....</b>	<b>42</b>
2.1 PENDAHULUAN .....	42
2.2 KONSEP <i>RIBA</i> .....	42
2.2.1 Dari sudut bahasa .....	42
2.2.2 Dari sudut istilah .....	43
2.2.3 Dalil pengharaman <i>Riba</i> .....	44
2.2.4 Jenis <i>Riba</i> .....	46
2.2.5 Perbezaan pendapat tentang <i>Illah Riba</i> .....	48
2.3 KONSEP AL- <i>GHARAR</i> .....	49
2.3.1 Dari sudut bahasa .....	49
2.3.2 Dari sudut istilah .....	50
2.3.3 Dalil larangan <i>Gharar</i> .....	51
2.3.4 Hukum-hukum mengikut keadaan <i>gharar</i> .....	51
2.3.4.1 <i>Gharar Yasir</i> .....	51
2.3.4.2 <i>Gharar Fāhish</i> .....	52
2.3.4.3 <i>Gharar Mutawassit</i> .....	52
2.3.5 Garis panduan <i>gharar</i> yang dimaafkan.....	53
2.4 ISU <i>RIBA</i> DAN <i>GHARAR</i> PADA APLIKASI DIGITAL .....	53

2.4.1 Isu-isu berkaitan .....	54
2.4.1.1 Perdagangan Pertukaran Mata Wang Asing ( <i>Forex</i> ) oleh Individu Secara Lain .....	54
2.4.1.2 Pembelian emas secara dalam talian.....	56
2.4.1.3 Mata wang kripto .....	58
2.5 PENUTUP.....	61

<b>BAB TIGA: MODUS OPERANDI E-WALLET DI MALAYSIA .....</b>	<b>63</b>
3.1 PENDAHULUAN .....	63
3.2 KONSEP E-MONEY.....	64
3.2.1 Pengenalan .....	65
3.2.2 Perbezaan <i>e-money</i> dengan wang digital .....	68
3.2.3 Penerbit <i>e-money</i> di Malaysia .....	69
3.2.3.1 Bank .....	70
3.2.3.2 Non-bank.....	70
3.2.4 Kategori Penerbit <i>E-money</i> .....	71
3.2.4.1 <i>Eligible EMI</i> ( <i>EMI</i> yang Layak) .....	72
3.2.4.2 <i>Standard EMI</i> ( <i>EMI</i> Standard).....	72
3.2.4.3 <i>Limited Purpose EMI</i> ( <i>EMI</i> Tujuan Terhad).....	72
a) <i>E-money</i> yang digunakan dalam Rangkaian Gelung Tertutup ( <i>Close-loop</i> ) ..	72
b) <i>E-money</i> yang Digunakan untuk Ganjaran Tunai atau Mata Kesetiaan .....	73
c) <i>E-money</i> yang digunakan untuk tujuan bayaran semula kepada pengguna....	73

d) <i>E-money</i> yang Dijadikan sebagai Kredit Prabayar Mudah Alih.....	74
3.2.4.3.1 Syarat-syarat Khas bagi <i>EMI</i> Tujuan Terhad.....	74
3.2.5 Tadbir Urus Syariah.....	75
3.2.6 Kriteria Individu yang Sesuai dan Wajar.....	76
3.2.5 Hubungan antara <i>e-money</i> dan <i>e-wallet</i> .....	77
3.2.5.1 Perbandingan antara <i>e-money</i> dan <i>e-wallet</i> .....	78
3.2.5.2 Deklarasi Status Penerbit <i>e-money</i> dan Penyedia <i>e-wallet</i> .....	78
3.3 KONSEP <i>E-WALLET</i> .....	79
3.3.1 Pengenalan .....	79
3.3.2 Jenis-jenis <i>e-wallet</i> .....	80
3.3.2.1 <i>E-money Issuer</i> (Penerbit <i>E-money</i> ).....	81
3.3.2.1.1 <i>Cloud-based e-wallet</i> .....	81
a)     Bank <i>e-wallet</i> .....	82
b) <i>Non-bank e-wallet</i> .....	82
c) <i>E-wallet</i> Gelung Terbuka ( <i>Open-loop</i> ) .....	82
d) <i>E-wallet</i> Gelung Tertutup ( <i>Close-loop</i> ) .....	82
3.3.2.1.2 <i>Card-based e-wallet</i> .....	82
3.3.2.2 <i>Non E-money Issuer</i> (Bukan Penerbit <i>E-money</i> ).....	83
a) <i>Open-loop e-wallet</i> .....	83
3.3.3     Model-model <i>e-wallet</i> .....	84
3.3.3.1    Model pertama.....	84

3.3.3.2 Model kedua .....	87
3.3.3.3 Model ketiga.....	88
3.3.3.4 Model keempat.....	89
3.3.4 Metode tambah nilai <i>e-wallet</i> .....	90
3.3.5 <i>Electronic Know-Your-Customer</i> (eKYC).....	91
3.3.6 Jenis-jenis ganjaran <i>e-wallet</i> .....	93
3.3.6.1 Kumpul dan tebus mata ganjaran.....	93
3.3.6.2 E-baucar .....	94
3.3.6.3 Promosi diskau.....	95
3.3.6.4 <i>Cashback</i> (Pulangan Wang Tunai) .....	96
3.3.6.5 Penghantaran Percuma.....	96
3.3.6.6 Penebusan <i>coin</i> .....	97
3.4 HUBUNGAN PELBAGAI PIHAK YANG TERLIBAT .....	98
3.4.1 Pengguna.....	98
3.4.2 Penerbit <i>e-money</i> atau/dan Penyedia <i>e-wallet</i> .....	98
3.4.3 Penjual ( <i>Merchant</i> ) .....	99
3.5 PENUTUP.....	99
<b>BAB EMPAT: ANALISIS DAPATAN KAJIAN.....</b>	<b>100</b>
4.1 PENDAHULUAN .....	100
4.2 HUBUNGAN PELBAGAI PIHAK YANG TERLIBAT DALAM OPERASI <i>E-WALLET</i> .....	102

4.2.1 Kontrak <i>Wakālah</i> .....	103
4.3 ANALISIS <i>RIBA</i> DALAM <i>E-WALLET</i> .....	104
4.3.1 <i>Qard</i> .....	104
4.3.1.1 Kontrak Utama VS Kontrak Sampingan ( <i>Main</i> VS <i>Supplementary</i> ).....	106
a) Perbezaan Bank dengan <i>E-wallet</i> .....	106
b) Isu <i>Qard</i> di dalam <i>Bay` Bithaman `Ajil</i> .....	108
4.3.1.2 <i>Uruf</i> .....	110
a) <i>Uruf</i> berkaitan <i>incidental qard tawarruq</i> di institusi perbankan .....	111
b) <i>Uruf</i> berkaitan <i>Qard</i> dan Dana Amanah.....	111
c) Perbandingan <i>uruf E-wallet</i> dengan <i>al-Rahnu</i> .....	112
d) <i>Uruf</i> pada cara pengiraan formula .....	114
4.3.2 Dana <i>E-wallet</i> di dalam Akaun Konvensional .....	114
4.3.3 Pembelian dan pembayaran emas menggunakan <i>e-wallet</i> .....	116
4.3.4 Isu ganjaran dalam <i>e-wallet</i> .....	118
4.4 ANALISIS <i>GHARAR</i> DALAM <i>E-WALLET</i> .....	123
4.4.1 <i>Wakālah bi al-Daf`</i> .....	123
4.4.2 Isu <i>Gharar</i> 1: Pembelian Barang Menggunakan <i>E-wallet</i> .....	124
4.4.3 Isu <i>Gharar</i> 2: PPE Tidak Mengetahui Barang Apa yang Dibayar Kepada <i>Merchant</i> .....	126
4.4.4 Isu <i>Gharar</i> 3: Isu Pengurusan Dana.....	128
4.4.5 Isu <i>Gharar</i> 4: Elemen-elemen Tidak Jelas dalam Kontrak .....	128
4.5 KONTRAK ALTERNATIF .....	129

4.5.1 <i>Al- Ijārah Mawṣūfah al-Dhimmah</i> .....	129
4.5.2 <i>Bay ‘Istijrar</i> .....	130
4.5.3 <i>Wadi ‘ah Yad Damānah</i> .....	131
4.5.4 <i>Wakālah</i> dan <i>Ijarah al-Khadamāt</i> .....	132
4.6 KESIMPULAN .....	135
<b>BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN.....</b>	<b>144</b>
5.1 Pendahuluan .....	144
5.2 Rumusan .....	144
5.3 Cadangan.....	152
5.3.1 Cadangan kepada Penyedia Perkhidmatan <i>E-wallet</i> .....	152
a) Pelantikan Panel Penasihat Syariah .....	152
b) Mewujudkan Mekanisme Tapisan Syariah ke atas Syarikat Merchant.....	153
5.3.2 Cadangan kepada Pembuat Polisi .....	153
a) Parameter dan Garis Panduan Syariah berkaitan <i>E-wallet</i> .....	153
b) Pemberian status dan label “Patuh Syariah” kepada PPE .....	154
5.3.3 Cadangan kepada para Pengkaji .....	155
5.4 Penutup .....	155
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>157</b>

## SENARAI KEPENDEKAN

AI	<i>Artificial Intelligence</i>
AIBIM	<i>Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia</i>
ASAS	<i>Association of Shariah Advisors in Islamic Finance</i>
ATM	<i>Automated Teller Machine</i>
BBA	<i>Bay' Bithaman Ajil</i>
BNM	Bank Negara Malaysia
CB	<i>Circuit Breaker</i>
COVID-19	<i>Corona Virus Disease</i>
EKYC	<i>Electronic Know Your Customer</i>
EMI	<i>E-Money Issuer</i>
ESPICK	Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan
FINTECH	<i>Financial Technology</i>
FOREX	<i>Foreign Exchange</i>
FPX	Bursa Pemprosesan Kewangan
FSA 2013	Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
HQLRA	<i>High Quality Liquid Ringgit Asset</i>
IBG	Sistem GIRO Antara Bank
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
IF1	Informan 1
IF2	Informan 2
IF3	Informan 3
IFSA 2013	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
ISRA	<i>The International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance</i>

JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MDR	<i>Merchant Discount Rate</i>
MJF	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
MPS	Majlis Penasihat Syariah
MST	<i>Magnetic Secure Transmission</i>
NFC	<i>Near Field Communication</i>
OIC	<i>Organisation of Islamic Cooperation</i>
PDPA	Akta Perlindungan Data Peribadi 2010
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPE	Penyedia Perkhidmatan <i>E-wallet</i>
PPS	Panel Penasihat Syariah
RENTAS	<i>Real Time Electronics Transfer of Funds and Securities</i>
SAN	Rangkaian Perkongsian ATM
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SMS	<i>Short Message Service</i>
SPL	<i>Shopee Pay Later</i>
VOIP	<i>Voice Over Internet Protocol</i>
WHO	<i>World Health Organisation</i>

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 1.1: Senarai Subtopik dan Isu-isu bagi Ulasan Kajian Lepas

Jadual 2.1: Peringkat-peringkat Pengharaman *Riba*

Jadual 2.2: Elemen *Riba* dan *Gharar* pada Aplikasi Digital

Jadual 3.1: *Basic Payments Indicator 2017-2021*

Jadual 3.2: Jadual Perbandingan Kriteria *E-money* dengan *E-wallet*

Jadual 4.1: Hubungan Antara Pengguna, *Merchant* dengan Penyedia *E-wallet*

Jadual 4.2: Perbandingan Perbezaan Fungsi Utama dan *Qard* pada Bank dengan *E-wallet*

Jadual 4.3: Perbandingan *E-wallet* dengan Kad Kredit Islamik

Jadual 4.4: Perbezaan Bank dengan *E-wallet*

Jadual 4.5: Perbezaan Struktur Kad Kredit dengan *E-wallet*

Jadual 4.6: Ringkasan Elemen *Riba* Daripada Bab Dua

Jadual 4.7: Ringkasan Elemen *Gharar* Daripada Bab Dua

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1.1: Rajah Perbandingan Peratusan Capaian Internet bagi Tahun 2018 dan Tahun 2019

Rajah 1.2: Rajah Perbandingan Peratusan Aktiviti yang Dilakukan Secara Dalam Talian bagi Tahun 2018 dan Tahun 2019

Rajah 1.3: Kaedah Pengumpulan Data

Rajah 1.4: Carta Alir Kaedah Analisis Data

Rajah 2.1: Jenis-jenis *Riba*

Rajah 2.2: Perbezaan Pendapat *Illah Riba*

Rajah 3.1: Jenis-jenis *E-wallet*

Rajah 3.2: Model Pertama *E-wallet*

Rajah 3.3: Model Kedua *E-wallet*

Rajah 3.4: Model Ketiga *E-wallet*

Rajah 3.5: Model Keempat *E-wallet*

Rajah 3.6: Jenis-jenis Ganjaran *E-wallet*

Rajah 3.7: Carta Alir Penebusan Mata Ganjaran

Rajah 3.8: Carta Alir Diskaun E-Baucar

Rajah 3.9: Carta Alir Promosi Diskaun

Rajah 3.10: Carta Alir Ganjaran *Cashback* (Pulangan Wang Tunai)

Rajah 3.11: Carta Alir Ganjaran Penghantaran Percuma

Rajah 3.12: Carta Alir Penebusan *Coin*

Rajah 4.1: Carta Alir *Qard*

Rajah 4.2: Carta Alir *Bay ‘Bithaman ‘Ajil*

Rajah 4.3: Carta Alir *Al-Rahnu*

Rajah 4.4: Carta Alir Tambah nilai, *Qard* dan Ganjaran

Rajah 4.5: Carta Alir Hubungan Antara Pengguna, *Merchant* dengan PPE/Platform E-dagang

Rajah 4.6: Carta Alir Proses kontrak *Al- Ijārah Mawṣufah fi al-Dhimmah*

Rajah 4.7: Carta Alir Proses *Bay` Istijrar*

## **SENARAI TEMU BUAL**

Informan 1 (Pegawai Syariah, Bank CIMB, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 12 Ogos 2022.

Informan 2 (Pegawai Syariah, Bank MBSB, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 23 Ogos 2022.

Informan 3 (Pegawai Syariah, Bank MBSB, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 14 September 2022.

## **SENARAI STATUT**

Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Akta Syarikat Amanah 1949 (*Trustee Act 1949*)

## PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai panduan tersebut adalah seperti berikut:

a. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أ	' (a,i,u)	القراءة	<i>al-qira'ah</i>
ب	b	بعث	<i>ba'atha</i>
ت	t	تاب	<i>tāba</i>
ث	th	ثواب	<i>thawāba</i>
ج	j	جعل	<i>ja'ala</i>
ح	ḥ	حلب	<i>ḥalaba</i>
خ	kh	خطب	<i>khaṭaba</i>
د	d	دفع	<i>dafa'a</i>
ذ	dh	ذهب	<i>dhahaba</i>
ر	r	رجع	<i>raja'a</i>
ز	z	زرع	<i>zara'a</i>
س	s	سمع	<i>sami'a</i>
ش	sh	شفع	<i>shafa'a</i>
ص	ṣ	صعد	<i>ṣa'ada</i>
ض	ḍ	ضلل	<i>dalala</i>
ط	ṭ	طلع	<i>ṭala'a</i>
ظ	ẓ	ظفر	<i>ẓafara</i>
ع	' (a,i,u)	عليه	<i>'alayh</i>
غ	gh	غفر	<i>ghafara</i>
ف	f	فلح	<i>falahā</i>
ق	q	قلم	<i>qalama</i>
ك	k	كتب	<i>kataba</i>
ل	l	لعب	<i>la'iба</i>
م	m	منع	<i>mana'a</i>
ن	n	نال	<i>nāla</i>
و	w	وعد	<i>wa'ada</i>
ه	h	هدم	<i>hadama</i>

ي	y	يَعْلَمُ	ya 'lamu
---	---	----------	----------

b. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أ	a	قَالَ	qāla
أو	u	مُوسَى	mūsā
اي	ī	إِيمَانٌ	īmān

c. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
---	a	نَصَرٌ	naṣara
(فتحة)			
---	i	نَاصِرٌ	nāṣira
(كسرة)			
---	u	يَنْصُرُ	yansuru
(ضمة)			

d. Diftong

Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
		Tulisan Arab	Tulisan Rumi
أو	aw	أَوَابَ	awwāba
أي	ay	أَيَامَ	ayyāma
اي	iy	إِيَّاكَ	iyyāka

## BAB SATU: PENGENALAN

### 1.1 PENDAHULUAN

Dunia dalam talian kini memainkan peranan yang besar dalam kehidupan masyarakat dunia. Perubahan landskap baru dunia teknologi dilihat mempengaruhi secara langsung pola kehidupan sosial masyarakat setempat mahupun dunia melalui kehadiran Revolusi Perindustrian 4.0 dan kecanggihan jaringan teknologi 5G.

Revolusi Industri 4.0 merupakan kesinambungan daripada Revolusi Industri 3.0 yang memperkenalkan Revolusi Digital kepada dunia. Setelah kejayaan Revolusi Digital, dunia kini bersedia untuk menerima teknologi kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) ataupun AI. Teknologi kecerdasan buatan ini menghubungkan manusia sebagai pengguna dengan sistem digital melalui perantaraan internet. Data yang diperoleh daripada pengguna akan diproses bagi menambah baik fungsi peralatan elektronik yang dioperasi. Antara contoh kecerdasan buatan pada masa kini adalah seperti peranti telefon pintar, televisyen pintar, rumah pintar dan sebagainya.<sup>1</sup>

Pada masa yang sama, hasil daripada kemajuan teknologi yang berkembang pesat setiap hari, capaian akses internet yang berkelajuan tinggi kini boleh dinikmati di seluruh pelosok dunia. Teknologi 5G yang baru diperkenalkan ini dijangka mampu mengubah landskap sektor penting negara seperti pendidikan, perubatan, ketenteraan dan sebagainya ke arah yang lebih baik.

Pada masa kini, akses internet bukan sahaja digunakan untuk tujuan berhibur melalui platform media sosial dan tontonan video, bahkan ia juga menjadi medium

---

<sup>1</sup> Ismail Sualman, “Revolusi Industri 4.0 Paradigma 2019”, laman sesawang Sinar Harian, dicapai 11 Oktober 2019, <https://www.sinarharian.com.my/article/4662/KOLUMNIS/Revolusi-Industri-40-paradigma-2019>.

alternatif bagi pengguna untuk membeli barang dan mendapatkan pelbagai jenis perkhidmatan. Medium ini menjadi pilihan pengguna kerana ia mudah, cepat dan menjimatkan. Hal ini adalah kerana pengguna tidak perlu bersusah payah untuk keluar dari rumah dan beratur panjang ketika ingin membuat pembayaran di pasar raya. Kini, ia semudah beberapa sentuhan di telefon pintar maupun taipan di papan kekunci komputer sahaja. Selepas pembayaran selesai dilakukan, pengguna hanya perlu menunggu barang yang dipesan secara dalam talian untuk dihantar terus sampai ke depan pintu rumah. Antara teknologi yang membolehkan pengguna untuk melakukan aktiviti di atas ialah melalui kecanggihan teknologi *e-wallet*. *E-wallet* merupakan subjek utama bagi kajian ini.


Dalam erti kata lain, akses kepada teknologi semuanya berada di hujung jari sahaja. Faktor penjimatan bahan bakar kenderaan, masa, tenaga, dan keselamatan menjadikan pembelian secara dalam talian bukan sahaja popular di kalangan masyarakat setempat sahaja bahkan ia menjadi trend dan fenomena pada skala global. Sudah tentu, kehebatan inovasi terkini dalam dunia teknologi berupaya untuk meningkatkan lagi produktiviti dan prestasi kerja dalam kehidupan seharian manusia. Sebagai contoh, kemajuan teknologi masa kini tidak memerlukan lagi pengguna untuk menunggu teksi di tempat awam, bahkan kini pengguna boleh memesan perkhidmatan *e-hailing* seperti Grabcar untuk mengambil mereka di tempat yang disepakati. Ia semudah membuka aplikasi *e-hailing* dan membuat pesanan perkhidmatan di antara muka (*interface*) aplikasi tersebut. Merujuk kepada Dewan Bahasa dan Pustaka, perkhidmatan *e-Hailing* diberikan padanan e-panggilan yang merujuk pada proses menempah atau memesan kereta, teksi, limousin atau pengangkutan awam lain melalui komputer atau peranti bergerak.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), entri “teksi.”

Gelombang trend masyarakat dalam talian ini disokong oleh laporan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT Oleh Individu Dan Isi Rumah 2019.<sup>3</sup> Kajian menunjukkan bahawa capaian internet melalui jalur lebar tetap telah merekodkan kenaikan sebanyak 3.2 peratus iaitu 30.7 peratus pada tahun 2019 berbanding 27.5 peratus pada tahun 2018. Capaian internet jalur lebar mudah alih pula mencatatkan kenaikan sebanyak 1.6 peratus iaitu 87.1 peratus pada tahun 2019 berbanding 85.5 peratus pada tahun 2018.

Rajah 1.1. Rajah Perbandingan Peratusan Capaian Internet bagi Tahun 2018 dan Tahun 2019




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2019, 2020.

Antara aktiviti utama yang dilakukan secara dalam talian adalah seperti menyertai rangkaian sosial. Aktiviti tersebut juga dilihat mendominasi aktiviti-aktiviti secara dalam talian lain dengan skor sebanyak 97.1 peratus. Ini diikuti oleh aktiviti memuat turun gambar, filem, video atau muzik, dan bermain atau memuat turun permainan dengan skor sebanyak 84.7 peratus di tangga kedua. Kemudian, di tangga ketiga dengan skor sebanyak 83.5 peratus pengguna internet menggunakan internet sebagai wadah untuk mendapatkan maklumat tentang barang atau perkhidmatan. Aktiviti membuat panggilan telefon

<sup>3</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia, “Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2019”, dicapai 29 Oktober 2020.

melalui internet (*VoIP*) menduduki tempat keempat dengan skor sebanyak 77.4 peratus dan di tangga terakhir ialah aktiviti memuat turun perisian atau aplikasi dengan skor sebanyak 77.1 peratus.

Rajah 1.2. Rajah Perbandingan Peratusan Aktiviti yang Dilakukan Secara Dalam Talian bagi Tahun 2018 dan Tahun 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2019, 2020.

Secara umumnya, kesemua aktiviti dalam talian yang disebutkan tadi itu mengalami kenaikan skor pada tahun 2019 berbanding 2018. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa peningkatan penggunaan internet di kalangan rakyat Malaysia adalah signifikan dan menyeluruh, seiring dengan arus kemajuan teknologi masa kini.

Pada akhir suku tahun 2019, masyarakat dunia menyaksikan kehadiran sejenis wabak yang telah menjangkiti populasi dunia dengan kadar yang drastik sekali. Wabak pandemik tersebut diberi nama *Corona Virus Disease* (Covid-19) oleh Pertubuhan

Kesihatan Dunia (WHO).<sup>4</sup> Antara simptom yang dikenal pasti dihadapi oleh para pesakit Covid-19 adalah seperti demam, batuk, selesema, dan sesak nafas yang kronik sehingga boleh membawa kepada maut. Sehingga hari ini, statistik menunjukkan bahawa kadar jangkitan seluruh dunia telah mencecah angka 761 juta dengan kematian sebanyak 6.89 juta.<sup>5</sup>

Pandemik Covid-19 secara tidak langsung telah mengubah landskap interaksi sosial masyarakat dunia melalui pelaksanaan penjarakan fizikal, kuarantin kendiri, dan juga beberapa siri langkah pencegahan penularan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah negara di seluruh dunia seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)<sup>6</sup> di Malaysia dan *Circuit Breaker (CB)*<sup>7</sup> di Singapura. Langkah pencegahan penularan ini dilaksanakan bagi mengekang dan mengawal penularan Covid-19 di dalam komuniti sekali gus memutuskan rantaian jangkitan tersebut daripada terus merebak ke tempat lain yang masih berada di dalam zon selamat.<sup>8</sup>

Rentetan peristiwa ini, tahap kebergantungan masyarakat terhadap akses internet dan teknologi telah meningkat secara mendadak melebihi daripada kebiasaan. Hal ini berlaku dek langkah pencegahan penularan yang dilakukan menyaksikan tahap pematuhan PKP oleh rakyat Malaysia untuk sentiasa berada di rumah adalah pada kadar

---

<sup>4</sup> World Health Organization, “Naming the coronavirus disease (COVID-19) and the virus that causes it”, laman sesawang World Health Organization, dicapai 9 November 2020, [https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/naming-the-coronavirus-disease-\(covid-2019\)-and-the-virus-that-causes-it](https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/naming-the-coronavirus-disease-(covid-2019)-and-the-virus-that-causes-it).

<sup>5</sup> World Health Organization, “WHO Coronavirus (COVID-19) Dashboard”, laman sesawang World Health Organization, dicapai 29 Mac 2023, <https://covid19.who.int>.

<sup>6</sup> Majlis Keselamatan Negara, “Perintah Kawalan Pergerakan (Movement Control Order)”, laman sesawang Majlis Keselamatan Negara, dicapai 9 November 2020, <https://www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19>.

<sup>7</sup> Gov.sg, “Ending circuit breaker: Phased approach to resuming activities safely”, laman sesawang Singapore Government Agency Website, dicapai 9 November 2020, <https://www.gov.sg/article/ending-circuit-breaker-phased-approach-to-resuming-activities-safely>.

<sup>8</sup> Essan Yahya, Fauzi Suhaimi, “PKPB: Langkah pencegahan awal bagi elak penularan jangkitan”, laman sesawang Astro Awani, dicapai 9 November 2020, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkpb-langkah-pencegahan-awal-bagi-elak-penularan-jangkitan-pm-263375>.

yang amat tinggi.<sup>9</sup> Oleh yang demikian, penggunaan internet di setiap rumah telah melonjak dengan pesat sekali. Hal ini dibuktikan melalui laporan rasmi yang telah dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang menunjukkan berlakunya peningkatan pada aliran trafik internet di seluruh Malaysia sebanyak 23.5 peratus pada minggu pertama dan 8.6 peratus pada minggu kedua<sup>10</sup> PKP dilaksanakan.

Peningkatan penggunaan internet tersebut tidaklah begitu memeranjatkan kerana rakyat Malaysia telah memanfaatkan internet sepenuhnya ketika PKP sebagai wadah untuk mereka berhubung dengan dunia luar. Aktiviti seperti membeli barang keperluan harian seperti beras, minyak dan gula dan sebagainya dilakukan sepenuhnya melalui pembelian secara dalam talian.<sup>11</sup> Pada masa yang sama, para pekerja awam dan swasta juga telah diarahkan untuk bekerja dari rumah masing-masing.<sup>12</sup> Sektor pendidikan seperti universiti dan sekolah juga ditutup dan diarahkan untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian melalui e-pembelajaran.<sup>13</sup> Aktiviti hiburan melalui penstriman video dan filem juga dilihat menjadi pilihan alternatif bagi rakyat Malaysia untuk berhibur dan mengisi masa lapang sepanjang PKP berlangsung.<sup>14</sup>

---

<sup>9</sup> Ahmad Suhael dan Luqman Arif, "Tahap pematuhan PKP 97 peratus", laman sesawang BH Online, dicapai 9 November 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674971/tahap-pematuhan-pkp-97-peratus>.

<sup>10</sup> Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, "Kenyataan Media: Perubahan Corak Penggunaan Pengaruhi Kelajuan Internet di Malaysia", laman sesawang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dicapai 9 November 2020, <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/media-statement-changing-usage-patterns-influence>.

<sup>11</sup> Nurul Hidayah, "Beli-belah secara 'online' rancak ketika PKP", laman sesawang myMetro, dicapai 9 November 2020, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/558385/beli-belah-secara-online-rancak-ketika-pkp>.

<sup>12</sup> Raja Noraina, "PKPB: Pekerja awam, swasta diarah kerja dari rumah", laman sesawang myMetro, dicapai 9 November 2020, <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/10/632803/pkpb-pekerja-awam-swasta-diarah-kerja-dari-rumah-metrotv>.

<sup>13</sup> Bernama, "Sekolah dan universiti tutup, belajar 'online' kan boleh?", laman sesawang Bernama, dicapai 9 November 2020, [https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1824837](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1824837).

<sup>14</sup> Amy Maizuraa, "4 Aplikasi Menonton Video Bersama Rakan Yang Boleh Dicuba Sepanjang Tempoh PKP", laman sesawang Amanz, dicapai 9 November 2020, <https://amanz.my/2020232704>.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Antara aplikasi digital yang sedang meningkat naik penggunaan dan kepopularannya pada masa kini ialah aplikasi *e-wallet*. *E-wallet* dilihat telah merubah trend cara pengguna berbelanja dalam mendapatkan barang mahupun perkhidmatan yang digunakan seharian. *E-wallet* secara asasnya merupakan dompet versi digital bagi dompet fizikal yang menyimpan menyimpan maklumat pengguna seperti identiti, e-mel dan alamat rumah, maklumat pelbagai kad kredit dan nombor akaun bank, serta kad hadiah dan kad kesetiaan dalam persekitaran yang selamat.<sup>15</sup>

*E-wallet* merevolusikan cara pengguna moden berbelanja. *E-wallet* menawarkan persekitaran berbelanja yang selamat bagi pengguna, tak kira sama ada mereka berbelanja secara dalam talian mahupun secara fizikal di pasar raya. Kaedah pembayaran melalui *e-wallet* ini dilihat sangat sesuai untuk diamalkan umum berikutan situasi semasa pandemik Covid-19 yang melanda dunia pada masa kini. Ini adalah kerana aplikasi *e-wallet* mengguna pakai kaedah pembayaran tanpa tunai (*cashless*) dan tanpa sentuh (*contactless*). Kelebihan berurusan secara *cashless* juga sedikit sebanyak membantu mengurangkan risiko penularan virus yang terdedah pada wang tunai yang diniagakan dan pada masa yang sama kemungkinan kehilangan wang tunai juga boleh diminimumkan serendah mungkin. Tambahan, dengan kaedah *contactless* tidak berlaku sebarang persentuhan di antara pengguna mahupun *merchant* ketika transaksi dilakukan, Hal ini secara tidak langsung mampu untuk mengekang pandemik Covid-19 daripada terus merebak dalam kalangan masyarakat.

---

<sup>15</sup> Bank Negara Malaysia, “Perkembangan Monetari dan Kewangan”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 8 September 2019, <http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1718/bab5.pdf>.

Penggunaan *e-wallet* tidak hanya terhad kepada pembayaran fizikal di kaunter semata-mata, bahkan penggunaannya meluas untuk digunakan bagi membuat pembayaran pembelian mahupun perkhidmatan yang ditawarkan secara dalam talian. Lebih-lebih lagi ketika zaman pandemik Covid-19 ini, pihak kerajaan sangat menggalakkan pengguna untuk berbelanja secara dalam talian bagi meminimumkan pergerakan di luar rumah.<sup>16</sup> Hal ini disokong melalui Program ePenjana<sup>17</sup> yang bernilai RM750 juta yang memberi manfaat kepada 15 juta orang rakyat Malaysia dengan insentif pemberian sebanyak RM50 seorang. Insentif tersebut dikreditkan ke dalam akaun *e-wallet* pengguna dengan padanan tambahan baucar, pulangan tunai dan diskau RM50 daripada syarikat PPE. Antara syarikat *e-wallet* yang dipilih oleh pihak kerajaan bagi pelaksanaan Program ePenjana ialah syarikat Boost, Touch n' Go *e-wallet* dan GrabPay.<sup>18</sup>

Pemberian insentif tersebut dilihat berfungsi sebagai strategi serampang dua mata dalam membantu ekonomi rakyat bahkan dalam masa yang sama memperkasakan lagi penggunaan *e-wallet* oleh pengguna serta menggalakkan pertambahan jumlah perniagaan yang menggunakan pembayaran tanpa tunai di Malaysia. Walau bagaimanapun, ini bukanlah kali pertama usaha sebegini dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan pembayaran secara elektronik ataupun *e-payments* di Malaysia.

---

<sup>16</sup> Pejabat Perdana Menteri Malaysia, “Teks perutusan khas Perdana Menteri sempena Hari Pekerja 2020”, laman sesawang Pejabat Perdana Menteri Malaysia, dicapai 2 November 2020, <https://www.pmo.gov.my/2020/05/perutusan-khas-perdana-menteri-sempena-hari-pekerja-2020>.

<sup>17</sup> Pejabat Perdana Menteri Malaysia, “Teks ucapan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)”, laman sesawang Pejabat Perdana Menteri Malaysia, dicapai 2 November 2020, <https://www.pmo.gov.my/2020/06/teks-ucapan-pelan-jana-semula-ekonomi-negara-penjana>.

<sup>18</sup> Amy Maizuraa, “Bagaimana Menebus Kredit Dompet Digital RM50 Program e-Penjana”, laman sesawang Amanz Media, diakses 2 November 2020, <https://amanz.my/2020245133>.

*E-payments* merupakan satu daripada inisiatif yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Malaysia dalam usaha untuk memaksimumkan penjimatan di samping memperoleh kelebihan yang tertentu melalui kaedah pembayaran secara *e-payments*.<sup>19</sup> Hal ini dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia melalui pelbagai gerak kerja seperti Garis Panduan Penggunaan *E-money* 2008, *Financial Sector Blueprint 2011-2020*, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan sebagainya.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Istilah *Financial Technology (fintech)* ataupun Teknologi Kewangan merupakan teknologi yang sentiasa berkembang saban hari bersama arus kemodenan dan kecanggihan teknologi masa kini.<sup>20</sup> Ia merujuk kepada sinergi antara kemajuan teknologi dengan dunia kewangan melalui penerapan teknologi tersebut ke dalam produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh industri kewangan.<sup>21</sup> Teknologi ini kemudiannya digunakan oleh syarikat atau perniagaan yang ingin meningkatkan atau mengautomasikan perkhidmatan dan proses kewangan mereka. Antara contoh produk yang terhasil melalui teknologi ini adalah seperti *crowdfunding* (pendanaan awam), mata wang kripto, *Blockchain* (blok rantai), penasihat pelaburan *robo-advisors*, *e-money* (e-wang) dan *e-wallet* (e-dompet).<sup>22</sup>

---

<sup>19</sup> Bank Negara Malaysia, “*Financial Sector Blueprint 2011–2020*”, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, Cetakan Pertama, 2011).

<sup>20</sup> Eza, “Hala tuju FinTech di Malaysia. Selamat tinggal perbankan tradisional?”, laman sesawang Majalah Labur, dicapai 11 Oktober 2019, <http://www.majalahlabur.com/kewangan/fintech-di-malaysia-dan-hala-tuju>.

<sup>21</sup> Builtin, “*Fintech*”, laman sesawang Builtin, dicapai 4 November 2020, <https://builtin.com/fintech>.

<sup>22</sup> CFI, “*Fintech (Financial Technology)*”, laman sesawang Corporate Finance Institute, dicapai 4 November 2020, <https://corporatefinanceinstitute.com/resources/knowledge/finance/fintech-financial-technology>.

Penulisan ini bakal mengetengahkan aplikasi *e-wallet* sebagai subjek utama kajian. Ini adalah kerana aplikasi *e-wallet* merupakan satu daripada contoh aplikasi *fintech* yang saban hari semakin meningkat penggunaannya khususnya di Malaysia. Oleh itu, ia sangat bersesuaian untuk dikaji kerana antara isu utama yang dikenal pasti berkait rapat dengan *fintech* ialah kekurangan garis panduan mahupun parameter yang kukuh sama ada dari sudut undang-undang mahupun syariah.<sup>23</sup>

Selain itu, status *e-wallet* sebagai sebuah aplikasi yang bersifat maya dan masih lagi baru dalam pasaran juga memperlihatkan bahawa garis pemisah di antara patuh syariah atau sebaliknya masih belum dapat dikenal pasti dan memerlukan kepada kajian selanjutnya.

Sementara itu, dalam muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Islam Di Malaysia Kali ke-15 yang dihadiri dan dianjurkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), The International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia (AIBIM) dan juga Association of Shariah Advisors in Islamic Finance (ASAS), isu mengenai penggunaan *e-wallet* mengikut perspektif syarak masih lagi berada dalam fasa kajian awal. Oleh yang demikian, kajian ini amat berpotensi dilakukan dan dilihat sangat relevan dan tepat pada masanya.

Antara isu lain yang dikenal pasti dan acap kali dipersoalkan oleh masyarakat umum khususnya umat Islam di Malaysia berkaitan penggunaan *e-wallet* adalah seperti

---

<sup>23</sup> Muhammad Hisyam, “Some Sharia Considerations Concerning E-wallet”, laman sesawang *Institute of Islamic Understanding Malaysia*, dicapai 11 Oktober 2019, <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2019/08/22/some-sharia-considerations-concerning-e-wallet>.

status pengurusan dan simpanan wang deposit yang telah ditambah nilai ke dalam akaun *e-wallet* pengguna, dan juga status pelbagai pemberian ganjaran dan hadiah daripada PPE kepada pengguna seperti *cashback* (Pulangan Wang Tunai), rebat, diskaun dan sebagainya. Oleh sebab mekanisme penyimpanan deposit dan pemberian ganjaran itu tadi tidak didedahkan kepada masyarakat umum, maka timbul spekulasi sama ada produk *e-wallet* ini patuh syariah atau sebaliknya. Hal ini adalah kerana ia mungkin berkaitan dengan isu *riba*, iaitu pinjaman yang mendapat pulangan manfaat (*Qard Jarra Naf'an*) dan juga *gharar* pada kontrak yang mendasari hubungan antara pihak pengguna, pihak penyedia *e-wallet* (PPE) dan penjual (*merchant*).

Oleh yang demikian, isu utama yang akan dikaji dalam ruang lingkup *fintech* ini adalah terhad mengenai isu *riba* dan *gharar* sahaja. Ruang lingkup ini dipilih kerana Islam telah menyediakan garis panduan dan hukum yang jelas mengenai isu *riba* dan *gharar*. Oleh itu, kajian ini menganalisis akan *riba* dan *gharar* pada perkhidmatan *e-wallet* dari sudut pandang syariah.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dilakukan untuk menghuraikan tiga persoalan utama iaitu:

1. Apakah isu *riba* dan *gharar* yang ada pada aplikasi digital?
2. Apakah modus operandi *e-wallet* di Malaysia?
3. Bagaimanakah kemungkinan berlakunya *riba* dan *gharar* pada aplikasi *e-wallet*?

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilakukan bagi memenuhi tiga objektif utama iaitu:

1. Untuk meneliti isu *riba* dan *gharar* yang ada pada aplikasi digital.
2. Untuk menerangkan modus operandi *e-wallet* di Malaysia.

3. Untuk menganalisis kemungkinan berlakunya isu *riba* dan *gharar* pada aplikasi *e-wallet*.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian berkaitan aplikasi *e-wallet* dari sudut pandang pengguna ini merupakan suatu kajian yang masih lagi baru jika dibandingkan dengan kajian-kajian lain di dalam industri *e-wallet* ini. Kajian ini dilihat penting untuk dilakukan kerana ia berkait rapat dengan aspek kewangan dan juga transaksi muamalah yang berlaku dalam kehidupan seharian. Isu halal dan haram bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan oleh mana-mana individu Muslim kerana ia boleh menjelaskan aspek spiritual mahupun fizikal. Sesungguhnya Islam sangat mementingkan ketelusan dalam urusan muamalah selain menjamin hak pengguna dan juga *merchant* yang terlibat.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini juga dilihat amat signifikan dalam usaha untuk memahami modus operandi *e-wallet* dari sudut syariah di samping dapat mengenal pasti akan kemungkinan berlakunya isu *riba* dan *gharar* dalam transaksi dan penggunaan *e-wallet* oleh pengguna.

Pada masa yang sama, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013) yang telah diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia sendiri dilihat sangat berpotensi untuk menggabungkan di antara industri perkhidmatan (*services industry*) dengan teknologi *fintech* yang ada pada hari ini. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk memastikan IFSA 2013 kekal relevan pada zaman *fintech* ini, maka kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini haruslah diperkasa pada masa hadapan.

Dalam pada itu, pengkaji juga berharap agar melalui kajian ini ia dapat menghasilkan manfaat dan dampak yang positif kepada pihak-pihak yang terlibat, seperti:

i. Pemain Industri *e-wallet*

Dapatkan hasil kajian ini berupaya untuk membantu dan signifikan kepada pemain industri *e-wallet* seperti syarikat-syarikat penyedia *e-wallet* sebagai rujukan dan garis panduan bagi mengelakkan berlakunya isu tidak patuh syariah seperti *riba* dan *gharar* di dalam produk kendalian syarikat mereka.

Sudah tentu, ia akan dapat meningkatkan lagi kualiti pengurusan dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna. Hal ini secara tidak langsung akan menambahkan lagi kepercayaan pengguna khususnya umat Islam yang turut menggunakan produk *e-wallet* tersebut apabila ia diisyiharkan patuh syariah sepenuhnya.

ii. Pembuat Polisi

Kajian ini juga dilihat berpotensi untuk dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pihak-pihak berautoriti yang berkaitan seperti Bank Negara Malaysia, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, majlis fatwa serta Majlis Agama Islam Negeri, dalam usaha untuk mengeluarkan peraturan serta garis panduan yang melibatkan produk *e-wallet* ini supaya bebas daripada unsur yang tidak patuh syariah. Kini, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan beberapa pihak berautoriti lain masih lagi berada dalam fasa kajian awal berkaitan penggunaan *e-wallet* mengikut perspektif syarak.

iii. Para pengkaji

Secara tidak langsung, kajian ini juga turut menyumbang kepada khazanah ilmu semasa, khususnya melibatkan isu-isu terkini yang wujud seiring dengan kemajuan dan kecanggihan teknologi seperti *e-wallet*.

Di samping itu, kajian ini turut menyediakan maklumat-maklumat baru kepada para pengkaji lama mahupun yang baru berkecimpung di dalam bidang kajian ini. Semoga dengan kajian seperti ini bakal membuka lebih banyak lagi pintu kajian yang berkait dengan isu-isu yang bersifat kontemporari dan moden ini.

### **1.7 SKOP DAN BATASAN KAJIAN**

Subtopik skop dan batasan kajian ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih terperinci lagi akan had dan ruang lingkup kajian yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji. Skop dan batasan kajian yang bersesuaian akan membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian yang telah disebut sebelum ini. Skop dan batasan kajian yang ditetapkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

i. Jenis subjek kajian

Kajian ini akan mengambil aplikasi *e-wallet* sebagai subjek utama kajian. Namun begitu, skop dikecilkan dengan mengambil kira jenis *e-wallet* yang bertransaksi menggunakan wang fiat mahupun *e-money*. Oleh yang demikian, *e-wallet* yang bertransaksi selain daripada wang fiat atau *e-money* seperti mata wang kripto Bitcoin dan Ethereum adalah terkeluar daripada fokus kajian ini.

ii. Lokaliti subjek kajian

Kajian ini akan berfokus kepada *e-wallet* yang berada dalam pasaran Malaysia sahaja. Sebarang *e-wallet* yang berada di luar pasaran Malaysia terkecuali daripada kajian ini.

### iii. Isu kajian

Teknologi *fintech* merupakan sesuatu yang masih lagi baru dan mempunyai kelompongan seperti kekurangan garis panduan dan parameter yang khusus berkenaan produk-produk *fintech* ini. Tidak terkecuali ialah subjek kajian iaitu aplikasi *e-wallet* yang kian banyak digunakan oleh ahli masyarakat serta hukum syarak yang meliputi penggunaannya.

Oleh yang demikian, perbahasan dalam kajian ini akan berlegar sekitar isu *riba* dan *gharar* sahaja. Oleh sebab kajian ini akan mengkaji tentang kemungkinan berlakunya isu *riba* dan *gharar* dalam aplikasi *e-wallet*, maka jangkaan dapatkan kajian ialah isu *riba* dan *gharar* tersebut boleh jadi wujud atau sebaliknya.

### iv. Informan

Informan yang menjadi rujukan utama dalam pengumpulan data dan fakta terdiri daripada beberapa orang pegawai syariah di beberapa buah bank terpilih di Malaysia. Mereka merupakan individu yang berkecimpung secara langsung di dalam kajian digital dan *e-wallet*.

Oleh yang demikian, kepakaran dan pengalaman luas mereka di dalam bidang kajian ini dilihat dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam perlaksanaan kajian ini. Walau bagaimanapun, kesemua informan meminta untuk identiti mereka dirahsiakan dan data yang diperoleh digunakan untuk tujuan kajian dan akademik sahaja.

Tambahan, kajian ini hanya menemuramah informan yang memiliki latarbelakang syariah dan juga pendedahan kepada aplikasi moden. Kajian ini tidak menemubual informan daripada PPE memandangkan pihak mereka masih belum lagi mempunyai jabatan syariah mereka yang tersendiri bahkan

mereka lebih menumpukan kepada urusan teknikal sahaja sekaligus tidak membantu untuk memenuhi objektif kajian. Manakala berkaitan modus operandi dan urusan teknikal *e-wallet*, hal tersebut masih boleh diterangkan melalui maklumat-maklumat yang boleh diperolehi daripada sumber sekunder.

### **1.8 ULASAN KAJIAN LEPAS**

Penulisan ulasan kajian lepas merupakan sebuah proses yang dilakukan oleh pengkaji untuk mengenal pasti kelompongan isu yang ada dalam sesebuah kajian. Melalui proses ini, ia membantu pengkaji dalam usaha untuk memahami dan mendapatkan gambaran yang lebih terperinci terhadap kajian yang sedang dijalankan. Kajian mengenai *e-wallet* ini telah banyak dibincangkan oleh para ahli akademik daripada pelbagai sudut, namun demikian perbincangan yang menjurus kepada isu syariah dilihat kurang statistiknya jika dibandingkan dengan penulisan *e-wallet* konvensional. Secara ringkasnya, ulasan kajian lepas yang dilakukan dalam kajian ini adalah berdasarkan isu syariah yang berlaku seperti isu *riba* dan *gharar* pada aplikasi digital, dan juga isu syariah mengenai *e-wallet*. Pengkaji membahagikan perbincangan ini kepada tiga subtopik seperti berikut:

Jadual 1.1. Senarai Subtopik dan Isu-isu bagi Ulasan Kajian Lepas

<b>Subtopik</b>	<b>Isu-isu</b>
1.8.1 Kajian Lepas Mengenai Isu <i>Riba</i> Pada Aplikasi Digital	1.8.1.1 <i>Riba</i> pada jual beli emas dalam talian
	1.8.1.2 <i>Riba</i> pada platform e-dagang ( <i>Shopee Pay Later</i> )
1.8.2 Kajian Lepas Mengenai Isu <i>Gharar</i> Pada Aplikasi Digital	1.8.2.1 <i>Gharar</i> dalam urusan jual beli tiket penerbangan secara dalam talian
	1.8.2.2 <i>Gharar</i> pada kontrak elektronik dalam talian
	1.8.2.3 <i>Gharar</i> pada <i>dropship</i> dalam talian

	1.8.2.4 <i>Gharar</i> pada jual beli emas dalam talian
	1.8.2.5 <i>Gharar</i> di dalam <i>Cryptocurrencies</i>
1.8.3 Kajian Lepas Mengenai <i>E-wallet</i> Dari Sudut Syariah	Isu berkaitan kontrak <i>e-wallet</i> , pengurusan wang deposit pengguna, isu ganjaran yang diberi oleh PPE kepada pengguna dan sebagainya.

Sumber: Olahan Pengkaji.

### **1.8.1 Kajian Lepas Mengenai Isu *Riba* Pada Aplikasi Digital**

#### **1.8.1.1 *Riba* pada jual beli emas dalam talian**

Antara syarat utama jual beli emas sebagai sebuah barang yang bersifat ribawi ialah serahan emas kepada pembeli dan penerimaan bayaran kepada penjual dilakukan secara lani dalam sebuah majlis. Menurut Lia Luaida et al.<sup>24</sup> dalam kajiannya yang bertajuk “Analisis Penerapan Akad Wakālah Dalam Jual Beli Emas Online Oleh Toko Sra Gold”, mereka berpendapat bahawa transaksi jual beli emas secara dalam talian adalah tidak sah. Hal ini disebabkan pembeli dan penjual tidak berada di dalam sebuah majlis akad yang sama sekali gus mengakibatkan syarat jual beli tidak dapat dipenuhi dan mengakibatkan isu *riba*. Mereka juga menekankan bahawa jual beli emas tidak boleh dilakukan secara hutang disebabkan oleh syarat barangan ribawi itu sendiri. Untuk mengatasi masalah ini, mereka mencadangkan agar kontrak jual beli dibuat dengan kontrak *wakālah*, iaitu mewakilkan orang lain untuk membuat transaksi jual beli dengan penjual sekali gus membolehkan transaksi dijalankan dalam sebuah majlis yang sama.

---

<sup>24</sup> L. Luaida, S.R. Andari, Z. Rasyida, “Analysis of the Implementation of Wakālah Contracts in Buying and Selling Gold Online by Toko Sra Gold”, *YIE (Youth & Islamic Economic 3)*, No. 1, (Januari 2022), 1-5.

Muhamad Zuhaili Saiman<sup>25</sup> dalam kajiannya yang bertajuk “Parameter Bagi Pembelian Emas Dalam Talian Secara Kaedah Kunci Harga (*Lock Price*): Satu Analisis” turut membincangkan mengenai kemungkinan berlakunya isu pertangguhan pembayaran dan *taqābuḍ* yang berlaku dalam jual beli emas secara dalam talian dalam satu majlis. Dalam hal ini, beliau berpendapat bahawa syarat satu majlis walaupun dilakukan secara dalam talian masih boleh diterima, berbeza hal nya dengan pendapat oleh Lia Luaida di atas yang mengatakan transaksi itu tidak sah secara total. Tambah beliau, syarat-syarat yang memenuhi kriteria satu majlis yang boleh diterima ialah seperti transaksi dalam talian yang berjalan lancar tanpa ada unsur penangguhan walaupun kedua-dua pihak berada di dua buah tempat yang berlainan. Sekiranya berlaku gangguan internet ketika transaksi dijalankan atau transaksi dilakukan melalui rakaman video maka ia tidak dikira sebagai sebuah majlis yang sah. Perincian transaksi seperti kehadiran kedua-dua belah pihak secara dalam talian yang menyatakan masa, tarikh, jenis barang yang dibeli serta jumlah bayaran yang dibayar adalah penting untuk menjamin kesahihan transaksi yang dijalankan. Transaksi yang berlaku di dalam majlis tersebut dikira sah kerana memenuhi syarat *taqābuḍ hukmi* di antara pembeli dan penjual. Melalui *taqābuḍ hukmi*, penyerahan hak milik telah berlaku secara sah meskipun serahan fizikal barang masih belum terjadi lagi. Natijahnya, pembeli secara hukum merupakan pemilik sah dan memiliki hak untuk menjual semula, memajak atau sebagainya ke atas emas yang dibeli itu tadi.

Menurut Talitha Nabila et al.<sup>26</sup> melalui kajiannya yang bertajuk “Tinjauan Fikih Muamalah Terhadap Jual Beli Emas *Online*”, beliau bersepakat dengan kajian di atas dengan mengatakan bahawa ada kemungkinan berlaku *riba* dalam transaksi jual beli emas

<sup>25</sup> Saiman, M.Z, “Parameter Bagi Pembelian Emas Dalam Talian Secara Kaedah Kunci Harga (*Lock Price*) : Satu Analisis: *Parameters For Buying Gold Online Through Lock Price Method: An Analysis*, *Journal of Fatwa Management and Research* 27, No. 4 (2022), 176-192.

<sup>26</sup> Talitha Nabila et al., “Tinjauan Fikih Muamalah Terhadap Jual Beli Emas *Online*”, (*Prosiding Hukum Ekonomi Syariah* 7, No. 2, Ogos 2021), 234-238.

secara dalam talian yang disebabkan oleh penangguhan dalam *taqābūd* pembayaran dan penerimaan emas tersebut.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Nopi Indrianto et al.<sup>27</sup> yang bertajuk “*A Review of Sharia Economic Law on the Application of the Rule of Riba in Online Sales and Purchases on the Shopee and Facebook Platforms*” turut membincangkan mengenai isu *riba* yang berlaku dalam jualan emas secara dalam talian, dan dalam konteks kajian beliau ialah jualan di platform Facebook dan Shopee. Beliau mendapati bahawa emas yang dijual dalam platform tersebut tidak boleh diserahkan secara terus kepada pembeli kerana perlu melalui proses penghantaran pos terlebih dahulu. Oleh sebab emas merupakan barang ribawi, maka proses serahan barang harus dilakukan secara lani. Rentetan hal itu, beliau mencadangkan agar urusan jual beli tersebut dilakukan secara Tunai Semasa Penyerahan (*Cash On Delivery*) di mana pembeli dan penjual masing-masing bersetuju untuk melakukan jual dan beli emas tersebut pada tempat dan masa yang dijanjikan, atau dengan menjadikan pihak kurir sebagai wakil penjual.

#### **1.8.1.2 *Riba* pada platform e-dagang (*Shopee Pay Later*)**

Menurut Nopi Indrianto et al.<sup>28</sup>, beliau mendapati isu *riba* turut berlaku melalui pembelian barang secara ansuran berserta faedah seperti yang berlaku pada platform Shopee. Menerusi Program *Shopee Pay Later* (SPL), pembayaran secara ansuran tersebut dikenakan faedah sebanyak 2.95 peratus dan penalti 5 peratus sekiranya berlaku kelewatan pembayaran. Transaksi pembayaran secara ansuran ini mengandungi *riba al-faḍil* dan juga *riba al-nasi'ah*. Dalam hal ini, transaksi tersebut merupakan kontrak

---

<sup>27</sup> Indrianto, Nopi et al., “A Review of Sharia Economic Law on the Application of the Rule of Riba in Online Sales and Purchases on the Shopee and Facebook Platforms”, (*Proceedings of the International Conference on Islamic and Muhammadiyah Studies (ICIMS 2022)*, 2022), 145-152.

<sup>28</sup> *Ibid.*

hutang dan pembayaran semula haruslah dilakukan tanpa ada faedah. Sekiranya ada unsur penglibatan faedah dalam pembayaran semula, maka itulah *riba*.

Isu yang sama juga turut dibangkitkan oleh Bilqis Salma Elysia dan Muh Jufri Achmad melalui kajian mereka yang bertajuk “Analisis Akad Jual Beli Menggunakan *Shopee Pay Later* Dalam Perspektif Hukum Islam”.

Hal yang sama turut disokong oleh Muhamad Syahiran<sup>29</sup> dan Muhammad Aunurrochim. Mereka mendapati SPL tidak patuh syariah kerana berlaku kontrak hutang yang menjurus kepada *riba al-nasiah*. Antara isu syariah yang menjadi perhatian ialah mengenai caj pemprosesan dan caj lewat bayar.

Perkara yang sama turut dibincangkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan Malaysia di laman sesawang rasmi beliau yang bertajuk “Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-638<sup>30</sup>: Isu Syariah Berkaitan Penggunaan Shopee Pay Later”. Isu yang sama turut dibahaskan iaitu mengenai isu syariah seperti caj pemprosesan dan juga caj lewat bayar.

Kajian yang dilakukan oleh Agisni Maulina Solihin et al.<sup>31</sup> yang bertajuk “Analisis Transaksi Shopee Paylater Dalam Perspektif Hukum Islam” turut mendapati bahawa transaksi SPL ini tidak patuh syariah kerana wujudnya caj tambahan dan faedah yang dikenakan ke atas pembeli yang menghasilkan *riba qard* dan *riba Jāhiliyyah*.

---

<sup>29</sup> Muhamad Syahiran bin Che Mansor, Muhammad Aunurrochim Mas’ad, “*Shopee Pay Later Application And Bay ‘Muajjal: A Syariah Approach*”, (E-proceeding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2022), 10-23.

<sup>30</sup> Abd Hakim Bin Abd Rasid, “Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-638: Isu Syariah Berkaitan Penggunaan Shopee Pay Later”, laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, dicapai 27 Januari 2023, <https://Muftiwp.Gov.My/En/Artikel/Irsyad-Fatwa/Irsyad-Fatwa-Umum-Cat/5049-Irsyad-Al-Fatwa-Siri-Ke-638-Isu-Syariah-Berkaitan-Penggunaan-Shopee-Pay-Later>.

<sup>31</sup> Agisni Maulina Solihin et al., “Analisis Transaksi Shopee Paylater Dalam Perspektif Hukum Islam”, *JPG: Jurnal Pendidikan Guru 3*, No. 4, (Oktober 2022), 284-288.

Namun demikian, akhirnya SPL berstatus patuh syariah apabila pihak Shopee Malaysia<sup>32</sup> menyelesaikan masalah yang disebutkan di atas dengan melantik penasihat syariah daripada Amanie Advisors<sup>33</sup>. Menurut Shopee, SPL kini sejajar dengan hukum syariah dengan mengguna pakai konsep *Bay` Bithaman Ajil* (jualan bayaran tertangguh), di mana kesemua pihak yang terlibat dalam transaksi jual beli tersebut bersetuju untuk membuat pembayaran secara ansuran. Manakala caj pemprosesan yang dikenakan kepada pembeli digunakan untuk menampung kos dan kerja yang berkaitan dengan operasi SPL dan ia selaras dengan konsep *ujrah*. Caj lewat bayar pula digunakan untuk menampung kos yang ditanggung akibat kegagalan pembayaran pengguna. Sebarang kutipan yang melebihi kos sebenar dianggap sebagai *gharamah* (penalti) dan akan disalurkan kepada badan-badan kebaikan yang diluluskan oleh Penasihat Syariah Shopee Malaysia.

### **1.8.2 Kajian Lepas Mengenai Isu *Gharar* Pada Aplikasi Digital**

Berikut merupakan beberapa penulisan yang berkaitan dengan isu *gharar* pada aplikasi digital. Aplikasi digital dipilih kerana ia berada dalam kategori yang sama dengan *e-wallet* yang berasaskan *fintech*. Antara isu *gharar* dalam aplikasi digital ialah isu pembelian tiket secara dalam talian, isu kontrak elektronik dalam talian, isu *dropship* dalam talian, isu jual beli emas dalam talian dan juga isu mata wang kripto. Kajian yang melibatkan isu *gharar* di dalam aplikasi digital adalah seperti berikut:

#### **1.8.2.1 *Gharar* dalam urusan jual beli tiket penerbangan secara dalam talian**

Penulisan yang pertama adalah kajian yang dijalankan oleh Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Taqiuddin Mohamad dan Mohd Anuar Ramli untuk menganalisis

---

<sup>32</sup> Shopee Malaysia Help Center, “[SPayLater] Is SPayLater Shariah Compliant?”, laman sesawang Shopee Malaysia, dicapai 27 Januari 2023, [https://help.shopee.com.my/portal/article/92306-\[SPayLater\]-Is-SPayLater-Shariah-Compliant?previousPage=search%20recommendation%20bar&source=3?previouspage=other%20articles](https://help.shopee.com.my/portal/article/92306-[SPayLater]-Is-SPayLater-Shariah-Compliant?previousPage=search%20recommendation%20bar&source=3?previouspage=other%20articles)

<sup>33</sup> Amanie Advisors - *Islamic Banking & Shariah Finance Advisors*, dicapai 27 Januari 2023, <https://amanieadvisors.com>.

perspektif *gharar* dalam urusan jual beli tiket penerbangan secara dalam talian.<sup>34</sup> Dalam kajian berkenaan, mereka mendapati bahawa tahap *gharar* yang berlaku dalam transaksi jual beli tiket penerbangan dalam talian tersebut adalah pada tahap *gharar yasir*, iaitu *gharar* berskala rendah sahaja. Namun demikian, *gharar yasir* tidak menggugat akan transaksi yang berlaku. Selain itu, pihak mereka juga berpendapat bahawa segala transaksi, pengiklanan, penawaran harga tiket serta pengenaan caj berasingan haruslah dinyatakan secara jelas oleh pihak pengendali syarikat penerbangan agar etika jual beli dalam Islam dan tahap patuh syariah dapat dicapai dengan sebaiknya. Hal yang sama disokong oleh Chonita Alvy Barokah dalam kajiannya yang bertajuk “Analisis Hukum Islam Terhadap Perubahan Harga Tiket Pesawat Berdasarkan Perbedaan Waktu di Traveloka.Com”<sup>35</sup>. Melalui kajian ini, beliau mendapati bahawa ada unsur ketidaktelusan yang berlaku dalam penetapan harga tiket pesawat. Beliau mencadangkan agar pihak pengendali syarikat penerbangan untuk lebih telus dalam memberikan informasi seperti harga yang terjadi jika berlaku kelewatan pembayaran tiket pesawat dan sebagainya.

#### **1.8.2.2 *Gharar* pada kontrak elektronik dalam talian**

Kajian yang seterusnya dilakukan oleh Siti Salwani Razali yang bertajuk “*Online Contract and the Issues of Gharar and Certainty*”<sup>36</sup>. Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti apakah yang dimaksudkan dengan *gharar* dan bagaimana *gharar* tersebut mempengaruhi kebolehlaksanaan kontrak elektronik dari sudut syariah. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa elemen *gharar* dapat dikurangkan atau diatasi sepenuhnya jika

---

<sup>34</sup> Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Taqiuddin Mohamad, Mohd Anuar Ramli, “Isu Syariah Dalam Jual Beli Tiket Penerbangan Atas Talian: Analisis Perspektif *Gharar*”, *International Journal of Islamic Business* 3, No. 2, (Disember 2018), 12-13.

<sup>35</sup> Chonita Alvy Barokah, “Analisis Hukum Islam Terhadap Perubahan Harga Tiket Pesawat Berdasarkan Perbedaan Waktu Di Traveloka.Com”, (Projek tahun akhir Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, 2018), 79-80.

<sup>36</sup> Siti Salwani Razali, “*Online Contract and The Issues of Gharar and Uncertainty*”, *IIUM Law Journal* 16, No. 1, (2008), 60-64.

ia memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Syarat tersebut ialah barang jualan boleh dilihat melalui skrin komputer. Sekiranya tiada gambar, maka pihak penjual haruslah meletakkan perincian tentang barang tersebut supaya dapat dibaca dan difahami oleh pembeli. Dan sekiranya hal tersebut tidak dapat dipenuhi, maka pembeli haruslah diberi hak untuk *khiyar al-ru'yah*.

#### **1.8.2.3 *Gharar* pada *dropship* dalam talian**

Kajian yang dilakukan oleh Nor Azah Jahari dan Al-Hasan Al-Aidaros yang bertajuk “*Online Dropship for Business Transaction in Malaysia: Views from Muslim Scholars*”<sup>37</sup>, dilakukan untuk menjelaskan transaksi *dropship* dalam talian dari sudut perspektif Islam. Beliau menerangkan ada beberapa syarat yang harus dipenuhi untuk memastikan transaksi *dropship* dalam talian ini sah dan terpelihara daripada elemen *gharar*. Antara syaratnya ialah ejen *dropship* perlu menyatakan dengan jelas barang yang ditawarkan berserta gambar dan perincian spesifikasi barang tersebut kepada pihak pelanggan. Kemudian ejen *dropship* juga perlu jelas menyatakan kepada pelanggan mengenai butiran pembayaran dan metode penghantaran barang tersebut. Sekiranya syarat-syarat ini tidak dipenuhi, maka isu *gharar* boleh berlaku pada *dropship* dalam talian ini.

#### **1.8.2.4 *Gharar* pada jual beli emas dalam talian**

Kajian yang dilakukan oleh Chairul Aprizal dan Nurul Hakim yang bertajuk “Analisis Hukum Terhadap Jual-Beli Emas Virtual Berdasarkan Perspektif Hukum Perdata Dan Hukum Islam”<sup>38</sup> membincangkan tentang isu *gharar* yang berlaku pada jual beli emas

---

<sup>37</sup> Nor Azah Jahari, Al-Hasan Al-Aidaros, “*Online Dropship for Business Transaction in Malaysia: Views from Muslim Scholars*”, *International Journal of Islamic Business 1 (IJIB)*, No. 1, (2016), 13-28.

<sup>38</sup> Chairul Aprizal, Nurul Hakim, “Analisis Hukum Terhadap Jual-Beli Emas Virtual Berdasarkan Perspektif Hukum Perdata Dan Hukum Islam”, *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Hukum 1 [JIMHUM]*, No. 1, (2021).

dalam talian. Mereka mendapati isu *gharar* ini berlaku apabila pembeli hanya dimaklumkan mengenai nilai emas semata-mata tanpa dapat melihat emas yang menjadi subjek jual beli. Tambahan, ketidakjelasan perincian pada jenis dan berat emas yang dijual, dan juga pada status kedua-dua pihak yang berkontrak secara dalam talian menguatkan lagi unsur *gharar* yang berlaku dalam transaksi tersebut.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Lia Luaida et al.<sup>39</sup> mencadangkan agar kontrak *wakālah* digunakan dalam urusan jual beli emas secara dalam talian sebagai langkah penyelesaian bagi masalah *taqābūd* (penerimaan) barang ribawi. Kontrak *wakālah* dilakukan dengan mewakilkan orang lain untuk membuat transaksi jual beli dengan penjual. Namun demikian, beliau mendapati bahawa berlaku masalah lanjutan yang lain apabila penjual, pembeli dan wakil masing-masing tidak memahami perlaksanaan mekanisme *wakālah* dalam transaksi jual beli tersebut. Hal ini menyumbang kepada isu *gharar* yang berlaku berdasarkan kontrak *wakālah* dalam jual beli emas secara dalam talian.

Zaharuddin Abd Rahman<sup>40</sup> menekankan bahawa isu *gharar* juga boleh berlaku apabila penjual terlebih dahulu mengambil wang *wadi’ah* daripada pelanggan dalam keadaan stok emas sukar didapati. Tambahan, sekiranya berlakunya ketiadaan stok emas dalam jualan emas secara dalam talian maka ia membawa kepada unsur bertangguh yang juga membawa kepada isu *gharar*. Oleh yang demikian penjual emas secara dalam talian haruslah sentiasa memastikan bahawa mereka sentiasa memiliki stok emas pada setiap

<sup>39</sup> L. Luaida, S.R. Andari, Z. Rasyida, “Analysis of the Implementation of Wakālah Contracts in Buying and Selling Gold Online by Toko Sra Gold”, YIE (Youth & Islamic Economic 3), No. 1, (Januari 2022), 1-5.

<sup>40</sup> Zaharuddin Abd Rahman, “Wang, Anda dan Islam: Halal dan Haram Dalam Kewangan Pembankatan”, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2009).

masa sebagai bukti bahawa emas jualan mereka adalah benar-benar wujud dan mudah diperoleh daripada syarikat pembekal emas.

#### **1.8.2.5 *Gharar* di dalam *Cryptocurrencies***

Kajian yang dilakukan oleh Asep Zaenal dan Elsa Silvia yang bertajuk “Teknologi *Cryptocurrency* Bitcoin Untuk Investasi Dan Transaksi Bisnis Menurut Syariat Islam”<sup>41</sup> membincangkan gambaran tentang teknologi *Blockchain* (blok rantai) dan Bitcoin serta kebolehupayaannya dalam pelaburan dan transaksi jual beli menurut sudut pandang Islam. Mereka mendapati bahawa penggunaan teknologi tersebut sebagai instrumen pelaburan mengandungi unsur *maysir*, dan juga mempunyai unsur *gharar* jika digunakan sebagai instrumen jual beli.

Menurut Yusuf Sani Abubakar et al. dalam kajiannya yang bertajuk “*Bitcoin and its Legality from Syariah Point of View*”<sup>42</sup>, mereka mendapati bahawa isu *gharar* berlaku disebabkan pengguna Bitcoin tidak diketahui dan tidak dapat dikenal pasti (*anonymous*). Oleh yang demikian, sekiranya berlaku apa-apa aktiviti yang mencurigakan maka agak sukar untuk menjelaskan pemilik akaun tersebut.

Menurut Ahmad Kameel Mydin Meera pula dalam kajiannya yang bertajuk “*Cryptocurrencies from Islamic Perspectives: The Case of Bitcoin*”<sup>43</sup>, pendapatnya senada dengan penulisan Yusuf Sani Abubakar et al. di atas. Beliau juga menambah beberapa isu tambahan lain yang menimbulkan persoalan *gharar* dalam transaksi *cryptocurrencies*. Antara isu yang dibangkitkan adalah seperti status pengasas Bitcoin itu

---

<sup>41</sup> Asep Zaenal, Elsa Silvia, “Teknologi Cryptocurrency Bitcoin Dalam Transaksi Bisnis Menurut Syariat Islam”, *Jurnal Sosioteknologi Institut Teknologi Bandung* 17, No. 1, (2018), 74-92.

<sup>42</sup> Yusuf Sani et al., “*Bitcoin and its Legality from Shariah Point of View*”, *SEISENSE Journal of Management* 1, No. 4, (2018), 13-21.

<sup>43</sup> Ahmed Kameel Mydin Meera, “*Cryptocurrencies from Islamic Perspectives: The Case of Bitcoin*”, *Bulletin of Monetary Economics and Banking* 20, No. 4, (2018), 1-18.

sendiri dan siapa yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus Bitcoin atau sistem tersebut secara keseluruhan. Kemudian, beliau juga mengatakan bahawa Bitcoin tidak diiktiraf sebagai wang kerana ia tidak didasari dengan komoditi sebenar atau servis sekali gus menjadikan nilai Bitcoin sebagai tidak stabil (*high volatility*) dan berpotensi untuk di manipulasi pihak yang tak bertanggungjawab. Tambahan, ketiadaan pentadbir pusat (*central administrator*) untuk mengawal selia sistem sekiranya berlakunya kecurian atau *hacking* kepada akaun pengguna mahupun ketika berlakunya kerosakan sistem (*system crash*) menguatkan lagi elemen *gharar* yang berlaku di dalam Bitcoin dan sistem pembayarannya.

Kajian yang dilakukan oleh Ahmada Khoirul Umam, Onny Herlambang Putra Wardhana dan Ira Humaira Hany yang bertajuk “Dinamika *Cryptocurrency* dan Misi Ekonomi Islam”<sup>44</sup> mendapati bahawa ketaktentuan (*volatility*) harga dalam pasaran *cryptocurrency* adalah sangat tinggi dan membawa kepada isu *gharar* yang sangat besar. Oleh yang demikian beliau berpendapat bahawa perlu ada aset pendasar (*backing asset*) seperti emas yang mengikat *cryptocurrency* yang berperanan untuk mengurangkan ketaktentuan dan ketidakstabilan pasaran mata wang digital tersebut. Dalam masa yang sama, aset pendasar ini juga boleh mengurangkan spekulasi *gharar*, *riba* dan *maysir* yang berlaku dalam pasaran *cryptocurrency*.

Hal mengenai ketaktentuan harga yang sangat tinggi ini juga turut disentuh dalam kajian “*Cryptocurrency from Shari’ah perspective*”<sup>45</sup> oleh Gapur Oziev dan Magomet Yandiev. Dalam kajian ini dinyatakan sekiranya pembelian *cryptocurrency* bertujuan

---

<sup>44</sup> Ahmada Khoirul Umam, Onny Herlambang Putra Wardhana, Ira Humaira Hany, “Dinamika Cryptocurrency Dan Misi Ekonomi Islam”, *An-Nisbah: Jurnal Ekonomi Syariah* 7, No. 2, (Oktober 2020), 366-386.

<sup>45</sup> Gapur Oziev, Magomet Yandiev, “*Cryptocurrency from a Shari’ah Perspective*”, *Al-Shajarah: Journal of the International Institute Of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 23, No. 2, (Disember 2018), 315-337.

untuk simpanan maka ia tidak dibenarkan. Ketaktentuan harga yang terlalu tinggi itu menyebabkan risiko *gharar* dan juga *maysir* berlaku. Namun sekiranya kadar ketaktentuan itu boleh dikurangkan kepada kadar yang lebih rendah seperti mata wang dunia yang lain maka larangan itu tadi dibenarkan semula.

Selain itu, menurut Masithoh dan Ahmad Imam Hambali dalam kajian mereka yang bertajuk “*Virtual Money Exchange (Cryptocurrency) With Real Money (Rupiah) Based On Sharia Economic Law Perspective*”<sup>46</sup>, mereka berpendapat bahawa *cryptocurrency* adalah haram dari sudut pandang ekonomi Islam kerana mempunyai elemen *gharar* dan *maysir*. Menurut mereka, elemen tersebut wujud kerana pihak pembeli yang berkontrak tidak mengetahui status barang yang dibeli itu sama ada wujud atau tidak dan transaksi dijalankan atas dasar saling mempercayai (*mutual trust*) semata-mata. Selain itu, *cryptocurrency* juga tidak wujud dalam bentuk fizikal dan mudah terdedah kepada penipuan mahupun serangan siber.

Namun demikian, Mohd Daud Bakar<sup>47</sup> berbeza pendapat dengan pengkaji-pengkaji yang lain. Menurut beliau, Bitcoin merupakan sebuah mata wang yang sah di sisi syariah dan halal untuk digunakan oleh umat Islam. Pada masa yang sama, beliau melihat bahawa berlaku salah faham dalam kalangan masyarakat dalam memahami perbezaan di antara *gharar* (*uncertainty*) dan juga *khatar* (risiko). Tambah beliau, *khatar* tidak dipengaruhi oleh hukum syariah, namun berbeza halnya dengan *gharar*. Oleh yang demikian, risiko penurunan harga Bitcoin itu adalah melibatkan *khatar* semata-mata dan tidak membantalkan kontrak yang berlaku walau setinggi mana *khatar* tersebut berlaku. Dalam

---

<sup>46</sup> Masithoh, Ahmad Imam Hambali, “*Virtual Money Exchange (Cryptocurrency) With Real Money (Rupiah) Based on Sharia Economic Law Perspective*”, *International Journal of Social, Service and Research* 2, No. 6, (Jun 2022), 518-525.

<sup>47</sup> Mohd Daud Bakar, “Bitcoin Patuh Syariah- Dato’ Dr. Daud Bakar (2021)”, laman sesawang *Youtube* , dicapai 28 September 2021, <https://www.youtube.com/watch?v=vkWExraDYvM>.

erti kata lain, ketaktentuan (*volatility*) harga *cryptocurrency* bukanlah *illah* yang mempengaruhi kebenaran atau larangan terhadap sesuatu perkara.

### **1.8.3 Kajian Lepas Mengenai *E-wallet* Dari Sudut Syariah**

Muhammad Hisham<sup>48</sup> membincangkan dalam kajiannya tentang konsep asas dan jenis-jenis *e-wallet* serta isu syariah yang dilihat timbul dalam penggunaan *e-wallet*. Bagi bank yang mengeluarkan produk *e-wallet*, mudah bagi masyarakat untuk memilih di antara akaun yang konvensional mahupun yang patuh syariah. Bank membuat keuntungan dengan mengguna pakai wang pelanggan, dan dalam konteks akaun patuh syariah prinsip syariah seperti *mudarabah*, *musharakah*, *murabahah*, *tawaruq*, *ijārah* dan sebagainya digunakan. Manakala bagi PPE yang beroperasi selain dari bank, mereka mendapat keuntungan daripada pelbagai sumber, seperti komisen daripada pembayaran perkhidmatan melalui *e-wallet* dan juga pengiklanan dan caj promosi *merchant* yang berdaftar dengan pihak *e-wallet* tersebut. Dalam masa yang sama, PPE juga mendapat wang faedah melalui penyimpanan wang deposit atau *upfront value* oleh pengguna ke dalam *e-wallet* mereka. Maka, antara isu syariah yang menjadi kebimbangan masyarakat Islam adalah bagaimana wang *upfront value* tersebut dikendalikan dan disimpan, dan adakah ia digunakan untuk kegunaan yang patuh syariah atau sebaliknya.

Beliau memetik kenyataan daripada pihak BNM di dalam *Guidelines on Electronic Money*, bahawa pengeluar *e-money* tidak dibenarkan untuk menggunakan wang yang dikutip untuk melanjutkan pinjaman kepada mana-mana orang lain atau memberi kredit kepada pengguna atau membayar faedah atau keuntungan dalam baki *e-money* atau apa-apa yang akan menambah nilai wang *e-money* tersebut. Namun demikian, pihak BNM

---

<sup>48</sup> Muhammad Hisyam, “Some Sharia Considerations Concerning E-wallet”, laman sesawang Institute of Islamic Understanding Malaysia, dicapai 11 Oktober 2019, <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2019/08/22/some-sharia-considerations-concerning-e-wallet>.

tidak menyatakan arahan kepada pengeluar *e-money*, khususnya bagi PPE non-bank, untuk membuat akaun khas bagi deposit yang diambil daripada pengguna Muslim.

Azrul Azlan dalam penulisannya yang bertajuk “Aplikasi *e-wallet*: Adakah Ia Mematuhi Syariah?”<sup>49</sup> pula berpendapat bahawa perkhidmatan *e-wallet* tidaklah melanggar prinsip syariah bahkan ia membantu manusia memudahkan urusan kerja sehari-hari. Namun demikian, beliau menambah bahawa pihak PPE haruslah mengambil langkah berjaga-jaga dalam menawarkan promosi bonus isi semula yang boleh menjurus kepada isu *riba* atau *qard jarra naf'an*, dan juga promosi yang bercanggah dengan syariat seperti pertandingan *lucky draw* yang mensyaratkan pengguna untuk membayar sesuatu bagi menyertai pertandingan tersebut untuk sebuah hadiah yang bernilai ribuan ringgit sebagai contoh, semata-mata untuk menggalakkan pengguna untuk menggunakan fungsi *e-wallet* tersebut. Sekiranya pengguna tidak berjaya memenangi pertandingan tersebut, wang tersebut akan dikembalikan semula ke dalam akaun *e-wallet* pengguna. Komitmen wang yang dikeluarkan untuk menyertai *lucky draw* tersebut, walaupun kalah, adalah tetap dikira sebagai perjudian, dan dikira seperti menyertai perjudian tetapi tidak mengeluarkan duit sendiri.

Menurut Hanudin Amin dalam penulisannya yang bertajuk “Are Cashback Rewards Halal?”<sup>50</sup>, beliau berpendapat bahawa promosi bonus isi semula hanyalah bersifat strategi pemasaran semata-mata sekali gus menggalakkan pengguna untuk membuat lebih banyak lagi pembelian dan memperoleh ganjaran insentif bagi setiap penggunaan kad kredit, kad debit mahupun *e-wallet* mereka. Namun begitu, insentif ini

---

<sup>49</sup> Azrul Azlan Iskandar Mirza, “Aplikasi *e-wallet*: Adakah Ia Mematuhi Syariah?”, laman sesawang Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dicapai 11 Oktober 2019, <http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/artikel/453-aplikasi-e-wallet-adakah-ia-mematuhi-syariah>.

<sup>50</sup> Hanudin Amin, “Are Cashback Rewards Halal?”, laman sesawang Sabah News Today, dicapai 11 Oktober 2019, <https://www.sabahnewstoday.com/are-cashback-rewards-halal/?lang=en>.

tidak dibenarkan apabila ia berlaku atas dasar pinjaman (*loan*), dan dibenarkan jika ia berlaku atas dasar jualan (*sale*).

Beliau mencadangkan enam syarat yang membenarkan promosi bonus isi semula yang patuh syariah. Pertama, transaksi pendasar yang berlaku adalah dalam bentuk jualan dan bukannya pinjaman. Kedua, transaksi yang melibatkan promosi bonus isi semula hanyalah melibatkan barang dan servis yang patuh syariah sahaja. Ketiga, promosi bonus isi semula diberikan berdasarkan kepada produk perbankan Islam, dan sebarang insentif seperti bonus isi semula satu peratus dan mata ganjaran perjalanan boleh ditebus dengan memohon produk bank yang dibenarkan. Keempat, kewujudan kemudahan ini adalah untuk membantu meningkatkan pengurusan kewangan pengguna. Sebagai contoh, pengguna akan menggunakan kad kredit Islamik hanya apabila beliau tidak mempunyai wang untuk membayar barang dan perkhidmatan yang digunakan. Kelima, tiada agenda tersembunyi apabila penyedia servis memberikan promosi bonus isi semula kepada pengguna, dan segala terma dan syarat haruslah dijelaskan secara terperinci kepada pengguna. Dan yang terakhir, promosi bonus isi semula ini haruslah layak kepada semua golongan dan tidak terhad kepada mana-mana pihak tertentu sahaja.

Menurut kajian Khairul Azmil<sup>51</sup>, beliau mendapati bahawa isu tidak patuh syariah dalam *e-wallet* boleh berlaku dalam beberapa keadaan. Keadaan yang pertama ialah berkaitan isu *riba* apabila kad kredit konvensional digunakan untuk menambah nilai *e-wallet*. Dalam hal ini, beliau memberi cadangan kepada pengguna untuk menambah nilai melalui kaedah tambah nilai yang patuh syariah seperti melalui penggunaan kad kredit Islamik mahupun pembayaran melalui sistem perbankan dalam talian dengan akaun bank

---

<sup>51</sup> Khairul Azmil Md Noor, Amir Fazlim Jusoh Yusoff, “Status Patuh Syariah E-money Akaun Jenama *E-wallet* Popular Di Malaysia”, *Journal of Contemporary Islamic Law* 7, No. 2, (2022), 11-18.

Islamik. Seterusnya ialah mengenai status akaun amanah yang digunakan oleh PPE untuk menyimpan dana yang dikumpul daripada pengguna. Sekiranya PPE memilih untuk menyimpan dana pengguna di dalam akaun konvensional, maka isu syariah juga boleh berlaku. Hal berkaitan status akaun amanah ini juga disebut oleh Mohd. Shahid bin Mohd. Noh dan Dwi Fidhayanti dalam kajian mereka “*Riba And Gharar On Digital Payment Applications: Comparison Between Malaysia And Indonesia*”<sup>52</sup>, dan oleh Mohd Zakhiri Md Nor et al.<sup>53</sup> yang bertajuk “*Legal Issues In E-wallet Practices*”.

Kemudian, bagi isu ganjaran *e-wallet*, Khairul Azmil berpendapat bahawa ganjaran tersebut adalah haram sekiranya ia merupakan hasil daripada helah kepada *riba*. Namun jika tiada unsur sedemikian yang berlaku, maka ganjaran tersebut adalah halal hukumnya. Tambahan, beliau juga mendapati bahawa PPE jarang sekali menawarkan ganjaran melalui tambah nilai yang dilakukan bahkan kebiasaannya ganjaran hanya diperoleh selepas transaksi pembelian selesai dilakukan oleh pengguna. Pihak PPE juga tidak mensyaratkan kepada pengguna untuk melakukan tambah nilai terlebih dahulu bagi mendapatkan ganjaran. Hal ini dilihat bersesuaian dengan resolusi MPS BNM yang menyatakan sekiranya tidak berlaku syarat yang sedemikian maka isu *riba* melalui ganjaran tidak timbul.

Perkara ini disokong dengan kajian Perlita Hatma Adiningrum et al.<sup>54</sup> yang menyatakan bahawa pemberian ganjaran adalah dibolehkan sekiranya pengguna tidak

---

<sup>52</sup> Mohd. Shahid bin Mohd. Noh, Dwi Fidhayanti, “*Riba And Gharar On Digital Payment Applications: Comparison Between Malaysia And Indonesia*”, *Jurisdictie: Jurnal Hukum dan Syariah* 13, No.1 (2022), 40-62.

<sup>53</sup> Mohd Zakhiri Md Nor et al., “*Legal Issues In E-wallet Practices*”, *UUM Journal of Legal Studies* 12, No. 2 (2021), 229-52.

<sup>54</sup> Perlita Hatma Adiningrum et al., “Mekanisme Transaksi *E-wallet* Menurut Syariat Islam: Bagaimana Pandangan Ulama dan Fatwa MUI?”, (*Prosiding, National Seminar on Accounting, Finance, and Economics 1 (NSAFE)*, No. 7, 2022), 162-169.

disyaratkan untuk membayar apa-apa wang atau poin atau menjadi ahli *e-wallet* tersebut.

Jika sebaliknya, maka isu *riba* boleh berlaku.

Kajian yang dilakukan oleh Ulin Nuha, Moh. Nurul Qomar, Rafika Anissa Maulana<sup>55</sup> pula menyatakan bahawa kontrak *wadi 'ah yad dhamanah* digunakan dalam operasi *e-wallet*. Hal ini kerana *e-wallet* merupakan sebuah alat pembayaran yang sah dan halal digunakan, selagi mana ia tidak terlibat dengan isu tidak patuh syariah dan diikat dengan kontrak yang jelas. Ia juga dilihat bersesuaian dengan maqasid syariah melalui konsep *hifzul māl* iaitu konsep memelihara harta dengan adanya sistem keselamatan nombor pin.

Mohd. Shahid Mohd. Noh, Nor Fahimah Mohd Razif dan Muhammad Asyraf Ruslan<sup>56</sup> menambah bahawa sekiranya asas hubungan yang berlaku antara pihak yang berkontrak dengan PPE ialah kontrak *wakālah* atau *wadi 'ah*, maka kemungkinan risiko *gharar* untuk berlaku hampir tiada kerana kontrak tersebut dijalankan atas dasar ihsan.

Hal di atas turut disokong oleh Mas'ad Saleh dan Muhammad Aunurrochim<sup>57</sup> melalui kajian mereka “*E-wallet: A Study On Contracts Involved Within Its Operational Mechanism*” yang berpendapat bahawa *e-wallet* boleh digunakan oleh umat Islam kerana ia diselaraskan dengan syariah berdasarkan kontrak *wadi 'ah* dan *qard* yang digunakan.

Tambahan, isu *gharar* juga boleh merosakkan kontrak sepertimana yang dijelaskan oleh Mohd. Shahid bin Mohd. Noh dan Dwi Fidhayanti<sup>58</sup> dalam kajian mereka “*Riba*

<sup>55</sup> Ulin Nuha, Moh. Nurul Qomar, Rafika Anissa Maulana, “Perlukah *E-wallet* Berbasis Syariah?”, *MALIA: Journal of Islamic Banking and Finance* 4, No. 1 (2020), 59-68.

<sup>56</sup> Mohd. Shahid Mohd. Noh, Nor Fahimah Mohd Razif, Muhammad Asyraf Ruslan, “Kebarangkalian *Gharar* di dalam *E-wallet*: Satu Penelitian Awal”, *Al-Basirah Journal* 12, No. 2, (Disember 2022), 25-36.

<sup>57</sup> Mas'ad Saleh, Muhammad Aunurrochim, “*E-wallet: A Study On Contracts Involved Within Its Operational Mechanism*”, *Journal of Fatwa Management and Research* 26, (2022), 1-16.

<sup>58</sup> Mohd. Shahid bin Mohd. Noh, Dwi Fidhayanti, “*Riba And Gharar On Digital Payment Applications: Comparison Between Malaysia And Indonesia*”, *Jurisdictie: Jurnal Hukum dan Syariah* 13, No.1 (2022), 40-62.

*And Gharar On Digital Payment Applications: Comparison Between Malaysia And Indonesia*”. Antara isu *gharar* yang dikenal pasti berlaku ialah apabila PPE menawarkan kepada pengguna *lucky draw* untuk setiap tambah nilai yang dilakukan. Dalam *lucky draw* tersebut, ada unsur *maysir* iaitu perjudian. Perjudian menurut Sheikh as-Sa’di juga termasuk dalam kategori *gharar*. Maka dapat difahami bahawa *lucky draw* yang ditawarkan itu berunsurkan *gharar* dan *maysir* dan boleh merosakkan kontrak yang berlaku.

Selain itu, menerusi kajian oleh Mohd Zakhiri Md Nor et al.<sup>59</sup> ada pengendali *e-money* yang melanggar mandat yang telah diterima selepas mendapat lesen *e-money* dengan memberikan servis perkhidmatan seperti pembayaran bil utiliti di platform *e-wallet*. Hal ini secara terang telah melanggar perjanjian *e-money* yang telah diberikan sekali gus menimbulkan isu *gharar*.

### **1.9 METODOLOGI KAJIAN**

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan secara terperinci mengenai metodologi kajian yang telah digunakan sepanjang kajian ini berlangsung. Metodologi sesebuah kajian merangkumi pelbagai aspek seperti reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan dan analisis data dan sebagainya.

Metodologi kajian merupakan sebuah komponen yang signifikan dan berperanan penting dalam sesebuah kajian yang dijalankan. Ia berfungsi sebagai pemandu arah untuk menyelesaikan masalah kajian berdasarkan objektif kajian yang telah dibina.

---

<sup>59</sup> Mohd Zakhiri Md Nor et al., “*Legal Issues In E-wallet Practices*”, *UUM Journal of Legal Studies* 12, No. 2 (2021), 229-52.

Sesungguhnya keberhasilan sesebuah kajian dipengaruhi oleh kesesuaian dan ketepatan metode yang digunakan oleh seseorang pengkaji.<sup>60</sup>

### 1.9.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan metode kajian kualitatif sebagai pendekatan utama. Kajian kualitatif merupakan satu kajian yang tidak berasaskan data numerika dan memerlukan pemerhatian yang teliti terhadap aspek-aspek tertentu khususnya yang berunsurkan emosi, motivasi dan empati yang berkait rapat dengan manusia atau keadaan semula jadi.<sup>61</sup> Kaedah kualitatif ini digunakan dan dilihat sesuai untuk menganalisis *riba* dan *gharar* pada perkhidmatan *e-wallet*.

### 1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan satu teknik bagi memperoleh sesuatu data secara fizikal untuk dianalisis dalam suatu kajian. Pengumpulan data melalui kajian kualitatif

Rajah 1.3. Kaedah Pengumpulan Data



Sumber: Olahan Pengkaji.

<sup>60</sup> Ahmad Sunawari Long, “Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam”, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).

<sup>61</sup> Chua Yan Piaw, “Kaedah Penyelidikan”, (Kuala Lumpur: McGraw Hill, 2006).

tidak bergantung semata-mata kepada hipotesis kajian sahaja untuk dijawab sebagaimana yang terdapat dalam pendekatan kuantitatif. Oleh itu, pengumpulan data dilakukan berdasarkan kepada persoalan kajian tanpa terlebih dahulu memuktamadkan pemboleh ubah.<sup>62</sup> Pengkaji mengguna pakai dua metode utama pengumpulan data dalam kajian ini, iaitu kaedah temu bual melalui kajian lapangan dan juga kaedah dokumentasi melalui kajian kepustakaan.

### a) Temu bual Separa Berstruktur

Temu bual merupakan komunikasi dua hala yang berlaku di antara pengkaji dan informan. Kaedah temu bual yang diguna pakai di dalam sesebuah kajian terbukti berperanan penting dan berautoriti tinggi kerana ia akan menjadi pengukuh kepada hasil dapatan kajian seseorang pengkaji.<sup>63</sup> Di dalam sesebuah penyelidikan sosial, temu bual merupakan adat kebiasaan yang sering dipraktikkan.<sup>64</sup> Terdapat tiga bentuk temu bual yang boleh dijalankan dalam sesebuah kajian. Antaranya ialah temu bual berstruktur, temu bual tidak berstruktur<sup>65</sup> dan juga temu bual separa berstruktur.<sup>66</sup>

Dalam hal ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah temu bual berbentuk separa berstruktur. Menerusi temu bual ini, informan akan disoal dengan soalan-soalan formal yang telah dibina berpandukan kepada objektif-objektif kajian. Pada masa yang sama, pengkaji akan memandu arah temu bual dengan bertanyakan beberapa soalan tambahan yang berada di luar kerangka formal. Hal ini dilakukan sebagai langkah tambahan kepada temu bual yang dijalankan sekiranya jawapan yang diberikan

---

<sup>62</sup> Rasid Mail, Raman Nordin, “*Penyelidikan Peringkat Sarjana: Pendekatan Kualitatif Sebagai Alternatif*”, (Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2016), 97-98.

<sup>63</sup> Sarah J. Tracy, “*Qualitative Research Method*”, (T.tp: John Wiley & Sons, 2019).

<sup>64</sup> Marohaini Yusoff, “*Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*”, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 123.

<sup>65</sup> Sarah J. Tracy, “*Qualitative Research Method*”, (T.tp: John Wiley & Sons, 2019).

<sup>66</sup> Svend Brinkmann, “*Qualitative Inquiry in Everyday Life: Working with Everyday Life Materials*”, (T.tp: SAGE Publications Ltd., 2012), 85.

berdasarkan soalan-soalan formal itu tadi dirasakan kurang terperinci dan tidak memuaskan. Hal ini secara tidak langsung dapat menjamin respons yang diterima oleh pengkaji itu lebih sempurna, lengkap, dan tepat.

Justeru, untuk mendapatkan informasi dengan lebih mendalam lagi berkaitan kajian yang dijalankan, temu bual telah dijalankan bersama tiga orang informan yang berautoriti seperti pegawai syariah di beberapa buah institusi perbankan di Malaysia. Informan 1 merupakan seorang pegawai syariah di Bank CIMB Malaysia dan banyak terlibat dengan kajian-kajian yang berbentuk digital, manakala Informan 2 dan Informan 3 pula masing-masing merupakan pegawai syariah di Bank MBSB Malaysia dan terlibat secara langsung dengan perkhidmatan *E-wallet* yang ditawarkan oleh Bank MBSB Malaysia. Selepas ini, pengkaji akan menggunakan kependekan IF1 bagi Informan 1, IF2 bagi Informan 2 dan IF3 bagi Informan 3 pada baki penulisan ini.

### **b) Dokumentasi**

Pengumpulan data berbentuk dokumentasi merujuk kepada bahan-bahan yang mempunyai kesahihan fakta dan kebolehpercayaan yang dapat membantu pengkaji untuk membuat rangka kajian dalam penulisan.

Dalam kajian ini, data-data yang dikumpulkan oleh pengkaji adalah daripada sumber sekunder yang berautoriti untuk dijadikan sebagai sumber rujukan tambahan. Sumber sekunder ini diperoleh melalui pangkalan data yang disediakan secara dalam talian.

Bagi sumber sekunder ini, pengkaji merujuk kepada al-Quran, al-Hadis, kitab-kitab para ilmuwan silam mahupun kontemporari dan juga cendekiawan dari timur atau barat yang dirujuk untuk mendapatkan pandangan mengenai isu *riba* dan *gharar* secara

komprehensif. Selain itu, rujukan juga dibuat ke atas dokumen-dokumen rasmi jabatan kerajaan, kajian-kajian ilmiah yang lepas, artikel, jurnal, disertasi dan tesis yang berkait rapat dengan kajian yang dijalankan. Di samping itu, portal rasmi pengendali *e-wallet* dan jabatan kerajaan berkaitan turut dirujuk bagi mendapatkan maklumat tambahan yang diperlukan.

Metode dokumentasi memfokuskan untuk menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh pengkaji mengenai konsep dan modus operandi *e-wallet* serta isu *riba* dan *gharar* yang berlaku dalam aplikasi digital, atau dengan erti kata lain untuk mencapai objektif pertama dan kedua kajian. Walaupun begitu, sebahagian data yang berkait dengan objektif ketiga pengkaji turut diperoleh secara dalam talian seperti daripada laman sesawang syarikat PPE terpilih.

### **1.9.3 Kaedah Analisis Data**


Analisis data merupakan satu teknik untuk menganalisis data yang telah dikumpul sepanjang kajian berlangsung. Proses ini melibatkan pengorganisasian data dan penstrukturkan semula maklumat kepada maklumat yang lebih tersusun. Pengkaji memilih untuk menggunakan metode analisis kandungan secara tematik.

#### **a) Analisis Kandungan Secara Tematik**

Pada peringkat pra-analisis, pengkaji mengemas kini, membaca, mendengar dan melengkapkan setiap laporan yang diperoleh daripada hasil temu bual informan yang terlibat. Kemudian, pengkaji menulis transkripsi dengan cara menyalin semula setiap rakaman yang telah dibuat semasa aktiviti temu bual dijalankan. Seterusnya, bahan yang telah siap diperiksa, dilabelkan dan disusun mengikut urutan. Akhir sekali, data yang telah dilabel itu akan disusun di dalam fail komputer mengikut susunan.

Setelah proses penyusunan selesai, proses reduksi data pula akan dilakukan. Data-data transkripsi akan dipermudah, di ringkas serta ditumpukan kepada fokus yang diingini oleh pengkaji mengikut kesesuaian setiap objektif kajian. Keseluruhan data yang diperoleh daripada metode pengumpulan dibahagikan kepada beberapa tema yang diingini oleh pengkaji melalui perisian Atlas.ti versi 9. Tema-tema ini dibina daripada maklumat-maklumat yang penting yang disebut oleh para informan seperti *riba*, *gharar*, isu-isu berkaitan *riba*, *gharar* dan juga *e-wallet*. Di samping itu, sebahagian bahan dan fakta yang telah ditemakan akan dibentangkan dalam bentuk gambar rajah dan carta supaya data tersebut dapat diteliti dengan lebih jelas dan bersistematis.

Pada peringkat akhir, rumusan data dijalankan secara triangulasi untuk memastikan tiada ketirisan maklumat berlaku ketika proses menganalisis data. Pentafsiran data kajian dijalankan berdasarkan bukti dan dapatan yang kukuh, pendapat dan teori pakar yang ditemui bual serta bimbingan yang berterusan daripada penyelia berpandukan kepada etika kajian yang telah ditetapkan.



Sumber: Olahan Pengkaji.

## 1.10 SISTEMATIK PENULISAN

Penulisan bagi kajian ini merangkumi lima bab secara keseluruhannya.

## **Bab Satu: Pengenalan**

Bab pertama merupakan bab pengenalan bagi kajian yang dijalankan. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan mengenai perincian kajian seperti pendahuluan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, ulasan kajian lepas, metodologi kajian, sistematik penulisan dan diakhiri dengan kesimpulan.

Subtopik pendahuluan, latar belakang kajian dan permasalahan kajian masing-masing menerangkan aliran penulisan akan tujuan utama kajian ini dilakukan oleh pengkaji. Kemudian, apabila permasalahan kajian telah dikenal pasti, persoalan kajian dan objektif kajian dibentuk bagi memandu arah tujuan kajian dengan lebih spesifik. Kepentingan kajian pula menjelaskan akan keperluan dan kepentingan akan kajian yang dilakukan dan manfaat yang diperoleh oleh pihak lain melalui data daripada dapatan kajian ini.

Seterusnya, skop dan batasan kajian menentukan ruang lingkup kajian yang boleh dilakukan oleh pengkaji. Apabila ruang lingkup kajian disasarkan kepada elemen yang telah ditetapkan sahaja, maka perlaksanaan kajian akan lebih bertumpu dan menatijahkan hasil yang khusus.

Kemudian, pengkaji melakukan ulasan kajian lepas yang berkaitan dengan permasalahan yang dikaji. Ulasan ini dilakukan bagi mengenal pasti jurang kajian berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lain sebelum ini. Antara sumber rujukan literatur yang dipilih adalah daripada tesis dan disertasi, jurnal dan artikel, kertas kerja seminar, laporan rasmi dan sebagainya.

Selepas itu, pengkaji menerangkan metodologi kajian yang diguna pakai dalam perlaksanaan kajian ini. Jikalau persoalan dan objektif kajian bertujuan untuk memandu arah kajian, maka metodologi kajian pula ialah cara perlaksanaan kajian tersebut.

Bab pengenalan ini diakhiri dengan sistematik penulisan sebagai panduan pembahagian bab bagi penulisan ini dan juga kesimpulan bagi bab pertama.

### **Bab Dua: Isu *Riba* dan *Gharar* pada Aplikasi Digital**

Dalam bab kedua ini pula, pengkaji membincangkan tentang konsep *riba* dan *gharar* secara umum sebelum menghuraikan dengan lebih lanjut mengenai isu *riba* dan *gharar* pada aplikasi digital. Penulisan pada bab dua ini lebih bersifat teoretikal kerana melibatkan definisi-definisi, konsep, dalil serta contoh yang berkaitan dengan isu *riba*, *gharar* dan aplikasi digital.

Maklumat yang dikumpul adalah berdasarkan sumber-sumber yang telah disebut di dalam subtopik pengumpulan data metodologi kajian. Bab kedua ini juga merupakan dapatan bagi objektif kajian yang pertama iaitu untuk menghuraikan isu *riba* dan *gharar* yang ada pada aplikasi digital.

### **Bab Tiga: Modus Operandi *E-wallet* di Malaysia**

Pada bab ketiga ini, pengkaji menghuraikan modus operandi *e-wallet* di Malaysia sebagai subjek utama kajian. Pengkaji membahagikan bab ini kepada beberapa subtopik seperti konsep *e-money* dan *e-wallet* serta perbahasan secara terperinci dan hubungan pelbagai pihak yang berlaku dalam operasi *e-wallet*. Bab ini ditulis bagi memenuhi objektif kedua kajian iaitu untuk menerangkan modus operandi *e-wallet* di Malaysia.

## **Bab Empat: Analisis Dapatan Kajian**

Bab ini merupakan kemuncak kepada kajian yang dilakukan. Dalam bab ini, pengkaji akan menganalisis *riba* dan *gharar* pada perkhidmatan *e-wallet* berdasarkan kajian yang telah dibuat. Kajian dibuat dengan menganalisis hubungan dan transaksi yang berlaku di antara pengguna, PPE dan *merchant* untuk melihat kemungkinan berlakunya isu *riba* dan *gharar*. Kesahan maklumat dilakukan dengan menemu bual beberapa orang informan yang pakar di dalam bidang kajian ini. Bab ini juga merupakan dapatan bagi objektif ketiga kajian iaitu untuk menganalisis kemungkinan berlakunya isu *riba* dan *gharar* pada aplikasi *e-wallet*.

## **Bab Lima: Rumusan dan Cadangan**

Penulisan ini diakhiri dengan bab kelima sebagai penutup kepada kajian yang telah dilakukan. Dalam bab ini, pengkaji membuat kesimpulan kajian serta cadangan untuk ditambah baik oleh pengkaji lain. Kesimpulan kajian dibuat berdasarkan kajian dan analisis yang telah dijalankan. Kemudian, cadangan-cadangan yang dibuat adalah berdasarkan kekangan dan kekurangan yang dihadapi sepanjang kajian dibuat.

### **1.11 KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, pengkaji berharap agar dapatan kajian ini mampu untuk dijadikan sebagai penanda aras dalam berurusan dengan isu *riba* dan *gharar* yang berlaku dalam aplikasi digital yang digunakan oleh umat Islam dalam kehidupan seharian, khususnya aplikasi *e-wallet*. Diharap juga agar kajian ini dapat memberi impak dan sumbangan ilmiah terhadap khazanah keilmuan Islam semasa, agar umat Islam tidak mudah terpedaya dan ketinggalan di dalam kepesatan arus kemodenan hari ini. Sesungguhnya Islam dan sistem ekonominya sesuai dipraktikkan pada setiap zaman dan tempat, dan juga tidak hanya terhad pada amalan ibadah dan ritual solat lima waktu semata-mata.

## **BAB DUA: ISU *RIBA* DAN *GHARAR* PADA APLIKASI DIGITAL**

### **2.1 PENDAHULUAN**

Aktiviti muamalat dan jual beli merupakan sesuatu yang dianjurkan dan digalakkan di dalam Islam. Selain itu, aktiviti jual beli ini juga merupakan sebahagian daripada sunnah Baginda Rasulullah. Namun begitu, ada beberapa elemen yang ditegah ketika aktiviti jual beli ini dijalankan kerana ia boleh merosakkan dan membatalkan transaksi jual beli tersebut. Antara contoh elemen aktiviti jual beli yang ditegah adalah seperti perniagaan yang berunsurkan elemen *riba* dan *gharar*. Perincian mengenai elemen *riba* dan *gharar* ini akan dikupas oleh pengkaji dalam subtopik selepas ini.

Dalam bab kedua ini, pengkaji akan membincangkan mengenai konsep *riba* dan *gharar* menurut pendapat ulama silam dan kontemporari, dan juga elemen *riba* dan *gharar* yang wujud pada aplikasi digital. Perkara yang akan dibincangkan dalam topik *riba* ialah pengertian dari sudut bahasa dan istilah, dalil-dalil pengharaman dan juga contoh-contoh *riba*. Manakala perkara yang akan dibincangkan dalam topik *gharar* pula ialah pengertian dari sudut bahasa dan istilah, dalil larangan *gharar*, hukum-hukum *gharar* mengikut keadaan berserta contohnya dan juga garis panduan *gharar* yang dimaafkan.

### **2.2 KONSEP *RIBA***

#### **2.2.1 Dari sudut bahasa**

Dalam bahasa Arab, perkataan *riba* bermaksud bertambah, bertumbuh, meningkat atau mengembang.<sup>67</sup> Namun begitu, pengertian secara literal ini tidak berapa tepat, kerana bukan semua yang bertambah dalam ekonomi Islam itu ialah *riba*. Ini adalah kerana

---

<sup>67</sup> Sudin Haron, “*Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*”, (Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd., 2008 ), 315.

keuntungan dalam perniagaan itu juga dikira sebagai sesuatu yang bertambah dan berkembang dalam ekonomi. *Riba* lebih sesuai digandingkan dengan maksud sesuatu bentuk tambahan ataupun lebihan dalam pertukaran yang tidak disertai dengan pulangan yang setimpal.

### **2.2.2 Dari sudut istilah**

Menurut Mazhab Syafie, *riba* ialah sebuah kontrak yang dimeterai sebagai pertukaran barang tertentu tetapi pada ketika kontrak dimeterai pertukaran ini tidak diketahui kesamarataannya menurut ukuran syarak ataupun penyerahan satu atau kedua-dua barang tersebut dilewatkan.<sup>68</sup>

Mazhab Hanafi pula mendefinisikan *riba* sebagai lebihan sesuatu harta tanpa tukaran (gantian) dalam sesuatu kontrak tukaran harta dengan harta. Maksudnya ialah lebihan harta walaupun lebihan itu hanya dalam bentuk hukum sahaja. Oleh itu, definisi ini meliputi *riba al-nasi'ah* dan juga meliputi segala jenis jual beli yang rosak dan tidak sah (*al-buyū 'al-fāsidah*), atas alasan bahawa penangguhan pada satu barang tukaran itu mengakibatkan lebihan, dari sudut hukum, tanpa tukaran kebendaan yang dapat dirasai. Penangguhan itu pada kebiasaannya menghasilkan tukaran tambahan.<sup>69</sup>

Mazhab Maliki menetapkan bahawa setiap jenis daripada jenis *riba* mengikut takrifannya yang tersendiri.<sup>70</sup> Manakala mazhab Hanbali mendefinisikan *riba* sebagai berlakunya lebihan dalam beberapa perkara dan kelewatan penyerahan yang dikhususkan dengan perkara tertentu berdasarkan syariat yang mengharamkannya.<sup>71</sup>

---

<sup>68</sup> *Mughnī al-Muhtāj*, (T.tp: t.p, t.t), 2:21.

<sup>69</sup> *Ibn 'Ābidin*, (T.tp: t.p, t.t), 4:176.

<sup>70</sup> *Kifāyah al-Tālib*, (T.tp: t.p, t.t), 2:99.

<sup>71</sup> *Kashshāf al-Qinā'*, (T.tp: t.p, t.t), 3:251.

Ulama lain seperti Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī berpendapat bahawa inti pati *riba* ialah lebihan sama ada dalam komoditi atau dalam wang.<sup>72</sup> Abu Bakr Ibn al-Arabi pula mengatakan bahawa *riba* merupakan setiap lebihan kepada pulangan yang tiada imbalan yang dibayar.<sup>73</sup> Menurut Abu al-A’la al-Mawdudi, *riba* ialah bayaran lebihan yang ditentukan pada peringkat awal lebih daripada jumlah hutang secara bersyarat dan ditentukan pada tempoh masa tertentu.<sup>74</sup> Ataul Haque pula berpendapat bahawa *riba* merupakan tambahan atau lebihan sebagai pertukaran kepada jual beli komoditi diakrukan kepada pemilik komoditi pemberi pinjam tanpa pulangan setara kepada pihak satu lagi.<sup>75</sup>

### **2.2.3 Dalil pengharaman *Riba***

Proses pengharaman *riba* berlaku secara berperingkat, dan ia merangkumi empat peringkat kesemuanya. Bermula daripada peringkat pertama, Allah berfirman di dalam Surah al-Rūm ayat ke-39 bahawa bunga *riba* yang bertambah di sisi manusia tidak akan pernah bertambah di sisi Allah, bahkan sebaliknya dengan bersedekah Allah akan melipatgandakan kekayaan tersebut. Pada peringkat kedua pula, melalui surah al-Nisā’ ayat ke-161, Allah mencela amalan *riba* sebagaimana yang telah dilarang kepada umat terdahulu. Seterusnya pada peringkat ketiga, dalam surah Ali Imran ayat ke-130, Allah menyeru kepada orang beriman agar menjauhi amalan *riba* supaya beroleh kejayaan dalam hidup. Dan pada peringkat keempat dan terakhir ini, Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat ke-275 hingga ke-278, Allah mengutuk keras mereka yang mengambil *riba*, menegaskan perbezaan antara perniagaan dan *riba*, dan memerintahkan kaum Muslimin agar menghapuskan seluruh hutang piutang yang mengandungi *riba*, serta

<sup>72</sup> Afzal ur Rahman, “*Economics Doctrine of Islam*”, (Lahore: Islamic Publications Ltd., 1975), 3:69.

<sup>73</sup> *Ibid.*

<sup>74</sup> Abu al A’la al Mawdudi, “*Interest*”, (T.tp: t.p, t.t), 1:33.

<sup>75</sup> Shahrukh Rafi Khan, “*Profit and Loss Sharing: An Islamic Experiment in Finance and Banking*”, (Cambridge: Cambridge University Press, 1987).

menyeru mereka agar mengambil modal pokok sahaja, dan mengikhlaskan kepada peminjam yang mengalami kesulitan.<sup>76</sup>

Jadual 2.1. Peringkat-peringkat Pengharaman *Riba*

PERINGKAT	INTI PATI
Peringkat pertama	Surah al-Rūm ayat ke-39: Allah membandingkan bunga <i>riba</i> dengan amalan bersedekah dengan berfirman bahawa bunga <i>riba</i> yang bertambah di sisi manusia tidak akan pernah bertambah di sisiNya berbeza halnya dengan amalan bersedekah yang kekayaannya akan dilipatgandakan oleh Allah.
Peringkat kedua	Surah al-Nisā' ayat ke-161: Allah mencela amalan <i>riba</i> sebagaimana yang telah dilarang kepada umat terdahulu.
Peringkat ketiga	Surah Ali Imran ayat ke-130: Allah menyeru kepada orang beriman agar menjauhi amalan <i>riba</i> supaya beroleh kejayaan dalam hidup.
Peringkat keempat	Surah al-Baqarah ayat ke-275 hingga ke-278: Allah mengutuk keras mereka yang mengambil <i>riba</i> , menegaskan perbezaan antara perniagaan dan <i>riba</i> , dan memerintahkan kaum Muslimin agar menghapuskan seluruh hutang piutang yang mengandungi <i>riba</i> , serta menyeru mereka agar mengambil modal pokok sahaja, dan mengikhlaskan kepada peminjam yang mengalami kesulitan.

Sumber: Olahan Pengkaji.

---

<sup>76</sup> Muḥammad Ibn Aḥmad al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ li ‘Aḥkām al-Qur’ān*, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 3: 348.

#### **2.2.4 Jenis Riba**

Secara umumnya, *riba* terbahagi kepada dua kategori utama iaitu *riba al-duyun* dan *riba al-buyū'*. Secara asasnya, *riba al-duyun* ialah *riba* yang terdapat larangannya dalam al-Quran, manakala *riba al-buyū'* pula dilarang oleh Rasulullah melalui hadis Baginda.

*Riba al-duyun* ialah *riba* yang berlaku dalam kontrak pinjaman hutang. *Riba* jenis ini berlaku dalam dua keadaan yang dinamakan sebagai *riba al-qard* (pinjaman) dan juga *riba al-Jāhiliyyah*. *Riba al-qard* berlaku apabila ada kadar atau manfaat tambahan disyaratkan ke atas pemberian jumlah pinjaman pokok. Manakala *riba al-Jāhiliyyah* pula berlaku apabila kadar atau manfaat tambahan melebihi daripada jumlah pinjaman pokok yang dikenakan ke atas peminjam akibat kegagalan untuk membayar semula jumlah pinjaman yang ditetapkan pada kadar tempoh yang dipersetujui. *Riba Jāhiliyyah* diambil namanya bersempena amalan masyarakat *Jāhiliyyah* yang melakukan amalan *riba* seperti yang tersebut.

Kategori *riba* yang kedua pula ialah *riba al-buyū'*. *Riba al-buyū'* ialah *riba* yang berlaku dalam kontrak jual beli barang ribawi. Barang ribawi terbahagi kepada dua kategori iaitu, mata wang dan makanan. Yang dimaksudkan dengan mata wang pula adalah seperti emas dan perak. Manakala untuk kategori makanan pula ialah gandum, barli, kurma dan garam.


*Riba al-buyū'* ini berlaku dalam dua keadaan. Keadaan yang pertama ialah *riba* yang melibatkan kadar lebihan dalam jual beli yang dikenali sebagai *riba al-faḍil*. *Riba* ini berlaku dalam jual beli atau pertukaran antara barang ribawi yang sama jenisnya namun berbeza kadar berat atau kuantitinya. Antara contoh bagi *riba al-faḍil* ialah pertukaran di antara 8 kg kurma Ajwah yang bergred tinggi dengan 10 kg kurma yang

bergred rendah. Dalam hal ini, *riba* berlaku kerana adanya lebihan timbangan pada kurma bergred rendah tersebut.

Manakala keadaan *riba* yang kedua pula ialah jual beli atau pertukaran antara barang ribawi yang berlainan jenis akan tetapi sama *illah ribanya* secara tertangguh, iaitu serahan barang tersebut tidak dilakukan dalam satu masa atau majlis akad jual beli tersebut. *Riba* ini juga dikenali sebagai *riba al-nasiah*.

Sebagai contoh, Puan Siti Rokiah Mahfooz membayar RM11,611 untuk membeli mata wang Riyal Saudi yang bernilai SAR10,000. Namun begitu, oleh sebab terdapat kesulitan dalam urusan penyerahan mata wang tersebut, Puan Siti Rokiah Mahfooz hanya menerima mata wang tersebut selepas seminggu transaksi dilakukan. Dalam hal ini, isu *riba* timbul dek kerana berlakunya penangguhan penyerahan mata wang tersebut. Seperti yang dijelaskan dalam definisi di atas, pertukaran antara barang ribawi yang sama *illah ribanya* haruslah dilakukan secara lani atau serentak di dalam majlis akad.

Rajah 2.1. Jenis-jenis *Riba*




Sumber: Olahan Pengkaji.

## 2.2.5 Perbezaan pendapat tentang *Illah Riba*

*Illah* ialah sebab ataupun sesuatu ciri berserta hikmah yang membentuk kepada pensyariatan sesuatu hukum.<sup>77</sup> Tanpa *illah*, sebahagian hukum tidak boleh ditentukan atau dibentuk. Dalam hal berkaitan *illah* kepada *riba*, ia dibahagikan kepada tiga kumpulan pendapat. Mazhab Syafie membahagikan *illah riba* kepada dua kategori iaitu nilai harga (*thaman*) dan makanan asasi. *Illah* nilai harga merujuk kepada emas dan perak manakala *illah* makanan asasi merangkumi gandum, barli, tamar dan garam.<sup>78</sup> Manakala mazhab Hanafi dan Hanbali pula sepakat mengatakan bahawa *illah riba* ialah barang yang ditimbang.<sup>79</sup> Pendapat ini adalah bersifat umum iaitu dengan menganggap keenam-enam barang *ribawi* tersebut setaraf dan tiada perbezaan.<sup>80</sup> Mazhab Maliki pula bersepakat dengan mazhab Syafie dalam meletakkan *illah riba* bagi perak dan emas sebagai *illah* nilai harga namun bersepakat dengan mazhab Hanafi dan Hanbali bagi gandum, barli, tamar dan garam dengan *illah* barang yang ditimbang.

Rajah 2.2. Perbezaan Pendapat *Illah Riba*



Sumber: Olahan Pengkaji.

<sup>77</sup> Majmuah al-Fawaaid al-Bahiyyah, (T.tp: t.p, t.t), 1:112.

<sup>78</sup> Muhamad Ibn Ahmad al-Ramli, Nihayat al-Muhtaj ilā Syarḥ al-Minhāj, (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), 3: 424.

<sup>79</sup> Abū Bakr Ibn Mas'ūd al-Kāsānī, Baḍā'i al-Ṣanā'i fī Tartīb al-Syarā'i, (Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1986), 5: 183-184.

<sup>80</sup> 'Abdullah Ibn Ahmad Ibn Qudāmah, al-Mughnī (Riyād: Dār 'Alam al-Kutub, 1997), 4: 5.

Secara umumnya, perbahasan mengenai *riba* oleh para fuqaha keseluruhannya adalah melibatkan barang ribawi, emas, perak dan juga beberapa jenis makanan. Namun begitu, para ilmuan Islam kontemporari menambah dan bersepakat bahawa faedah juga termasuk di dalam kategori *riba*. Hal ini dilihat berdasarkan keputusan yang diperoleh daripada beberapa persidangan fuqaha antarabangsa yang membincangkan mengenai persoalan *riba* seperti *Mu'tamar al-Fiqh al-Islami* pada tahun 1951 di Paris, tahun 1965 di Kaherah, dan juga oleh pihak *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC) atau Pertubuhan Kerjasama Islam dan Rabitah pada tahun 1985 di Kaherah dan pada tahun 1986 di Mekah.<sup>81</sup> Oleh yang demikian, semua jenis transaksi tunai berserta pulangan yang berlakunya penangguhan dikira sama hukumnya seperti *riba* pada barang ribawi.

## 2.3 KONSEP AL-GHARAR

### 2.3.1 Dari sudut bahasa

Perkataan *gharar* berasal daripada kata dasar *gharara* yang bermaksud mendedahkan diri seseorang atau hartanya kepada kemusnahan secara tidak sedar. Secara umumnya *gharar* bermaksud bahaya, bencana atau risiko.<sup>82</sup> Menurut bahasa arab, perkataan *al-gharar* juga membawa beberapa maksud iaitu *al-khatṭar*<sup>83</sup>, iaitu ketidakpastian bahaya atau berisiko, *al-khidā'*<sup>84</sup> yang bermaksud memperdaya, dan *al-jahl*<sup>85</sup> iaitu tidak mengetahui. Secara umumnya, pengkaji menyimpulkan bahawa maksud *gharar* dari sudut bahasa tidak jauh

<sup>81</sup> 'Abd al-Razzāq al-Sanhūrī, *al-Maṣādir al-Haqq fī al-Fiqh al-Islāmī*, (Beirut: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabi, 1954), 3: 241.

<sup>82</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-'Arab*, (Beirut: Lubnan, 1994), 5:11.

<sup>83</sup> Ibrahim Anis, Dr. (et al.), *al-Mu'jam al-Wasit*, 2:648.

<sup>84</sup> Al-Tahir Ahmad al-Razi, *Tartib al-Qamus al-Muhit*, (Kaherah: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Sharikahu), 3:380.

<sup>85</sup> Ibrahim Anis, Dr. (et al.), *al-Mu'jam al-Wasit*, 2:648.

berbeza antara satu sama lain dan ia merujuk kepada sesuatu yang bahaya, atau berunsurkan penipuan dan juga tidak mengetahui.

### **2.3.2 Dari sudut istilah**

Para fuqaha berbeza pendapat dalam mentakrifkan definisi sebenar *gharar*. Menurut Imam Shirazi daripada kalangan ulama mazhab Syafie, *gharar* di sisi beliau ialah sesuatu yang urusannya tidak diketahui dan tersembunyi akibatnya. Imam al-Sarakhsy daripada mazhab Hanafi pula memberi definisi yang serupa iaitu *gharar* ialah sesuatu yang tersembunyi akibatnya. Selain itu, Imam al-Qarafi daripada mazhab Maliki pula mendefinisikan *gharar* sebagai sesuatu yang tidak diketahui akan sama ada sesuatu itu akan diperoleh atau sebaliknya.<sup>86</sup>

Menurut Ibnu Taimiyah, *gharar* bermaksud sesuatu yang tidak jelas hasilnya (*majhul al-'aqibah*).<sup>87</sup> Sheikh As-Sa'di pula mengatakan bahawa *gharar* adalah *mukhat̄tarrah* (pertaruhan) dan juga *al-jahalah* (ketidakjelasan).<sup>88</sup> Ibnu Hazm mendefinisikan *gharar* sebagai suatu keadaan di mana pembeli tidak tahu apa yang dibeli atau penjual tidak tahu apa yang dijual.

Menurut Zamir dan Abbas, *gharar* merupakan suatu ketidaktentuan atau ketidakjelasan yang terhasil daripada keterhadan maklumat atau kawalan dalam sesuatu kontrak.<sup>89</sup> Secara umumnya, *gharar* ialah suatu jual beli yang mengandungi ketidakjelasan; pertaruhan, mahupun perjudian.<sup>90</sup>

---

<sup>86</sup> Wahbah al-Zuhayli, “*al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*”, (Damsyik: Dār al-Fikr, 2004), 5:3409.

<sup>87</sup> *Majmu Fatawa*, (T.tp: t.p, t.t), 29:22.

<sup>88</sup> Abdurrahman bin Nashir As-Sa'di, Tahqiq Asyraf Abdulmaqshud, “*Bahjah Qulub Al-Abrar wa Qurratu Uyuuni Al-Akhyaar Fi Syarhi Jawaami Al-Akhbaar*”, (Dar Al-Jail, 1992), 164.

<sup>89</sup> Zamir Iqbal & Abbas Mirakhor, “*An Introduction to Islamic Finance Theory and Practice*”, (Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd., 2007).

<sup>90</sup> Abdul Azhim Badawi, “*Al-Waajii Fi Fiqhu Sunnah wa Kitab Al-Aziz*”, (T.tp: Dar Ibnu Rajab, 1416H), 332.

### **2.3.3 Dalil larangan *Gharar***

Dalil larangan *gharar* jelas disebut di dalam hadis Baginda Rasulullah yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah:

نَّهَىٰ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- عَنْ بَيْعِ الْحَصَّاءِ وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ

<sup>92 91</sup> Terjemahan: Rasulullah melarang akan jual beli *hashah* dan jual beli *gharar*.

### **2.3.4 Hukum-hukum mengikut keadaan *gharar***

Pada asalnya, segala urusan muamalat yang berunsurkan *gharar* dilarang oleh Islam. Namun begitu, hukum mengenai *gharar* ini diberi sedikit kelonggaran berdasarkan kadar *gharar* yang wujud dalam muamalat tersebut sama ada berada di tahap yang rendah, sederhana atau tinggi. Para fuqaha membahagikan *gharar* kepada tiga<sup>93</sup> iaitu *gharar fâhîsh*, *gharar mutawassît* dan *gharar yasîr*.

#### **2.3.4.1 *Gharar Yasîr***

*Gharar yasîr* adalah *gharar* yang sedikit sahaja kadaran *ghararnya* itu. Hal ini berlaku apabila *gharar* yang ada itu sukar untuk dielakkan tanpa ada unsur kesusahan dan pada masa yang sama juga tidak menggugat kemaslahatan mana-mana pihak yang berkontrak.<sup>94</sup> *Gharar* jenis ini dimaafkan dan diberi kelonggaran kerana tidak merosakkan akad dan kontrak. Antara contoh *gharar yasîr* adalah seperti membeli rumah

<sup>91</sup> Muslim bin al-Hajjaj, “*al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah SAW*”, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t.), hadith no. 1513, 3: 1153

<sup>92</sup> HR Muslim, *Kitab Al-Buyu*, Bab : *Buthlaan Bai Al-Hashah wal Bai Alladzi Fihi Gharar*, (T.tp: t.p, t.t), 1513.

<sup>93</sup> Ahmad Ibrâhîm Daradikah, “*Nazariyyah al-Gharar fi al-Syarî'ah al-Islâmiyyah*”, (Ammân: Wizarâh al-Auqâf wa Shu'ûn wa al-Muqaddasât al-Islâmiyyah, 1973), 97.

<sup>94</sup> Wahbah al-Zuhayli, (1983), “*Al-Fiqh al-Islâmî wa Adillatuhu*”, (Damsyik: Dâr al-Fikr, 1985), 4: 435.

tanpa mengetahui keadaan tapak asas rumah tersebut sama ada kukuh atau sebaliknya.

Namun kebiasaannya, tapak asas rumah adalah kukuh.

#### **2.3.4.2 *Gharar Fāhish***

*Gharar fāhish* merupakan unsur *gharar* yang banyak dan tinggi kadarnya yang wujud pada sesuatu kontrak atau jual beli. Menurut Imam Nawawi, *gharar fāhish* adalah *gharar* yang dapat dilihat atau diketahui dengan jelas pada zahirnya dan ia mampu untuk dielakkan. Para fuqaha bersepakat bahawa unsur *gharar* yang banyak ini tidak dimaafkan dan boleh membatalkan kontrak *mu’awadah* seperti urusan jual beli.<sup>95</sup> Antara contoh yang diberikan oleh para fuqaha adalah seperti jual beli ikan yang masih lagi berada di dalam sungai atau burung yang masih terbang di udara.

#### **2.3.4.3 *Gharar Mutawassīt***

*Gharar mutawassīt* atau *gharar* yang sederhana atau pertengahan ini berada di antara *gharar yasīr* dan juga *gharar fāhish*. Unsur *gharar* ini tidaklah terlalu banyak, dan juga tidak terlalu sedikit. Dalam hal ini, para fuqaha berbeza pendapat dalam menentukan kadar yang bersesuaian untuk kategori *gharar mutawassīt* ini, sama ada ia memberat ke arah *gharar fāhish* ataupun *gharar yasīr*. Dalam hal ini, pendapat mengenai status *gharar mutawassīt* boleh dibahagikan kepada dua kumpulan.

Kumpulan yang pertama berpendapat bahawa *gharar mutawassīt* ini tergolong dalam kategori *gharar fāhish*, maka tidak dibenarkan untuk bermuamalah jika ada unsur sedemikian rupa. Kumpulan yang lain pula berpendapat bahawa *gharar mutawassīt* ini

---

<sup>95</sup> Azman, Mohamad Sabri, “Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad”, *Jurnal Muamalat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 3*, (2010), 7.

termasuk dalam kategori *gharar yasīr*, maka ia dimaafkan dan dibenarkan dalam muamalah sehari-hari.

Menurut al-Jawziyah<sup>96</sup>, beliau berpendapat bahawa jika kadar *gharar* itu pertengahan atau sama banyak maka ia perlu dianggap sebagai banyak kadarnya, maka ia adalah dilarang di dalam Islam. Dan sebaliknya jika kadar *gharar* kurang dari separuh walaupun sedikit sahaja, maka ia dianggap sedikit sahaja.

### **2.3.5 Garis panduan *gharar* yang dimaafkan**

Secara keseluruhan, bagi meletakkan sesuatu hal itu sebagai *gharar* yang dimaafkan, majoriti para fuqaha telah meletakkan tiga syarat berikut sebagai garis panduan. Yang pertama adalah *gharar* tersebut haruslah tergolong dalam kategori *gharar* yang sedikit dan ringan. Yang kedua, urus niaga yang dilakukan merupakan perkhidmatan yang amat diperlukan oleh masyarakat, dan yang ketiga adalah *gharar* tersebut sukar untuk dielakkan melainkan dengan *masyaqah* yang diiktiraf oleh syarak'.<sup>97</sup>

## **2.4 ISU RIBA DAN GHARAR PADA APLIKASI DIGITAL**

Isu *riba* dan *gharar* dilihat saling berkaitan antara satu sama lain. Permasalahan isu *gharar* dan *riba* telah lama dan sedia ada wujud dalam segenap aspek kehidupan masyarakat dunia. Seiring dengan perkembangan zaman, permasalahan isu *riba* dan *gharar* ini telah berevolusi daripada hanya berkisar sekitar *gharar* klasik seperti *bay` habl al-habalah*<sup>98</sup> dan *bay` al-mulāmasah*<sup>99</sup> kepada contoh-contoh yang bersifat kontemporari pada zaman ini. *Bay` habl al-habalah* merujuk kepada jual beli anak unta yang hamil

---

<sup>96</sup> Ibn Qayyim, “Zad al-ma’ad”, (T.tp: t.p, t.t), 4:267.

<sup>97</sup> Muhammad Beltaji Hasan, “Al-Milkiyyah al-Fardiyah fi al-Nizam al-Iqtisadi al-Islami”, (Kaherah: Maktabah al-Syabab, 1988), 202-203.

<sup>98</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalani, “Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari” (Kaherah: Dar al-Ghad al-‘Arabi, 1993), 57

<sup>99</sup> Ibid., 61

manakala *bay` al-mulāmasah* pula merujuk kepada jual beli yang menjadikan sentuhan sebagai lafaz jualan tanpa lafaz tambahan lain seperti kata penjual kepada pembeli: “barang ini terjual apabila kamu menyentuh barang ini”. Larangan bagi *bay` habl al-habalah* adalah atas dasar ia merupakan transaksi jual beli barang yang tidak wujud, tidak diketahui, tidak dimiliki bahkan tidak mampu untuk diserahkan oleh penjual kepada pembeli. Manakala *bay` al-mulāmasah* pula turut dilarang disebabkan ia menafikan *sighah* dalam akad jual beli. Kini, isu *riba* dan *gharar* juga dilihat wujud pada aplikasi digital. Oleh itu, pengkaji akan menghuraikan beberapa contoh isu *riba* dan *gharar* yang berlaku pada aplikasi digital.

#### **2.4.1 Isu-isu berkaitan**

Antara contoh isu-isu yang berkaitan dengan elemen *riba* dan *gharar* pada aplikasi digital adalah seperti isu perdagangan pertukaran mata wang asing (*Forex*) oleh individu secara lani, isu pembelian emas secara dalam talian dan juga isu berkaitan mata wang kripto.

##### **2.4.1.1 Perdagangan Pertukaran Mata Wang Asing (*Forex*) oleh Individu Secara Lani**

Urus niaga *Forex* merupakan perdagangan pertukaran mata wang asing yang berdasarkan kepada pergerakan turun naik harga mata wang yang terlibat. Namun begitu, menurut Mustafiyah binte Kadir Sahib et al.<sup>100</sup>, urus niaga *Forex* ini adalah khusus dengan niat untuk tujuan membuat keuntungan semata-mata selain daripada kegunaan biasa iaitu memperoleh mata wang tertentu untuk tujuan khusus seperti membuat tukaran di antara dua jenis mata wang, sebagai contoh Dolar Singapura dan Ringgit Malaysia. Menurut Siti Rahayu et al.<sup>101</sup> pula, urus niaga *Forex* haram merujuk kepada aktiviti perdagangan mata

---

<sup>100</sup> Mustafiyah binte Kadir Sahib et al., “*Shariah Analysis of Earning Income Via Foreign Exchange Forex Trading - A Guide for The Singapore Muslim Community*”, (April 2019), 2.

<sup>101</sup> Siti Rahayu et al., “Urus niaga Mata wang Asing (*FOREX*) Haram”, *Majalah Ringgit*, Oktober 2016, 2.

wang asing di antara individu persendirian ataupun syarikat di dalam Malaysia dengan mana-mana pihak yang tidak mendapat kebenaran atau kuasa untuk oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA 2013) atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA 2013).

Maka oleh itu, perdagangan tukaran mata wang asing oleh individu secara lani telah banyak difatwakan haram oleh sebab wujudnya pelbagai elemen yang tidak patuh syariah seperti *rollover interest* (faedah gulung lampau), *leverage* (leveraj) dan *overnight charge* (caj bermalam) yang berunsurkan *riba*, *bay' wa salaf* melalui pensyaratian jual beli dalam pemberian hutang, *gharar* yang tinggi pada identiti broker platform serta keabsahan undang-undang yang mengawal selia berserta kesahihan transaksi yang dilakukan<sup>102</sup>, dan juga spekulasi yang berunsurkan *maysir*. Secara dasarnya, urus niaga perdagangan *Forex* diharuskan jika ia dilaksanakan dengan syarat-syarat yang telah digariskan oleh fatwa.

Para ulama telah sebulat suara dalam menangani isu *Forex* ini melalui fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) mahupun melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJF). Antaranya ialah fatwa yang diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98<sup>103</sup> yang bersidang pada 13-15 Februari 2012 yang mengatakan bahawa perdagangan pertukaran mata wang asing (*Forex*) oleh individu secara lani (*Individual Spot Forex*) melalui platform elektronik yang ada pada masa ini adalah haram kerana ia bercanggah dengan kehendak syarak dan juga tidak sah dari sisi

---

<sup>102</sup> Hukum *Forex Trading Online*, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-24 dan ke-25 pada 20-21 Disember 2016.

<sup>103</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012.

undang-undang negara sekali gus melarang umat Islam daripada melibatkan diri dalam perdagangan mata wang seumpama itu.

Selain itu, Jabatan Mufti Negeri Perak<sup>104</sup> juga turut memutuskan bahawa *Forex* adalah harus jika tidak bertujuan untuk spekulasi. Namun, oleh sebab *Forex online* merupakan seratus peratus berbentuk spekulasi, maka ia tidak mematuhi keharusan yang disyaratkan itu. Hal yang sama turut diutarakan Fatwa Majelis Ulama Indonesia<sup>105</sup> yang mengharuskan jika *Forex* dilakukan bukan tujuan spekulasi iaitu mengambil keuntungan atas perubahan harga, digunakan untuk keperluan, dan sebagai langkah berjaga-jaga. Namun atas sebab yang sama apabila ia digunakan bertujuan untuk spekulasi, maka ia juga tidak mematuhi keharusan yang disyaratkan.

Secara tuntasnya, dapat disimpulkan bahawa kesemua fatwa mengharamkan perdagangan pertukaran mata wang asing (*Forex*) oleh individu secara lani kerana transaksi dan proses yang berlaku dalam perdagangan tersebut tidak dapat dielakkan daripada terlibat dengan unsur *riba*, *gharar*, *maysir* dan sebagainya. Adapun keharusan yang diberikan adalah dengan syarat-syarat ketat berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.

#### **2.4.1.2 Pembelian emas secara dalam talian**

Emas merupakan satu daripada enam barang ribawi yang disebut dalam hadis Baginda Rasulullah. Sudah tentu, apabila sesuatu urus niaga itu melibatkan barang ribawi, maka ia terikat kepada syarat-syarat khusus muamalah bagi barang ribawi. Seandainya

---

<sup>104</sup> Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, “Fatwa Mengenai Hukum Perdagangan Pertukaran Matawang Asing Oleh Individu Secara Lani (*Individual Spot Forex*) melalui Platfrom Elektronik”, laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Perak, dicapai 27 Januari 2023, [https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi\\_umum/warta\\_kerajaan/irsyad/lani.pdf](https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/irsyad/lani.pdf).

<sup>105</sup> Fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) No: 28/DSN-MUI/III/2002 tentang Jual Beli Mata Uang (*Al-Sharf*) pada 28 Mac 2002.

syarat-syarat khusus ini tidak dipenuhi, maka muamalah tersebut terdedah kepada elemen *riba* dan *gharar* yang boleh membatalkan dan merosakkan kontrak jual beli.

Antara syarat khas bagi jual beli emas adalah *taqābud* (penyerahan) dan secara lani. *Taqābud* haruslah dilakukan di dalam sebuah majlis, sebelum mana-mana pihak berpisah dari majlis akad, dan ia melibatkan kedua-dua elemen jual beli iaitu bayaran harga dan barang yang diniagakan. Antara kaedah yang boleh digunakan bagi penyerahan bayaran harga ialah secara tunai, *banker's cheque*, cek peribadi, kad debit, kad kredit dan juga pemindahan wang secara dalam talian.

Bagi penyerahan barang jualan pula, ia boleh dilakukan secara hakiki mahupun melalui kaedah muktabar lain yang boleh menggantikan penyerahan hakiki tersebut. Kebiasaannya, penjual emas secara dalam talian akan menggunakan kaedah *taqābud hukmi* untuk menyelesaikan masalah berkaitan isu *taqābud* ini iaitu dengan menggunakan resit dan rekod akaun sebagai bukti dokumen transaksi. Hal ini bertepatan dengan kesepakatan yang telah dicapai di dalam Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami bagi Rabitah al-Alam al-Islami kali ke-11 yang bersidang di Makkah pada 19 hingga 26 Februari 1989 bahawa kaedah *taqābud hukmi* yang diguna pakai itu sah dan diterima dalam Islam.

Majlis pertemuan bagi akad ini boleh dilakukan secara perjumpaan secara berdepan mahupun secara maknawi. Bersesuaian dengan dunia teknologi masa kini, perjumpaan secara maknawi ini boleh dilakukan melalui aplikasi Whatsapp, e-mel, SMS, panggilan telefon dan lain-lain, dengan syarat berlakunya *taqābud* dalam perjumpaan tersebut.

Bagi syarat kedua pula, ia haruslah berlaku secara lani, iaitu tanpa adanya unsur penangguhan sama ada pada serahan wang mahupun serahan emas. Sekiranya berlaku penangguhan, maka berlaku isu *riba* pada transaksi tersebut, kerana harga pasaran bagi

emas tersebut boleh jadi menaik atau menurun, yang menatijahkan kerugian kepada satu daripada pihak yang berkontrak.

Dalam hal kelewatan ini, para ulama berkhilaf pendapat. Ada pendapat yang mengatakan ia dibolehkan kerana mengikuti kaedah T+2 (tiga hari) yang diguna pakai dalam sistem pertukaran mata wang asing. Pendapat yang lain pula berpendapat bahawa ia tidak dibenarkan untuk berlakunya kelewatan walaupun ia kurang daripada tiga hari kerana ia bukanlah suatu *uruf*, berbeza keadaannya dengan urus niaga pertukaran mata wang asing itu tadi.

Sementara itu, isu *gharar* juga turut berlaku di dalam jual beli emas secara dalam talian. Antaranya pihak penjual tidak meletakkan spesifikasi atau perincian bagi emas yang dijual, seperti gram dan jenis emas seperti 999, 916 atau 750. Selain itu, ada juga keadaan di mana penjual tidak dapat mengesahkan atau memberi jaminan bahawa emas yang dijual itu memang berada dalam pemilikannya, melainkan jika transaksi jual beli tersebut dilakukan secara langsung melalui *video call* sebagai contoh, maka pembeli dapat melihat dengan jelas fizikal emas berserta perincian emas tersebut. Di samping itu, bagi memastikan *taqābūd* berlaku secara lani, penjual dan pembeli haruslah masing-masing berada dalam keadaan *online*, supaya transaksi berjalan dengan lancar tanpa adanya unsur pertangguhan yang boleh membatalkan dan merosakkan kontrak.

#### **2.4.1.3 Mata wang kripto**

Mata wang kripto (*cryptocurrency*) merupakan sejenis mata wang digital yang dikategorikan di bawah aset digital. Ia mewakili nilai digital yang tertulis pada Lejar Digital yang Diedarkan (*Distributed Digital Ledger*) yang dijamin secara kriptografi

ataupun sebagainya yang juga berfungsi sebagai medium pertukaran dan boleh ditukar dengan semua jenis wang, sama ada melalui cara pengkreditan atau pendebitan akaun.<sup>106</sup>

Mata wang kripto menggunakan sistem *Blockchain* (blok rantai) untuk beroperasi. Sistem *Blockchain* (blok rantai) merupakan sebuah lejar awam (*public ledger*) yang merekodkan semua urus niaga mata wang kripto dan kemudiannya menghasilkan blok-blok data.<sup>107</sup>

Menurut Muhd Rosydi<sup>108</sup>, antara ciri-ciri mata wang kripto ialah ia tidak mempunyai nilai pendasar ataupun nilai intrinsik, berbeza halnya dengan emas yang mempunyai nilainya yang tersendiri. Selain itu, ia juga hanya wujud dalam rangkaian internet semata-mata, dan penerbitannya tidak dilakukan oleh mana-mana negara. Ini adalah kerana mata wang kripto merupakan sejenis mata wang yang tidak berpusat (*decentralized*), iaitu mata wang yang tidak diterbitkan atau dikawal selia oleh mana-mana negara ataupun kerajaan, malah ia hanya berfungsi melalui secara rangkaian rakan-ke-rakan (*peer-to-peer network*) menggunakan teknologi *Blockchain* (blok rantai).<sup>109</sup>

Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ke-233 dan 234<sup>110</sup> berpendapat bahawa mata wang digital diakui sebagai *māl* dari sudut pandang syariah. Menurut majoriti fuqaha, *māl* merujuk kepada sesuatu yang bernilai, boleh

---

<sup>106</sup> Securities Commision Malaysia, “*Guidelines on Digital Assets*”, laman sesawang Securities Commission Malaysia, dicapai 20 Oktober 2020, <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=aeb10f62-944b-4d83-8aa0-4ed492dc1109>.

<sup>107</sup> Asmadi Mohamed Naim, “Bitcoin Dan Analisis Pandangan Fiqh Islam”, (Kertas Kerja untuk Mesyuarat Jamaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan, 11 Februari 2018), 4.

<sup>108</sup> Muhd Rosydi Muhammad, “*Cryptocurrency, Blockchain & Distributed Ledger Technology*”, (Mesyuarat Panel Pakar Muamalat (PPM) JAKIM, Putrajaya, 14 November 2017).

<sup>109</sup> Marcella Atzori, “*Blockchain Technology And Decentralized Governance: Is The State Still Necessary*”, *Journal Of Governance and Regulation* 6, No. 1, (2017), 45-62.

<sup>110</sup> *Digital Assets from Shariah Perspective*, Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Ke-233 dan ke-234 pada 29 Jun 2020 dan 20 Julai 2020.

diperdagangkan dan boleh dikenakan denda atau hukuman ke atas orang yang merosakkannya.<sup>111</sup>

Dalam hal ini, pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membahagikan mata wang digital kepada dua kategori, iaitu mata wang digital yang berdasarkan teknologi tanpa aset pendasaran dan juga mata wang digital yang didasari oleh barang ribawi. Bagi mata wang tanpa aset pendasaran, mata wang dalam bentuk ini dikategorikan sebagai *urudh* dan ia tidak dianggap sebagai mata wang dari sudut pandang syariah, dan ia juga bukan daripada barang ribawi. Ibnu Qudamah mendefinisikan *urudh* sebagai *māl* selain daripada mata wang, seperti tumbuhan, haiwan, tanah dan lain-lain.<sup>112</sup> Manakala menurut al-Bujayrimi pula, *urudh* merupakan apa-apa sahaja perkara yang boleh ditukar dengan mata wang.<sup>113</sup> Oleh yang demikian, perdagangan yang melibatkan mata wang digital tanpa aset pendasaran ini tidak tertakluk kepada prinsip *bay` al-sarf* (*currency exchange*).

Bagi mata wang digital yang didasari oleh pendasaran yang berdasarkan barang ribawi pula, ia terbahagi kepada dua kategori pula, iaitu pendasarnya emas, perak dan mata wang yang berillahkan nilai harga, dengan pendasaran yang selain daripada tiga perkara itu tadi iaitu gandum, barli, tamar dan garam yang berillahkan makanan asasi. Untuk kategori pertama, ia dikategorikan sebagai mata wang (nilai harga) dari sudut pandang syariah, maka perdagangan yang melibatkan kategori pertama ini tertakluk kepada prinsip *bay` al-sarf*. Manakala untuk kategori kedua pula, ia dikategorikan sebagai barang ribawi yang berillahkan makanan asasi, maka perdagangan yang melibatkan kategori kedua ini terikat kepada syarat-syarat khas bagi jual beli barang ribawi. Memandangkan kedua-dua kategori ini melibatkan barang ribawi yang

---

<sup>111</sup> Al-Suyuti, “*al-Asybah wa al-Naza’ir*”, (T.tp: t.p, 1983), 409.

<sup>112</sup> Al- Mughnī, (T.tp: t.p, t.t), 4:249.

<sup>113</sup> Al-Bujayrimi, “*al-Bujayrimi ala al-Khatib*”, (T.tp: t.p, t.t), 3:55.

berillahkan nilai harga dan makanan asasi, maka pengurusan transaksi yang melibatkan hal tersebut perlu dijalankan mengikut tatacara atau syarat-syarat barang ribawi sekiranya ia didagangkan dengan barang yang memiliki *illah* yang sama seperti wang digital dengan Ringgit Malaysia atau wang digital dengan emas. Oleh itu, sekiranya berlaku kesilapan dalam berurusan dengan mata wang digital yang berdasarkan aset pendasar barang ribawi ini boleh menyebabkan timbulnya isu *riba* di dalam muamalat yang dilakukan.

Antara contoh isu *riba* yang timbul di dalam *bay` al-sarf* ialah pertangguhan dalam *taqābuḍ* (serah dan terima) antara mata wang digital dengan wang fiat, yang menjurus kepada *riba al-nasi'ah*.<sup>114</sup> Selain itu, mata wang digital seperti Bitcoin juga dilihat mempunyai isu *gharar* yang tinggi dalam pertukaran antara sesama Bitcoin mahupun wang fiat. Hal ini adalah kerana Bitcoin tidak mempunyai fizikal yang nyata dan nilainya yang sentiasa berubah-ubah secara ekstrem.<sup>115</sup>

## 2.5 PENUTUP

Sebagai penutup, dapat disimpulkan melalui bab kedua ini bahawa unsur *riba* dan *gharar* yang wujud di dalam urus niaga dan muamalat boleh menyebabkan kontrak menjadi rosak dan terbatal. Hal yang sama juga berlaku dalam transaksi dan muamalat yang bersandarkan kepada kemajuan sistem teknologi semasa seperti jual beli tukaran mata wang *Forex*, jual beli emas secara dalam talian dan juga transaksi mata wang kripto. Di sini, pengkaji ingin mengaitkan akan kemungkinan berlakunya unsur yang sama pada aplikasi *e-wallet*.

---

<sup>114</sup> Sudais Asif, “The Halal and Haram Aspect of Cryptocurrencies in Islam”, *Journal of Islamic Banking and Finance* 35, No. 2, (Jun 2018), 91-101.

<sup>115</sup> Hussein el-Asrag, “Blockchains for Islamic Finance: Obstacles & Challenges”, *Munich Personal RePEc Archive (MPRA)* Paper No. 92676, (Mac 2019), 1-34.

Jadual 2.2 Elemen *Riba* dan *Gharar* pada Aplikasi Digital

		<i>Riba</i>	<i>Gharar</i>
1.	( <i>FOREX</i> )	1. <i>Rollover interest</i> 2. <i>Leverage</i> 3. <i>Overnight charge</i> 4. <i>Bay’ wa salaf</i> melalui pensyaratian jual beli dalam pemberian hutang.	<i>Gharar</i> yang tinggi pada; 1. Identiti broker platform, 2. Keabsahan undang-undang yang mengawal selia, 3. Kesahihan transaksi yang dilakukan.
2.	Pembelian emas	1. Syarat <i>taqābūd</i> tidak dipenuhi. 2. Syarat lani tidak dipenuhi.	1. Spesifikasi atau perincian bagi emas yang dijual tidak didedahkan kepada pembeli. 2. Tiada pengesahan atau jaminan bahawa emas yang dijual berada dalam pemilikan penjual.
3.	Mata wang kripto	1. Berlaku pertangguhan dalam <i>taqābūd</i> (serah dan terima) antara mata wang digital dengan wang fiat, yang menjurus kepada <i>riba al-nasi’ah</i> .	1. <i>Gharar</i> yang tinggi dalam pertukaran antara sesama Bitcoin mahupun wang fiat.

Sumber: Olahan Pengkaji.

Jadual 2.2 di atas merujuk kepada elemen-elemen *riba* dan *gharar* yang wujud pada tiga buah contoh aplikasi digital iaitu *Forex*, pembelian emas secara dalam talian dengan mata wang kripto. Jadual ini akan dijadikan sebagai panduan tambahan pada perbincangan di dalam bab empat dalam menentukan kemungkinan wujudnya elemen *riba* dan *gharar* pada aplikasi *e-wallet*. Sebagai penutup bagi penulisan bab kedua ini, dapatkan ini menunjukkan bahawa tercapainya objektif kajian yang pertama iaitu meneliti *riba* dan *gharar* yang berlaku pada aplikasi digital. Perbincangan mengenai objektif kedua iaitu modus operandi *e-wallet* di Malaysia pula akan dihuraikan dalam bab ketiga selepas ini.

## **BAB TIGA: MODUS OPERANDI E-WALLET DI MALAYSIA**

### **3.1 PENDAHULUAN**

Bab ini membicarakan mengenai gambaran awal konsep serta modus operandi pengoperasian *e-wallet* di Malaysia. Terlebih dahulu, skop kajian yang telah ditentukan adalah terhad kepada produk *e-wallet* yang hanya berada dalam pasaran Malaysia sahaja dan juga jenis *e-wallet* yang berurus niaga menggunakan *e-money* sebagai instrumen pembayaran. Oleh yang demikian, produk *e-wallet* yang berada di luar pasaran Malaysia dan tidak menggunakan *e-money* sebagai pendasar bagi instrumen pembayaran seperti *e-wallet* wang kripto adalah terkeluar daripada skop kajian ini. Pembahagian subtopik ini dibuat bagi memastikan kelancaran aliran penulisan bagi bab ini.

Bab ini diperincikan kepada beberapa bahagian. Bahagian pertama akan membicarakan mengenai konsep *e-money* yang kemudiannya akan dipecahkan kepada beberapa subtopik seperti definisi, perbezaan *e-money* dengan wang digital, penerbit dan kategori penerbit *e-money* di Malaysia, tadbir urus syariah, kriteria individu yang sesuai dan wajar, dan juga hubungan antara *e-money* dan *e-wallet*.

Kemudian, bahagian kedua pula akan menceritakan mengenai konsep *e-wallet* yang kemudiannya dibahagikan kepada beberapa subtopik seperti definisi, jenis-jenis *e-wallet*, model-model *e-wallet*, metode tambah nilai *e-wallet*, eKYC, jenis-jenis ganjaran *e-wallet* dan juga hubungan pelbagai pihak yang terlibat dalam pengoperasian *e-wallet*.

### **3.2 KONSEP E-MONEY**

Sistem pembayaran di Malaysia secara umumnya dibahagikan kepada dua jenis iaitu Sistem Pembayaran Bernilai Tinggi (*Large Value Payment System*) dan Sistem Pembayaran Runcit (*Retail Payment System*).<sup>116</sup>

Sistem Pembayaran Bernilai Tinggi memproses pembayaran yang bernilai tinggi (*high-value*) dan kritikal (*time-critical*). Sistem ini penting untuk memastikan kelancaran kelancaran fungsi ekonomi, sistem kewangan dan pasaran kewangan. Sekiranya berlaku kegagalan terhadap sistem ini, maka ia boleh mencetuskan gangguan atau menyebarkan kejutan terhadap ekonomi dan pasaran kewangan pada skala domestik mahupun global. Sistem Penyelesaian Kasar Masa Nyata untuk Malaysia atau *Real Time Electronics Transfer of Funds and Securities* (RENTAS) merupakan satu-satunya Sistem Pembayaran Bernilai Tinggi di Malaysia.

Sistem Pembayaran Runcit pula digunakan oleh institusi dan pengguna runcit (*retail consumer*). Sistem ini dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu jenis sistem Pembayaran Runcit, jenis instrumen Pembayaran Runcit dan juga jenis saluran (*channel*) Pembayaran Runcit. Sistem pembayaran runcit merupakan sistem yang digunakan bagi urusan pembayaran runcit. Ada beberapa jenis sistem yang digunakan untuk pembayaran runcit di Malaysia, antaranya ialah Sistem Penjelasan Imej Cek Kebangsaan (eSPICK), Rangkaian Perkongsian ATM (SAN), HOUSe, Sistem GIRO Antara Bank (IBG), *Direct Debit*, dan Bursa Pemprosesan Kewangan (FPX).

Instrumen Pembayaran Runcit pula merupakan instrumen yang mengguna pakai sistem pembayaran runcit. Antara contoh instrumen pembayaran runcit ialah cek, kad

---

<sup>116</sup> Bank Negara Malaysia, “*Payment System in Malaysia*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 20 November 2020, [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps\\_mps\\_type&ac=177&lang=en](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps_mps_type&ac=177&lang=en).

kredit, *charge card*, kad debit, dan *e-money*. *E-money* merupakan subjek pertama yang akan diuraikan di dalam subtopik ini.

Manakala Saluran Pembayaran Runcit pula ialah saluran untuk mendapatkan pembayaran runcit. Antara contoh saluran bagi pembayaran runcit ialah mesin ATM, perbankan internet, perbankan mudah alih dan pembayaran tunai.

Pada subtopik ini, pengkaji akan menghuraikan mengenai konsep *e-money* yang digunakan di Malaysia. Pengkaji memulakan penulisan bab tiga ini dengan konsep *e-money* kerana ia merupakan sebuah elemen yang penting dalam modus operandi *e-wallet*. Justifikasi mengenai hal ini akan dijelaskan di dalam subtopik selepas ini.

### **3.2.1 Pengenalan**

Berdasarkan kepada garis panduan yang didapati daripada dokumen *Guidelines on e-money* 2008 oleh Bank Negara Malaysia, “*e-money* ataupun wang elektronik merupakan sebuah instrumen pembayaran yang mempunyai nilai monetari yang telah dibayar awal (*paid in advance*) oleh pengguna kepada penerbit *e-money*”.<sup>117</sup>

Definisi menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013<sup>118</sup>, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013<sup>119</sup> dan *Guidelines on e-money* 2008 pula, “*e-money* didefinisikan sebagai sebuah instrumen pembayaran secara konvensional mahupun Islamik, sama ada ketara atau tidak ketara, yang menyimpan dana secara elektronik sebagai pertukaran dana

---

<sup>117</sup> Bank Negara Malaysia , “*Guidelines on Electronic Money (E-money) 2008*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, [https://www.bnm.gov.my/microsite/ps/gl\\_016\\_3.pdf](https://www.bnm.gov.my/microsite/ps/gl_016_3.pdf).

<sup>118</sup> Bank Negara Malaysia, “Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_legislation&pg=bm\\_legislation\\_act&ac=343&full=1&lang=bnm](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_legislation&pg=bm_legislation_act&ac=343&full=1&lang=bnm).

<sup>119</sup> Bank Negara Malaysia, “Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_legislation&pg=bm\\_legislation\\_act&ac=344&full=1&lang=bnm](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_legislation&pg=bm_legislation_act&ac=344&full=1&lang=bnm).

yang dibayar kepada penerbit dan berupaya untuk digunakan sebagai alat pembayaran kepada sesiapa sahaja selain daripada penerbit *e-money* itu tadi”.

Daripada definisi itu tadi, pengkaji mengeluarkan beberapa maklumat penting mengenai *e-money* iaitu,

1. Jenis: Sebuah instrumen pembayaran.

Instrumen pembayaran yang dikuatkuasakan di bawah seksyen 31 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] Bank Negara Malaysia atau nama lainnya Perintah Perkhidmatan Kewangan (Instrumen Pembayaran yang Ditetapkan) 2013 adalah sah untuk digunakan di Malaysia. Oleh sebab *e-money* juga tergolong dalam kategori instrumen pembayaran yang ditetapkan, maka *e-money* boleh digunakan untuk semua urusan pembayaran di Malaysia.

2. Kategori: Secara konvensional mahupun Islamik.

Secara asasnya, *e-money* mempunyai sifat-sifat yang sama dengan wang tunai dan neutral, namun berbeza pada keadaannya iaitu *e-money* disimpan dalam bentuk elektronik manakala wang tunai pula dalam bentuk wang kertas.<sup>120</sup> Oleh yang demikian, *e-money* bebas digunakan secara konvensional mahupun secara Islamik berdasarkan sifat neutral dan persamaan yang ada pada wang tunai.

3. Bentuk: Sama ada ketara atau tidak ketara.

*E-money* boleh wujud dalam dua keadaan, sama ada ketara atau tidak ketara. Bentuk ketara yang dimaksudkan adalah seperti bentuk yang

---

<sup>120</sup> Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, “Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Wang Elektronik Sebagai Instrumen Pembayaran Patuh Syariah”, Mesyuarat MPS ke-201 dan Mesyuarat Khas MPS ke-26 bertarikh 29 dan 30 Januari 2020, 4.

berasaskan kad seperti kad prabayar. Manakala bentuk tidak ketara pula adalah seperti bentuk yang berasaskan rangkaian yang boleh diakses oleh pengguna melalui internet, telefon pintar, mahupun peranti-peranti lain.<sup>121</sup>

4. Ciri-ciri: Yang menyimpan dana secara elektronik.

*E-money* menyimpan dana secara elektronik. Oleh yang demikian, *e-money* mempunyai nilai monetari namun disimpan secara elektronik. Ia merupakan pertukaran dana yang dibayar kepada penerbit *e-money*. Dalam erti kata lain, penerbit *e-money* menerima wang tunai daripada pengguna dan menukar dana tersebut ke dalam bentuk elektronik.

5. Fungsi: sebagai alat pembayaran kepada sesiapa sahaja selain daripada penerbit *e-money*.

*E-money* berfungsi sebagai alat pembayaran berdasarkan Perintah Perkhidmatan Kewangan (Instrumen Pembayaran yang Ditetapkan) 2013. Frasa “sebagai alat pembayaran kepada sesiapa sahaja selain daripada penerbit *e-money*” bermaksud ia boleh menjadi alat pemindahan dana kepada sesiapa sahaja yang menerima *e-money* sebagai bayaran bagi barang mahupun perkhidmatan yang diberikan, selain daripada penerbit *e-money* itu tadi. Istilah yang berkaitan bagi situasi ini dipanggil sebagai “*Open-loop*” ataupun Gelung Terbuka. Perbahasan mengenai “*Open-loop*” dan “*Close-loop*” akan dibahaskan pada subtopik yang berkaitan selepas ini.

---

<sup>121</sup> Bank Negara Malaysia, “*Malaysia's Payment System*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps\\_mps\\_type&ac=177&lang=en](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps_mps_type&ac=177&lang=en).

### **3.2.2 Perbezaan *e-money* dengan wang digital**

Secara amnya, *e-money* dilihat seakan sama dengan mata wang digital, namun begitu ada perbezaan yang ketara di antara kedua-dua subjek ini. Antara kriteria yang membezakan antara mata wang digital dengan *e-money* ialah mata wang digital merupakan sejenis aset digital<sup>122</sup>, berbeza pula dengan *e-money* yang merupakan wang elektronik yang didasari oleh wang fiat<sup>123</sup>.

Aset digital terbahagi kepada dua, iaitu mata wang digital dan token digital. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mendefinisikan mata wang digital sebagai perwakilan nilai digital yang direkodkan pada lejar digital yang diedarkan (*Distributed Digital Ledger*) yang dijamin keselamatannya secara kriptografi ataupun selainnya. Ia juga berfungsi sebagai medium pertukaran dan boleh ditukar dengan apa jua jenis wang, sama ada melalui cara pengkreditan atau pendebitan akaun.<sup>124</sup> Mata wang digital turut dikenali dengan nama lain seperti *digital currency* dan juga *digital money*. Token digital pula didefinisikan sebagai perwakilan digital yang direkodkan pada lejar digital yang diedarkan (*Distributed Digital Ledger*) yang dijamin keselamatannya secara kriptografi ataupun selainnya.

---

<sup>122</sup> Digital Assets from Shariah Perspective, Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Ke-233 dan ke-234 pada 29 Jun 2020 dan 20 Julai 2020.

<sup>123</sup> Tobias Adrian, “*Stablecoins, Central Bank Digital Currencies, and Cross-Border Payments: A New Look at the International Monetary System*”, *International Monetary Fund-Swiss National Bank Conference*, laman sesawang *International Monetary Fund*, dicapai 14 Mei 2019, <https://www.imf.org/en/News/Articles/2019/05/13/sp051419-stablecoins-central-bank-digital-currencies-and-cross-border-payments>.

<sup>124</sup> Securities Commission Malaysia, “*Guidelines on Digital Assets*”, laman sesawang *Securities Commission Malaysia*, dicapai 20 Oktober 2020, <https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=aeb10f62-944b-4d83-8aa0-4ed492dc1109>.

### 3.2.3 Penerbit *e-money* di Malaysia

Penggunaan *e-money* di Malaysia merekodkan peningkatan yang positif setiap tahun.

Jumlah transaksi urus niaga per kapita menunjukkan trend peningkatan yang berterusan selama 5 tahun daripada 58.1 pada tahun 2017 kepada 64.5 pada tahun 2021<sup>125</sup>.

Jadual 3.1. *Basic Payments Indicator 2017-2021*

	2017	2018	2019	2020	2021
Population (million)	32.1	32.4	32.5	32.6	32.7
GDP (RM million)	1,353,381	1,429,842	1,513,158	1,416,605	1,544,213
Cash in circulation (CIC) (RM million)	92,387.6	94,307.2	100,158.8	117,687.0	136,520.7
<b>Transaction Volume Per Capita (unit):</b>					
<b>Cheque<sup>1</sup></b>	<b>3.7</b>	<b>3.1</b>	<b>2.6</b>	<b>1.8</b>	<b>1.5</b>
<b>E-payments:</b>	<b>110.6</b>	<b>124.6</b>	<b>150.3</b>	<b>170.3</b>	<b>221.2</b>
Credit card	12.7	13.8	15.7	15.0	17.0
Charge card	0.1	0.2	0.2	0.1	0.1
Debit card	5.1	7.6	11.4	15.3	22.6
E-money	58.1	59.3	64.3	56.3	64.5
Other cashless instruments <sup>2</sup>	0.9	0.2	0.2	0.1	...
Interbank GIRO	6.1	6.4	6.2	8.1	10.8
Instant Transfer <sup>3</sup>	4.1	7.4	13.7	22.3	34.8
Interbank direct debit	0.1	0.1	0.1	0.2	0.3
ATM <sup>4</sup>	1.3	1.1	1.0	0.5	0.3
Internet banking <sup>5</sup>	15.9	19.0	23.1	30.6	40.7
Mobile banking <sup>5</sup>	2.7	5.9	10.1	17.8	25.3
Mobile payment <sup>6</sup>	0.01	0.04	0.2	0.4	1.2
RENTAS - Third party transactions <sup>7</sup>	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
Intrabank direct debit and standing instructions	3.4	3.6	3.9	3.6	3.6

Sumber: BNM.

Di Malaysia, hanya penerbit *e-money* (*E-money Issuer* atau *EMI*) yang berlesen dan berdaftar dengan pihak BNM sahaja yang dibenarkan untuk beroperasi dan menerbitkan *e-money*. Sehingga November 2022, Bank Negara Malaysia telah menyenaraikan sebanyak 6 buah bank<sup>126</sup> dan juga 47 buah bukan bank<sup>127</sup> yang berlesen dan berdaftar dengan mereka. Angka ini dilihat bertambah hampir dua kali ganda

<sup>125</sup> Bank Negara Malaysia, “BNM Basic Payment Indicator”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/57659/T1%20-20Transactions%20Per%20Capita.pdf>.

<sup>126</sup> Bank Negara Malaysia, “E-money Issuers”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 November 2022, <https://www.bnm.gov.my/list-of-regulatees>.

<sup>127</sup> Bank Negara Malaysia, “Non-bank E-money Issuers”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 November 2022, [https://www.bnm.gov.my/regulations/fsp-directory?p\\_p\\_id=com\\_liferay\\_asset\\_publisher\\_web\\_portlet\\_AssetPublisherPortlet\\_INSTANCE\\_jXC730NRIqU0&p\\_p\\_lifecycle=0&p\\_p\\_state=normal&p\\_p\\_mode=view&p\\_r\\_p\\_tag=nonbank-emoney-issuer](https://www.bnm.gov.my/regulations/fsp-directory?p_p_id=com_liferay_asset_publisher_web_portlet_AssetPublisherPortlet_INSTANCE_jXC730NRIqU0&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_r_p_tag=nonbank-emoney-issuer).

berbanding tahun 2016 yang merekodkan hanya 3 buah bank dan 25 buah non-bank yang mendapat lesen penerbitan *e-money* daripada Bank Negara Malaysia.<sup>128</sup> Senarai bagi bank dan non-bank yang berlesen adalah seperti di bawah.

### **3.2.3.1 Bank**

- |                                    |                           |
|------------------------------------|---------------------------|
| 1. AmBank (M) Berhad               | 4. Malayan Banking Berhad |
| 2. Bank of China (Malaysia) Berhad | 5. MBSB Bank Berhad       |
| 3. CIMB Bank Berhad                | 6. RHB Bank Berhad        |

### **3.2.3.2 Non-bank**

- |   |   |
|---|---|
| 1. XOX Com Sdn Bhd                              | 25. Merchantrade Asia Sdn Bhd   |
| 2. Wise Payments Malaysia Sdn Bhd               | 26. ManagePay Services Sdn Bhd  |
| 3. WeChat Pay Malaysia Sdn Bhd                  | 27. Mobile Money International Sdn Bhd                                |
| 4. Wavpay Systems Sdn Bhd                       | 28. JuruQuest Consulting Sdn Bhd                                      |
| 5. AEON Credit Service (M) Berhad               | 29. Instapay Technologies Sdn Bhd                                     |
| 6. U Mobile Services Sdn Bhd                    | 30. i-Serve Payment Gateway Sdn Bhd                                   |
| 7. Touch 'n Go Sdn Bhd                          | 31. GPay Network (M) Sdn Bhd  |
| 8. TNG Digital Sdn Bhd                          | 32. Google Payment Malaysia Sdn Bhd                                   |
| TNG Digital Remittance Sdn Bhd                  |   |
| 9. (dahulu dikenali sebagai Numoni DFS Sdn Bhd) | 33. GoNetPay Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai GoPay Sdn Bhd)          |
| 10. SMJ Teratai Sdn Bhd                         | 34. Gkash Sdn Bhd   |
| 11. SiliconNet Technologies Sdn Bhd             | 35. Fullrich Malaysia Sdn Bhd   |
| Kiplepay Sdn Bhd (dahulu                        |   |
| 12. dikenali sebagai Webonline Dot Com Sdn Bhd) | 36. FINEXUS Cards Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai MAA Cards Sdn Bhd) |
| 13. Setel Ventures Sdn Bhd                      | 37. Fass Payment Solutions Sdn Bhd                                    |

---

<sup>128</sup> Marjan Muhammad, “Number of E-money Issuers in Malaysia (2016-2020)”, *Shariah-compliant E-wallet: Prospects & Challenges ISRA Consulting Webinar Series* pada 28 Oktober 2020.

- |   |   |
|---|---|
| 14. Alipay Malaysia Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai helloPay Malaysia Sdn Bhd) | DIV Services Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai ePetrol Services Sdn Bhd) |
| 15. Raffcomm Sdn Bhd  | 38. Dataprep Payment Solutions Sdn Bhd                                  |
| 16. qBayar Sdn Bhd  | 39. Chevron Malaysia Limited  |
| 17. MobilityOne Sdn Bhd   | 40. BLoyalty Sdn Bhd  |
| 18. Petron Fuel International Sdn Bhd   | 41. BigPay Malaysia Sdn Bhd   |
| 19. PayPal Pte Ltd  | 42. Bayo Pay (M) Sdn Bhd  |
| 20. MyEG Alternative Payment Services Sdn Bhd                                   | 43. Bandar Utama City Centre Sdn Bhd                                    |
| 21. MRuncit Commerce Sdn Bhd  | 44. Axiata Digital E-code Sdn Bhd                                       |
| 22. MOL AccessPortal Sdn Bhd  | 45. Serba Dinamik IT Solutions Sdn Bhd                                  |
| 23. Presto Pay Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai EPP Solution Sdn Bhd)           | 46. WannaPay Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai ScanPay Sdn Bhd)          |
| 24. ShopeePay Malaysia Sdn Bhd  |   |

### **3.2.4 Kategori Penerbit *E-money***

*E-Money Policy Document 2022*<sup>129</sup> merupakan sebuah dokumen dasar oleh pihak BNM berkaitan *E-money*. Dokumen dasar ini berkuat kuasa untuk menggantikan dokumen *Guideline on Electronic Money (E-money)* 2008 dan telah dilaksanakan secara berperingkat bermula 30 Disember 2022 dan berkuat kuasa sepenuhnya bermula 30 Disember 2023. Pihak BNM melalui dokumen dasar ini telah membahagikan penerbit *e-money (EMI)* kepada 3 jenis kategori, iaitu *Eligible EMI (EMI yang Layak)*, *Standard EMI (EMI Standard)* dan juga *Limited Purpose EMI (EMI Tujuan Terhad)*.

---

<sup>129</sup> Bank Negara Malaysia , “Policy Document on Electronic Money (E-Money)”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 30 Disember 2022, <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/943361/PD-eMoney-202302.pdf>

#### **3.2.4.1 *Eligible EMI* (*EMI* yang Layak)**

Kategori *EMI* yang Layak merujuk kepada jenis *EMI* yang mempunyai sekurang-kurangnya 500,000 orang pengguna aktif selama tempoh enam bulan berturut-turut bermula dari tahun 2017. Selain itu, *EMI* tersebut juga harus mempunyai bahagian dalam pasaran sekurang-kurangnya lima peratus bagi setiap jumlah penukaran, nilai transaksi *e-money*, dan jumlah liabiliti *e-money* yang belum diselesaikan secara keseluruhan di Malaysia bagi satu tahun bermula tahun 2017. *EMI* jenis ini tertakluk kepada langkah pengawalseliaan yang lebih ketat daripada pihak berkuasa.

#### **3.2.4.2 *Standard EMI* (*EMI* Standard)**

Apabila sesebuah *EMI* tidak memenuhi kriteria sebagai *EMI* yang Layak, ia akan diklasifikasikan sebagai kategori *EMI* Standard. Secara umumnya, *EMI* Standard hanya perlu mengekalkan keperluan dana modal yang rendah sahaja.

#### **3.2.4.3 *Limited Purpose EMI* (*EMI* Tujuan Terhad)**

*EMI* Tujuan Terhad pula merujuk kepada *EMI* yang tidak tertakluk kepada keperluan undang-undang untuk diluluskan sebagai sebuah *EMI*. Antara contoh *EMI* Tujuan Terhad adalah seperti (1) *e-money* yang digunakan dalam rangkaian gelung tertutup, (2) *e-money* yang digunakan untuk ganjaran tunai atau mata kesetiaan, (3) *e-money* yang digunakan untuk tujuan bayaran semula kepada pengguna dan juga (4) *e-money* yang dijadikan sebagai kredit prabayar mudah alih yang digunakan untuk pembelian kandungan digital.

##### **a) *E-money* yang digunakan dalam Rangkaian Gelung Tertutup (*Close-loop*)**

Antara contoh bagi *EMI* Tujuan Terhad ialah *e-money* yang digunakan dalam Rangkaian Gelung Tertutup (*Close-loop*) seperti rangkaian pedagang, premis tunggal dan komuniti tertutup.

*E-money* jenis ini hanya boleh digunakan dalam rangkaian peniaga di Malaysia yang beroperasi di bawah rangkaian perniagaan tunggal dan jenama tunggal ataupun sebuah premis tunggal dalam Malaysia. Bagi kedua-dua *EMI* ini, purata liabiliti *e-money* harian dan purata nilai transaksi bulanan yang dijalankan oleh semua pengguna haruslah tidak melebihi jumlah RM1,000,000.00 masing-masing dan mempunyai had dompet yang tidak melebihi RM500.00 bagi setiap pengguna. *E-money* tersebut hanya boleh digunakan untuk pembelian barang atau perkhidmatan sahaja dan hanya boleh dikeluarkan ke akaun bank pengguna di institusi perbankan mereka.

**b) *E-money* yang Digunakan untuk Ganjaran Tunai atau Mata Kesetiaan**

Kategori yang kedua pula ialah *e-money* yang digunakan untuk ganjaran tunai atau mata kesetiaan. *E-money* jenis ini diwujudkan oleh individu atau penyumbang dana yang bekerjasama dengan penerbit sebagai ganjaran dan hanya boleh digunakan untuk pembelian barang atau perkhidmatan kepada mana-mana individu selain penyumbang dana. *E-money* tersebut hanya boleh dikeluarkan ke akaun bank pengguna di institusi perbankan mereka dan mestilah diasingkan daripada akaun *e-money* pengguna.

**c) *E-money* yang digunakan untuk tujuan bayaran semula kepada pengguna**

Manakala kategori ketiga pula merujuk kepada *e-money* yang digunakan untuk tujuan bayaran semula kepada pengguna. *E-money* jenis ini dikeluarkan oleh penerbit hanya untuk tujuan membuat pembayaran semula kepada pengguna oleh penerbit atau bagi pihak individu lain yang bekerjasama dengan penerbit. Selain itu, *e-money* ini hanya boleh digunakan untuk pembelian barang atau perkhidmatan kepada mana-mana individu lain yang bekerjasama dengan penerbit dan hanya boleh dikeluarkan ke akaun bank pengguna di institusi perbankan mereka.

**d) E-money yang Dijadikan sebagai Kredit Prabayar Mudah Alih**

Kategori yang terakhir ialah *e-money* yang dijadikan sebagai kredit prabayar mudah alih yang digunakan untuk membeli kandungan digital. *E-money* jenis ini dikeluarkan oleh penerbit yang juga merupakan pembekal perkhidmatan telekomunikasi dan hanya boleh digunakan untuk pembelian barang digital atau perkhidmatan daripada mana-mana individu lain yang bekerjasama dengan penerbit di mana barang digital atau perkhidmatan tersebut mempunyai jumlah nilai yang rendah seperti aplikasi muzik, video, perisian, permainan dan nada dering.

Barangan digital atau perkhidmatan tersebut boleh dibayar melalui mana-mana peranti teknologi telekomunikasi, digital atau maklumat dan dihantar kepada, dan digunakan oleh, pengguna melalui mana-mana peranti teknologi telekomunikasi, digital atau maklumat. *E-money* tersebut hanya boleh dikeluarkan ke akaun bank pengguna di institusi perbankan mereka dan tertakluk kepada terma dan syarat pembekal perkhidmatan telekomunikasi.

**3.2.4.3.1 Syarat-syarat Khas bagi *EMI* Tujuan Terhad**

Antara syarat-syarat khas *EMI* Tujuan Terhad ialah pihak *EMI* hendaklah mematuhi syarat-syarat di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) dan peraturan subsidiari yang tertakluk kepada Akta PDPA itu tadi. Selain itu, *EMI* juga haruslah menyediakan pengguna atau bakal pengguna dengan mekanisme aduan (*Mechanism for Complaint*) dan penyelesaian pertikaian (*Dispute Resolution*).

Bagi *EMI* yang mengeluarkan *E-money* Tujuan Terhad yang digunakan dalam Rangkaian Gelung Tertutup (*Close-loop*) pula, mereka hendaklah mengemukakan pemberitahuan dan jaminan kepada pihak BNM pada setiap tahun bahawa *e-money* yang dikeluarkan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Selain itu, pihak *EMI* juga harus mengemukakan maklumat statistik yang disahkan oleh juruaudit luar kepada pihak BNM mengenai perniagaannya dalam mengeluarkan *e-money* termasuklah jumlah liabiliti *e-money*, bilangan pengguna berdaftar dan aktif, jumlah transaksi *e-money* secara keseluruhan, jumlah nilai transaksi *e-money* secara keseluruhan dan juga sebarang maklumat yang mungkin ditetapkan oleh pihak BNM.

Sekiranya pihak BNM berpendapat bahawa sesebuah *EMI* yang mengeluarkan *E-money* Tujuan Terhad yang digunakan dalam Rangkaian Gelung Tertutup (*Close-loop*) membawa risiko tinggi yang boleh memberi kesan terhadap kestabilan atau menjelaskan keyakinan awam terhadap sistem pembayaran di Malaysia, maka pihak BNM boleh menetapkan bahawa keperluan dokumen dasar ini turut terguna pakai kepada *EMI* tersebut.

### **3.2.5 Tadbir Urus Syariah**

Sesebuah *EMI* yang mengeluarkan *e-money* patuh syariah mestilah mematuhi fatwa MPS BNM dan standard syariah yang telah dikeluarkan oleh pihak BNM. Pihak lembaga pengarah syarikat dan pengurusan atasan bertanggungjawab untuk memastikan *e-money* yang diterbitkan oleh *EMI* patuh syariah sentiasa mematuhi garis panduan syariah yang telah ditetapkan pada setiap masa. Sesebuah *EMI* yang mengeluarkan *e-money* patuh syariah juga perlu melantik individu yang layak, atau sebuah syarikat atau jawatankuasa syariah sedia ada daripada kumpulannya sebagai penasihat syariah yang bertanggungjawab untuk memberikan nasihat dan objektif yang tepat untuk memastikan *EMI* mematuhi peraturan syariah pada setiap masa. Perkara yang disebutkan di atas ini hanya terguna pakai kepada *EMI* yang diluluskan oleh BNM di bawah seksyen 15(1)(e) FSA atau seksyen 11 IFSA.

Tambahan, individu penasihat syariah atau wakil syarikat yang dilantik sebagai penasihat syariah *EMI* mestilah seorang individu Muslim, bukan seorang ahli politik aktif, memiliki ijazah sarjana dalam bidang syariah yang merangkumi pengajian dalam Usul Fiqh atau Fiqh Muamalat dan memiliki pengetahuan kukuh dalam syariah dengan pengetahuan dan pengalaman yang munasabah dalam kewangan Islam.

Sesebuah *EMI* juga perlu memaklumkan bank secara bertulis tentang pelantikan baru penasihat syariah dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh pelantikan tersebut atau pelantikan penasihat syariah sedia ada dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh kuat kuasa dokumen dasar tersebut.

Sesebuah *EMI* juga perlu memastikan kekuatan fungsi kawalan dalaman untuk pengurusan berkesan berkaitan risiko ketidakpatuhan syariah. Hal ini termasuk, namun tidak terhad kepada *EMI* yang menjalankan penilaian tahunan tentang pematuhan *e-money* patuh syariah yang dikeluarkannya dengan keperluan syariah yang berkaitan.

### **3.2.6 Kriteria Individu yang Sesuai dan Wajar**

Sesebuah *EMI* hendaklah sentiasa memastikan agar Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan penasihat syariah mereka merupakan individu yang berkaliber, berwibawa, berintegriti, dan memenuhi kriteria yang sesuai dan wajar seperti yang ditetapkan dalam dokumen polisi mengenai “*Fit and Proper Criteria for Approved Person*” (Kriteria Kesesuaian dan Kewajaran untuk Orang yang Diluluskan) berdasarkan pindaan dari semasa ke semasa.

Sekiranya penasihat syariah yang dilantik ialah sebuah syarikat, maka *EMI* hendaklah memastikan bahawa Pengarah Eksekutif Syarikat, pengurusan tertinggi dan

wakil syarikat yang dilantik sebagai penasihat syariah *EMI* hendaklah memenuhi kriteria yang sesuai dan wajar seperti yang telah ditetapkan dalam dokumen polisi seperti di atas.

### **3.2.5 Hubungan antara *e-money* dan *e-wallet***

Pengkaji memulakan penulisan bagi bab tiga ini dengan pengenalan kepada *e-money* atas beberapa faktor. Antaranya ialah BNM hanya mengawal selia penerbit *e-money* sahaja dan tidak mengawal selia Penyedia Perkhidmatan *E-wallet* (PPE). Namun oleh sebab dana yang diletakkan dalam *e-wallet* ialah *e-money*, maka secara tak langsung terjadinya hubungan antara *e-money* dan *e-wallet*. Dengan penggunaan *e-money* sebagai sebuah instrumen pembayaran, pengguna boleh menikmati gaya hidup pembayaran tanpa tunai dan tanpa sentuh melalui perkhidmatan pembayaran menggunakan teknologi aplikasi *e-wallet*.<sup>130</sup>

Menurut Ahmad Sufian, perkhidmatan pembayaran *e-wallet* merujuk kepada “perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat penerbit *e-money* sama ada untuk penyimpanan wang dan melakukan transaksi pembayaran. Fungsi *e-wallet* bukanlah sekadar untuk menyimpan wang sahaja bahkan ia juga turut menawarkan perkhidmatan transaksi secara tanpa tunai dan selamat. Oleh itu, PPE bukan sekadar memberi perkhidmatan menyimpan wang tetapi dalam masa yang sama juga memberi perkhidmatan untuk membuat proses pembayaran”.<sup>131</sup>

---

<sup>130</sup> Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, “Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Wang Elektronik Sebagai Instrumen Pembayaran Patuh Syariah”, Mesyuarat MPS ke-201 dan Mesyuarat Khas MPS ke-26 bertarikh 29 dan 30 Januari 2020, 4.

<sup>131</sup> Ahmad Sufian Che Abdullah, Ceramah Hukum & Persoalan E-Money, anjuran BaitusSalam di Bangunan MCOBA Jalan Syed Putra pada 1 Februari 2020.

### **3.2.5.1 Perbandingan antara *e-money* dan *e-wallet***

*E-money* secara umumnya adalah sama seperti wang yang kita gunakan setiap hari seperti wang kertas dan duit syiling. Namun begitu, *e-money* dipersembahkan dalam bentuk nilai digital dalam aplikasi *e-wallet* ataupun kad seperti kad prabayar dan kad debit.

Manakala *e-wallet* pula merupakan sebuah aplikasi digital yang bersamaan dengan dompet fizikal. *E-wallet* wujud sebagai aplikasi di platform elektronik seperti peranti telefon pintar, komputer riba dan sebagainya.

Jadual 3.2. Jadual Perbandingan Kriteria *E-money* dengan *E-wallet*



E-money	Kriteria	E-wallet
Duit fizikal seperti wang kertas dan duit syiling	Dinisbahkan kepada	Dompet fizikal
Nilai digital di dalam aplikasi e-wallet ataupun kad seperti kad prabayar dan kad debit.	Dipersembahkan dalam bentuk	Aplikasi di dalam platform elektronik seperti peranti telefon pintar, komputer riba dan sebagainya.

Sumber: Olahan Pengkaji.

### **3.2.5.2 Deklarasi Status Penerbit *e-money* dan Penyedia *e-wallet***

Penerbit *e-money* merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam urusan penerbitan *e-money* manakala PPE pula ialah pihak yang menawarkan perkhidmatan *e-wallet* untuk digunakan oleh pengguna. Dalam pada itu, timbul beberapa keadaan mengenai keterkaitan hubungan di antara penerbit *e-money* dan juga penyedia *e-wallet*. Dalam hal

ini, beberapa pihak penerbit *e-money* dan PPE telah membuat deklarasi status mereka, seperti<sup>132</sup>:

- i. Mereka ialah penerbit *e-money* dan juga penyedia *e-wallet*.
- ii. Mereka hanyalah penerbit *e-money* tetapi bukan penyedia *e-wallet*.
- iii. Mereka merupakan penyedia *e-wallet* dan menggunakan pihak ketiga sebagai *payment gateway*.
- iv. Mereka hanyalah penyedia *e-wallet* yang menyimpan maklumat kad kredit atau kad debit pengguna secara maya sahaja. Pembayaran yang dilakukan oleh pengguna kepada *merchant* dilakukan melalui bank secara terus menggunakan kad kredit atau debit yang telah didaftarkan di dalam akaun *e-wallet* pengguna itu tadi.

Pengkaji akan menjelaskan dengan lebih lanjut lagi mengenai hal di atas ini pada subtopik jenis-jenis *e-wallet*.

### **3.3 KONSEP E-WALLET**

Berkesinambungan daripada konsep *e-money* tadi, perbincangan diteruskan dengan huraian mengenai konsep *e-wallet*. Ini adalah kerana *e-wallet* merupakan satu daripada medium simpanan *e-money* selain daripada simpanan berdasarkan kad seperti kad debit dan kad kredit.

#### **3.3.1 Pengenalan**

Menurut BNM: “*E-wallet* secara asasnya merupakan dompet versi digital bagi dompet fizikal yang menyimpan maklumat pengguna seperti identiti, e-mel dan alamat rumah,

---

<sup>132</sup> Asmadi et al., “Kertas Kerja Kajian Awal Penggunaan *E-wallet* (E-Dompet) Mengikut Perspektif Syarak”, (Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Islam Di Malaysia Kali Ke-15, 2019), 11.

pelbagai kad kredit dan nombor akaun bank, serta kad hadiah dan kad kesetiaan dalam persekitaran yang selamat”.<sup>133</sup>

Manakala bagi Asmadi et al.<sup>134</sup> pula, “*E-wallet* merupakan suatu peralatan elektronik, aplikasi ataupun perkhidmatan dalam talian yang membolehkan pengguna untuk melakukan transaksi secara elektronik dan dalam talian, melalui kemudahan seperti komputer, tablet mahupun telefon pintar untuk membuat urusan pembelian barang dan perkhidmatan di kedai mahupun pasar raya yang menerima metode pembayaran melalui *e-wallet* tersebut”.

Menurut Ahmad Sufian<sup>135</sup>, “*e-wallet* merupakan sebuah aplikasi peranti mudah alih yang boleh dimuat turun dan menjadi lokasi simpanan bagi duit digital seterusnya membolehkan pengguna menyemak baki dan melakukan transaksi”.

Berdasarkan definisi-definisi itu tadi, pengkaji menyimpulkan bahawa *e-wallet* sebagai sebuah aplikasi yang dimuat turun pada peranti mudah alih mahupun peralatan elektronik yang berfungsi sebagai platform penyimpanan *e-money*, maklumat peribadi dan maklumat kewangan serta bertindak sebagai medium pemindahan dana kepada pihak ketiga.

### **3.3.2 Jenis-jenis *e-wallet***

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas lagi mengenai reka bentuk *e-wallet*, pembahagian *e-wallet* dipecahkan kepada beberapa jenis. Pembahagian ini dibuat

---


<sup>133</sup> Bank Negara Malaysia, “Perkembangan Monetari dan Kewangan”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 8 September 2019, <http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1718/bab5.pdf>.

<sup>134</sup> Asmadi et al., “Kertas Kerja Kajian Awal Penggunaan *E-wallet* (E-Dompet) Mengikut Perspektif Syarak”, (Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Islam Di Malaysia Kali Ke-15, 2019), 5.

<sup>135</sup> Ahmad Sufian Che Abdullah, Ceramah Hukum & Persoalan E-Money, anjuran BaitusSalam di Bangunan MCOBA Jalan Syed Putra pada 1 Februari 2020.

bertujuan untuk menyusun jenis *e-wallet* berdasarkan perspektif penerbit *e-money* (*e-money issuer*) dan bukan penerbit *e-money* (*non e-money issuer*). Perincian mengenai hal ini akan diperhalusi pada subtopik yang seterusnya.

Rajah 3.1. Jenis-jenis *E-wallet*



Sumber: Olahan Pengkaji.

### 3.3.2.1 *E-money Issuer* (Penerbit *E-money*)

Merujuk kepada perenggan 3.2.5.2(i) dan 3.2.5.2(ii), terdapat penerbit *e-money* yang turut menyediakan perkhidmatan *e-wallet* kepada pengguna dan ada juga yang menerbitkan *e-money* namun tidak menawarkan perkhidmatan *e-wallet*. Namun begitu, penerbit *e-money* disyaratkan untuk mempunyai lesen penerbitan *e-money* sekali gus tertakluk kepada kawal selia dari BNM. Dalam kategori ini, pengkaji membahagikan jenis *e-wallet* kepada dua subkategori iaitu *e-wallet* yang berdasarkan awan (*cloud-based*) dan *e-wallet* yang berdasarkan kad (*card-based*).

#### 3.3.2.1.1 *Cloud-based e-wallet*

*E-wallet* jenis ini menyimpan dana *e-money* di dalam perisian dan penyimpanan awan (*cloud storage*). *E-wallet* dalam kategori ini terbahagi kepada empat subkategori lagi iaitu

jenis *e-wallet* yang dikeluarkan oleh bank dan juga bukan bank, dan juga *e-wallet* gelung terbuka (*open-loop*) dan *e-wallet* gelung tertutup (*close-loop*).

**a) Bank *e-wallet***

*E-wallet* jenis ini ditawarkan oleh bank yang membuat penerbitan *e-money* dan menyediakan perkhidmatan *e-wallet* kepada pengguna. Antara contoh aplikasi *e-wallet* yang ditawarkan oleh pihak bank yang terlibat ialah seperti *e-wallet* Maybank MAE dan juga *e-wallet* Bank MBSB.

**b) Non-bank *e-wallet***

*E-wallet* jenis ini ditawarkan oleh entiti bukan bank yang membuat penerbitan *e-money* dan juga menyediakan perkhidmatan *e-wallet*. Antara contoh *e-wallet* jenis non-bank ini ialah seperti Touch ‘n Go *e-wallet*, GrabPay, Boost, Sarawak Pay dan lain-lain lagi.

**c) *E-wallet* Gelung Terbuka (*Open-loop*)**

Ada sesetengah *e-wallet* gelung terbuka (*open-loop*) yang dikategorikan sebagai *EMI* kerana dana *e-money* boleh dipindahkan atau dibayar kepada pihak selain daripada penerbit *e-money* itu tadi. Walaupun *e-wallet* jenis ini adalah berasaskan teknologi awan, namun ia tidak berhubung dengan rangkaian kad seperti Visa dan Mastercard.

**d) *E-wallet* Gelung Tertutup (*Close-loop*)**

Manakala bagi *e-wallet* gelung tertutup (*close-loop*) pula, ia tertakluk kepada undang-undang *EMI* Tujuan Terhad seperti mana yang telah dijelaskan pada perenggan 3.2.4.3(a). Antara contoh *e-wallet* *close-loop* ini adalah seperti *e-wallet* Tealive.

**3.3.2.1.2 Card-based *e-wallet***

*E-wallet* yang berasaskan kad ini menggunakan rangkaian kad seperti Visa dan Mastercard untuk beroperasi. Antara contoh *e-wallet* yang berasaskan kad ialah seperti

BigPay, AEON Wallet dan Mpay Wallet. *E-wallet* jenis ini juga turut dikategorikan sebagai *e-wallet* gelung terbuka (*open-loop*) sama seperti *e-wallet* berdasarkan *cloud-based*.

### **3.3.2.2 Non E-money Issuer (Bukan Penerbit E-money)**

*E-wallet* yang ditawarkan oleh entiti bukan penerbit *e-money* tidak memerlukan mereka untuk memohon lesen dari BNM kerana mereka tidak menerbitkan *e-money* namun hanya menyediakan perkhidmatan *e-wallet* semata-mata. Perkara ini adalah selari dengan deklarasi status yang telah disebutkan di perenggan 3.2.5.2 bahawa ada PPE yang tidak menerbitkan *e-money* namun menggunakan pihak ketiga sebagai *payment gateway* dan juga PPE yang menyimpan maklumat kad debit dan kad kredit secara maya sahaja.

#### **a) Open-loop e-wallet**

Ada sesetengah *open-loop e-wallet* yang dikategorikan sebagai *non EMI*. *Open-loop e-wallet* atau *e-wallet* jenis gelung terbuka ini merujuk kepada kebolehan *e-wallet* ini untuk membuat pemindahan dana atau pembayaran kepada pihak lain. *E-wallet* jenis *open-loop* ini hanya menyimpan maklumat kad kredit, kad debit dan kad prabayar yang telah didaftarkan sahaja dan tidak memegang nilai wang di dalamnya. Aliran dana yang berlaku dalam *e-wallet* jenis *open-loop* ini adalah antara kad-kad yang telah disalin secara maya terus kepada pihak *merchant* melalui aplikasi *e-wallet* ini.

Dalam erti kata lain, *e-money* yang dibayar kepada *merchant* itu hanya akan melalui (*pass-through*) aplikasi *e-wallet* semata-semata sebagai alat pembayaran tanpa berlakunya transaksi tambah nilai *e-money* terlebih dahulu ke dalam *e-wallet* tersebut. Ia boleh dikiaskan kepada dompet fizikal yang hanya mempunyai kad-kad pembayaran sahaja tanpa adanya wang tunai di dalamnya. Kemudian pengguna akan menggunakan kad tersebut sebagai instrumen pembayaran bagi pembelian barang yang dibeli. Antara

contoh *e-wallet* jenis *open-loop* bagi kategori entiti bukan penerbit *e-money* ialah seperti Samsung Pay dan Fave.

### **3.3.3 Model-model *e-wallet***

Pengkaji menyusun pembahagian *e-wallet* kepada beberapa jenis model berdasarkan beberapa kriteria seperti bentuk model perniagaan serta arah tuju pengaliran dana yang berlaku dalam *e-wallet* tersebut.

#### **3.3.3.1 Model pertama**

Model pertama merupakan aplikasi *e-wallet* yang menjadi sebahagian daripada elemen utama platform e-dagang. Platform e-dagang merupakan sebuah medan membeli-belah secara maya yang menghimpunkan pengguna, *merchant* dan PPE sekali gus secara masa nyata (*real-time*). PPE merangkap pengurusan platform bertanggungjawab untuk menyediakan sebuah medium jual beli dan memberi akses kepada para *merchant* untuk mempamerkan produk jualan mereka dan akses kepada pengguna (*consumer*) untuk membuat pemilihan barang yang ingin dibeli melalui platform tersebut.

Selain itu, pihak platform juga bertanggungjawab untuk menyediakan saluran pembayaran bagi membolehkan pengguna untuk melakukan transaksi pembayaran bagi barang yang dibeli. Pengguna mempunyai beberapa pilihan saluran pembayaran seperti perbankan dalam talian, bayaran secara tunai di rangkaian Kedai 7-Eleven, bayaran secara deposit tunai di mesin ATM, bayaran melalui kad kredit dan kad debit, dan juga melalui aplikasi *e-wallet* yang disediakan oleh pihak platform. *E-wallet* jenis ini juga bersifat *open-loop* kerana ia boleh digunakan untuk membuat pembayaran kepada *merchant* yang berdaftar dengan pihak platform.

Bagi menggalakkan penggunaan *e-wallet* yang disediakan oleh pihak platform dalam kalangan pengguna, pelbagai ganjaran istimewa ditawarkan seperti tawaran potongan diskau dan juga penghantaran barang secara percuma apabila pengguna membuat pembayaran melalui *e-wallet* tersebut.

Bagi membolehkan pengguna untuk membuat pembayaran melalui *e-wallet*, pengguna dikehendaki untuk melakukan pengaktifan akaun *e-wallet* terlebih dahulu melalui prosedur pengesahan identiti pengguna. Kemudian, pengguna boleh mula menambah nilai dana ke dalam *e-wallet* tersebut dan meneruskan proses pembayaran barang.


Seperti pengguna, pihak *merchant* juga turut mempunyai akaun khas yang digunakan untuk menyelia barang jualan dan urusan penerimaan bayaran. Pihak platform akan mengenakan caj atau fi dengan kadar yang tertentu kepada *merchant* sebagai bayaran atau komisen untuk jualan barang mereka dalam platform tersebut. Caj tersebut juga dikenali dengan istilah *Merchant Discount Rate* (MDR).

Sebagai contoh, caj yang dikenakan oleh pihak platform kepada para *merchant* ialah sebanyak dua peratus daripada nilai harga barang jualan. Oleh yang demikian, sekiranya harga barang tersebut berharga RM100.00 maka pihak *merchant* hanya akan menerima bayaran sebanyak RM98.00 sahaja, manakala baki RM2.00 pula akan dibayar kepada pihak platform tersebut.

Tempoh bagi *merchant* mendapat wang jualan mereka pula adalah berbeza mengikut syarikat pengurusan platform. Ada sesetengah platform yang melepaskan bayaran kepada para *merchant* dalam tempoh waktu yang tertentu seperti 24 jam, sehari selepas, seminggu, mahupun selepas pembeli menerima barang yang ditempah mereka.

Pihak platform juga berperanan sebagai orang tengah yang mengawal urusan penerimaan dan pemberian wang jualan daripada pengguna kepada *merchant*. Ia seakan *escrow account* atau akaun amanah yang menjaga kepentingan pengguna sekiranya berlaku penipuan dan sebagainya. Sekiranya berlaku penipuan berkaitan barang yang dihantar, maka pengguna boleh terus melaporkan hal tersebut kepada pihak pengurusan platform untuk siasatan selanjutnya. Sekiranya laporan tersebut disahkan benar, maka wang tersebut tidak akan dilepaskan kepada *merchant* dan proses pemulangan semula wang (*refund*) akan dimulakan dengan memasukkan semula wang tersebut ke dalam akaun *e-wallet* pengguna. Antara contoh platform e-dagang yang menyediakan *e-wallet* ialah seperti Shopee dan Lazada.

Rajah 3.2. Model Pertama *E-wallet*



Sumber: Olahan Pengkaji.

### **3.3.3.2 Model kedua**


Model yang kedua pula merupakan aplikasi *e-wallet* yang bersifat mandiri operasinya. Fungsi bagi *e-wallet* ini adalah semata-mata sebagai alat untuk membuat pembayaran bagi produk PPE mahupun kepada pihak ketiga seperti *merchant*. *E-wallet* jenis ini juga tergolong dalam kategori *open-loop*.

Pengguna boleh mula menggunakan *e-wallet* ini selepas membuat pendaftaran dan pengesahan identiti melalui aplikasi tersebut. Kemudian, pengguna hanya perlu menambah nilai dana ke dalam *e-wallet* mereka terlebih dahulu dan bebas berbelanja di kedai PPE mahupun kedai *merchant*.

*E-wallet* model ini kebiasaannya hanya membenarkan pengguna untuk membuat pembayaran bagi barang dan servis perkhidmatan yang disediakan oleh pihak mereka mahupun pihak ketiga yang telah berdaftar dengan PPE sahaja. Urusan pembayaran juga hanya boleh dibuat melalui *e-wallet* aplikasi tersebut semata-mata. Hubungan antara pihak bank atau agen tambah nilai dengan pihak aplikasi adalah terhad kepada urusan tambah nilai bagi akaun *e-wallet* tersebut sahaja.

Antara contoh aplikasi yang menggunakan model kedua ini adalah seperti aplikasi Touch 'n Go *e-wallet*, GrabPay, BigPay, Maybank MAE, Sarawak Pay dan sebagainya. Walaupun *e-wallet* yang tergolong di dalam model ini mempunyai perbezaan di antara satu sama lain, namun kesemuanya berkongsi persamaan pada sudut pengoperasiannya.

Rajah 3.3. Model Kedua *E-wallet*




Sumber: Olahan Pengkaji.

### 3.3.3.3 Model ketiga

Model ketiga merupakan aplikasi *e-wallet* yang bersifat *close-loop* dan hanya boleh digunakan di kedai PPE sahaja. Ada beberapa perniagaan yang berorientasikan model ketiga ini yang tergolong dalam kategori penerbit *e-money* dan bukan penerbit *e-money*.

Bagi kategori bukan penerbit *e-money*, mereka menggunakan pihak ketiga sebagai *payment gateway* untuk pengguna menambah nilai *e-wallet* mereka. Antara contoh perniagaan yang menggunakan model *e-wallet* ini ialah seperti Starbucks, AEON *e-wallet* dan juga syarikat telekomunikasi.

Rajah 3.4. Model Ketiga *E-wallet*



Sumber: Olahan Pengkaji.

### 3.3.3.4 Model keempat


Berbeza dengan model-model *e-wallet* yang lain, model keempat *e-wallet* ini menggunakan ciri-ciri khas yang ada pada peranti telefon pintar sebagai cara pembayaran kepada *merchant*. *E-wallet* jenis ini dikategorikan sebagai *e-wallet* jenis *open-loop* seperti yang dinyatakan di perenggan 3.3.2.2(a).

*E-wallet* ini akan menyalin kad-kad fizikal pengguna seperti kad bank mahupun kad kesetiaan secara maya. Oleh yang demikian, *e-wallet* ini tidak memegang nilai wang dan hanya membuat pembayaran melalui maklumat kad-kad yang telah didaftarkan di dalam akaun tersebut. PPE juga meletakkan standard sekuriti yang tinggi bagi penggunaan aplikasi ini untuk membuat pembayaran melalui semakan keselamatan seperti imbasan iris mata dan imbasan cap jari ketika pembayaran dilakukan.

Antara *e-wallet* yang menggunakan model ini ialah Samsung Pay, Apple Pay dan Google Pay. Samsung Pay sebagai contoh, menggunakan teknologi *Magnetic Secure*

*Transmission* (MST) dan juga *Near Field Communication* (NFC), iaitu ciri-ciri khas yang ada pada peranti telefon pintar seperti Samsung sebagai medium antara aplikasi *e-wallet* dan terminal pembayaran untuk berkomunikasi sekali gus menjadikan proses pembayaran lebih selamat dan cepat.

Rajah 3.5. Model Keempat *E-wallet*



Sumber: Olahan Pengkaji.

### 3.3.4 Metode tambah nilai *e-wallet*

Sebelum pengguna boleh menggunakan *e-wallet* mereka untuk urusan pembayaran, mereka haruslah menambah nilai *e-money* atau mendaftarkan kad kredit ataupun kad debit terlebih dahulu ke dalam akaun *e-wallet* mereka.

*E-wallet* boleh ditambah nilai melalui beberapa cara seperti:

- a) Kad kredit dan kad debit

Tambah nilai boleh dibuat melalui kad kredit atau kad debit yang menggunakan rangkaian kad Visa atau Mastercard.

b) Perbankan dalam talian

Pengguna juga boleh menambah nilai melalui perbankan dalam talian seperti Maybank, CIMB Bank, MBSB Bank dan lain-lain lagi.

c) MOLPay cash di rangkaian Kedai 7-Eleven

Kemudahan untuk menambah nilai juga boleh didapati melalui kemudahan MOLPay *cash* di rangkaian Kedai 7-Eleven di seluruh negara.

Namun begitu, kemudahan ini hanya terhad digunakan untuk menambah nilai bagi *e-wallet* RazerPay dan GrabPay sahaja buat masa ini.

### **3.3.5 Electronic Know-Your-Customer (eKYC)**

Teknologi *Electronic Know Your Customer* (eKYC) atau Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital merupakan sebuah inisiatif BNM dalam memperkenalkan proses untuk mengenal pasti dan mengesahkan identiti pengguna secara dalam talian. Melalui eKYC ini, pendaftaran pengguna boleh dibuat secara dalam talian tanpa mengira waktu dan tempat.<sup>136</sup>

Oleh yang demikian, PPE juga dikehendaki untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak BNM untuk menggunakan e-KYC sebagai cara untuk membuat pengesahan identiti pengguna aplikasi *e-wallet* mereka. Pada dasarnya, pengguna *e-wallet* masih boleh menggunakan fungsi asas *e-wallet* tanpa perlu membuat pengesahan eKYC.

Namun begitu, bagi membolehkan pengguna menikmati sepenuhnya ciri-ciri yang ditawarkan oleh PPE seperti jaminan pemulangan wang semula, pemindahan wang

---

<sup>136</sup> Bank Negara Malaysia, Electronic “*Know-Your-Customer (e-KYC) Policy Document*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 21 Oktober 2020 <https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=144&ac=963&bb=file>.

dari pada *e-wallet* ke *e-wallet* yang lain, saiz purse *e-wallet* yang lebih besar dan sebagainya, pengguna haruslah melengkapkan pengesahan e-KYC terlebih dahulu.

Bagi membuat pengesahan e-KYC, pengguna hanya perlu menekan butang pengesahan melalui tab akaun pengguna dalam aplikasi *e-wallet* tersebut. Kemudian, pengguna harus memuat naik gambar pengenalan diri sama ada MyKad, MyPolis, MyTentera atau pasport sebelum mengambil swafoto bagi melengkapkan proses pengesahan eKYC itu tadi. Akaun pengguna akan disahkan oleh PPE dalam tempoh 48 jam.<sup>137</sup>

---


<sup>137</sup> Touch ‘n Go eWallet, “*Verify your account*”, laman sesawang Touch ‘n Go, dicapai 21 Oktober 2020, <https://www.tngdigital.com.my/features/ekyc>.

### **3.3.6 Jenis-jenis ganjaran *e-wallet***

PPE menyediakan pelbagai jenis bentuk ganjaran bagi menarik minat para pengguna untuk mendaftar dan kekal menggunakan perkhidmatan *e-wallet* kendalian mereka. Hal ini dilihat sebagai sebuah inisiatif yang dilakukan oleh PPE untuk menarik lebih ramai pengguna untuk menggunakan *e-wallet* mereka sebagai metode pembayaran utama pilihan pengguna ketika berbelanja secara dalam talian mahupun di rangkaian kedai yang mengambil bahagian dalam kerjasama dengan PPE tersebut.

Antara contoh ganjaran yang selalu ditawarkan oleh PPE kepada pengguna adalah seperti hadiah kumpul dan tebus ganjaran program kesetiaan, e-baucar, *cashback* (Pulangan Wang Tunai), rebat, promosi diskaun bagi pembelian barang di kedai-kedai terpilih, penghantaran barang percuma dan juga penebusan *coin*.

Rajah 3.6. Jenis-jenis Ganjaran *E-wallet*



Sumber: Olahan Pengkaji.

#### **3.3.6.1 Kumpul dan tebus mata ganjaran**


Setiap daripada PPE mempunyai program kesetiaan pelanggannya yang tersendiri. Melalui program kesetiaan ini, pengguna boleh mengumpul mata ganjaran bagi setiap pembayaran melalui *e-wallet* tersebut. Berbeza mengikut model program kesetiaan pelanggan oleh PPE, setiap mata yang terkumpul boleh ditebus kepada pelbagai jenis ganjaran dan hadiah daripada baucar hingga ke tiket penerbangan percuma.

Program kesetiaan pelanggan juga kebiasaannya mempunyai pelbagai tangga keahlian daripada ahli biasa hingga ke tahap tertinggi seperti *Gold* dan *Platinum*.

Setiap daripada tangga keahlian ini mempunyai faedah dan keistimewaannya yang tersendiri. Oleh itu, lebih banyak pelanggan berbelanja dan membuat pembayaran melalui *e-wallet*, maka lebih tinggi mata ganjaran yang diperoleh dan lebih banyak ganjaran yang boleh ditebus. Tawaran penebusan mata ganjaran ini diberikan oleh kebanyakan PPE sebagai kempen kesetiaan seperti TnG, Boost dan lain-lain.

Sampel:

Rajah 3.7. Carta Alir Penebusan Mata Ganjaran



Sumber: Olahan Pengkaji

### 3.3.6.2 E-baucar


E-baucar merupakan baucar yang diberikan oleh PPE kepada pengguna dalam bentuk kod promosi. Baucar ini digunakan untuk mendapatkan kadar diskaun tertentu daripada *merchant* yang terlibat dengan promosi tersebut. E-baucar ini juga boleh ditebus melalui penebusan mata ganjaran daripada program kesetiaan pelanggan. Untuk mengaktifkan kod promosi tersebut, pengguna hanya perlu memasukkan kod promosi tersebut ketika melakukan pembayaran dalam aplikasi *e-wallet* tersebut.

Sesetengah baucar yang diberikan oleh PPE mempunyai tempoh waktu sah yang tertentu seperti ketika tempoh waktu promosi dan ada juga yang diberikan tanpa ada had waktu. Antara contoh baucar yang mempunyai tempoh waktu tertentu apabila ia hanya

sah digunakan pada masa atau jam tertentu, manakala baucar yang tiada tempoh pula adalah seperti baucar penghargaan bagi pengguna baru.

Sampel: Platform E-dagang Shopee

Rajah 3.8. Carta Alir Diskaun E-Baucar




Sumber: Olahan Pengkaji.

### 3.3.6.3 Promosi diskau

Promosi diskau banyak diberikan oleh PPE kepada pengguna yang menggunakan *e-wallet* sebagai metode pembayaran. Sekiranya pengguna memilih untuk membayar menggunakan kad kredit atau metode pembayaran lain, maka diskau tersebut tidak sah untuk pembelian tersebut. Oleh yang demikian, hal ini secara tidak langsung menggalakkan lagi penggunaan *e-wallet* dalam kalangan pengguna.

Sampel:

Rajah 3.9. Carta Alir Promosi Diskaun



Sumber: Olahan Pengkaji.


### **3.3.6.4 Cashback (Pulangan Wang Tunai)**

*Cashback* (Pulangan Wang Tunai) ialah sejenis ganjaran yang diberi oleh PPE kepada pengguna dengan memulangkan semula sebahagian daripada jumlah bayaran yang telah dibayar oleh pengguna. Sebagai contoh, PPE meletakkan syarat minima pembelian RM25 untuk melayakkan pengguna mendapat ganjaran *cashback* (Pulangan Wang Tunai) tersebut. Oleh itu, sekiranya pengguna berbelanja sebanyak RM30 maka beliau layak untuk mendapat ganjaran *cashback* (Pulangan Wang Tunai) tersebut.

Ganjaran *cashback* (Pulangan Wang Tunai) dilihat mirip kepada pemberian diskau, namun berbeza pada sudut pelaksanaannya. Untuk ganjaran diskau, pengguna hanya perlu membayar harga yang telah ditolak daripada harga asal, manakala untuk *cashback* (Pulangan Wang Tunai) pula pengguna hanya mendapat semula nilai ganjaran *cashback* (Pulangan Wang Tunai) itu tadi hanya selepas transaksi pembayaran selesai dilakukan.

Sampel : TnG, Shopee, Lazada

Rajah 3.10. Carta Alir Ganjaran *Cashback*



Sumber: Olahan Pengkaji.


### **3.3.6.5 Penghantaran Percuma**

Sesetengah platform jual beli dalam talian seperti Shopee dan Lazada menawarkan ganjaran penghantaran barang pembelian secara percuma kepada pelanggan yang

mengaktifkan dan menggunakan produk *e-wallet* mereka. Untuk mendapatkan ganjaran ini, pengguna perlu memilih pembayaran melalui *e-wallet* platform tersebut. Kemudian, sistem *e-wallet* tersebut akan mengaktifkan baucar penghantaran percuma itu tadi ketika proses akhir daftar keluar (*check out*) troli pembelian.

Sampel:

Rajah 3.11. Carta Alir Ganjaran Penghantaran Percuma



Sumber: Olahan Pengkaji.


### 3.3.6.6 Penebusan *coin*

*Coin* merupakan satu daripada ciri-ciri yang ada pada sesetengah platform jual beli dalam talian. *Coin* boleh disamakan dengan nilaiang wang Ringgit, dan boleh digunakan untuk potongan harga barang ketika pembayaran dilakukan. Sebagai contoh, 1 unit *coin* bernilai sebanyak 1sen. Maka jika pengguna tersebut mempunyai 500 unit *coin*, beliau boleh membuat penebusan *coin* untuk mendapatkan potongan harga sebanyak RM5.

*Coin* boleh didapati dengan pelbagai cara seperti mendaftar masuk ke dalam aplikasi tersebut pada setiap hari atau dengan membuat ulasan pada ruangan komen barang pembelian yang telah selamat sampai pada pengguna. Selain itu, pihak platform juga memberi tawaran yang menarik dengan menggandakan jumlah *coin* yang boleh didapati melalui pembelian barang dari platform mereka sekiranya pembayaran dibuat menggunakan *e-wallet*.

Sampel:

Rajah 3.12. Carta Alir Penebusan *Coin*



Sumber: Olahan Pengkaji.

### 3.4 HUBUNGAN PELBAGAI PIHAK YANG TERLIBAT

#### 3.4.1 Pengguna

Istilah pengguna merujuk kepada mana-mana individu yang mendaftar dan menggunakan perkhidmatan *e-wallet* dan *e-money* bagi membuat pembayaran bagi pembelian barang dan servis.<sup>138</sup>

#### 3.4.2 Penerbit *e-money* atau/dan Penyedia *e-wallet*

Istilah penerbit *e-money* pula merujuk kepada sesiapa sahaja yang bertanggungjawab untuk membayar dan mengambil liabiliti terhadap *e-money* yang telah diterbitkan kepada pengguna.<sup>139</sup> Manakala PPE pula ialah pihak yang menyediakan sistem *e-wallet* untuk digunakan oleh pengguna dan *merchant*. Kaitan hubungan di antara penerbit *e-money* dengan PPE telah dinyatakan sebelum ini di perenggan 3.2.5.2.

<sup>138</sup> Bank Negara Malaysia , “*Guidelines on Electronic Money (E-money) 2008*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, [https://www.bnm.gov.my/microsite/ps/gl\\_016\\_3.pdf](https://www.bnm.gov.my/microsite/ps/gl_016_3.pdf).

<sup>139</sup> *Ibid.*

### **3.4.3 Penjual (*Merchant*)**

Istilah penjual atau *merchant* merujuk kepada pihak yang mengiklankan dan menjual barang kepada pengguna. Mereka bekerjasama dengan PPE sebagai rakan kongsi perniagaan dengan menerima pembayaran daripada akaun *e-wallet* pengguna. *Merchant* juga dirujuk sebagai sesiapa sahaja yang menerima *e-money* sebagai pembayaran bagi pembelian barang dan perkhidmatan yang ditawarkan.

## **3.5 PENUTUP**

Sebagai penutup bagi bab tiga, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa *e-money* merupakan sebuah elemen yang penting bagi membolehkan *e-wallet* berfungsi sepenuhnya sebagai alat pembayaran. Pengawalseliaan berkaitan *e-money* oleh pihak BNM hanya terhad dikenakan ke atas penerbit *e-money* sahaja, sama ada penerbit tersebut merupakan PPE atau sebaliknya.

Huraian analisis bagi objektif ketiga iaitu menganalisis kemungkinan berlakunya isu *riba* dan *gharar* dalam aplikasi *e-wallet* daripada perspektif pengguna akan dikupas dalam bab empat selepas ini berdasarkan hubungan pelbagai pihak yang terlibat dalam operasi *e-wallet*. Oleh yang demikian, melalui dapatan yang telah dibentangkan maka dapat disimpulkan bahawa objektif kajian yang kedua iaitu menerangkan modus operandi *e-wallet* di Malaysia telah tercapai dengan jayanya.

## BAB EMPAT: ANALISIS DAPATAN KAJIAN

### 4.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menganalisis mengenai isu *riba* dan *gharar* yang berlaku dalam operasi *e-wallet*. Analisis kandungan secara tematik terhadap isu *riba* dan *gharar* ini akan dibuat berdasarkan transkrip temu bual yang telah dijalankan bersama beberapa orang informan terpilih. Kependekan penanda IF1, IF2 dan IF3 digunakan bagi merujuk Informan 1<sup>140</sup>, Informan 2<sup>141</sup> dan Informan 3<sup>142</sup>. Daripada temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati wujud beberapa isu besar yang berkemungkinan mempunyai elemen *riba* seperti isu dana *e-wallet* di dalam akaun konvensional, isu pembelian dan pembayaran emas menggunakan *e-wallet*, isu ganjaran yang diberikan oleh pihak penyedia *e-wallet* (PPE) kepada pengguna. Manakala bagi elemen *gharar* pula ia mungkin terjadi pada hal seperti pembelian barang menggunakan *e-wallet*, isu apabila PPE tidak mengetahui barang apa yang dibayar kepada *merchant*, isu pengurusan dana dan juga isu bagi elemen-elemen yang tidak jelas dalam kontrak *e-wallet*.

Selain itu, dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia<sup>143</sup> (MPS BNM) berhubung Wang Elektronik sebagai Instrumen Pembayaran Patuh Syariah juga turut digunakan sebagai sumber rujukan. Melalui dokumen ini, pihak MPS BNM mencadangkan agar kontrak perwakilan (*Wakālah*) digunakan dalam penggunaan *e-money* di mana pengeluar *e-money* yang diluluskan

---

<sup>140</sup> Informan 1 (Pegawai Syariah, Bank CIMB, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 12 Ogos 2022.

<sup>141</sup> Informan 2 (Pegawai Syariah, Bank MBSB, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 23 Ogos 2022.

<sup>142</sup> Informan 3 (Pegawai Syariah, Bank MBSB, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 14 September 2022.

<sup>143</sup> Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, “Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Wang Elektronik Sebagai Instrumen Pembayaran Patuh Syariah”, Mesyuarat MPS ke-201 dan Mesyuarat Khas MPS ke-26 bertarikh 29 dan 30 Januari 2020, 4.

bertindak sebagai wakil kepada pengguna dalam membuat pembayaran (*wakil bi al-daf'i*) kepada penjual (*merchant*).

Soalan-soalan yang diajukan kepada informan dalam proses temu bual juga dirangka berdasarkan resolusi MPS BNM di atas. Analisis dilakukan menggunakan perisian Atlas.ti. Melalui penggunaan perisian tersebut, pengkaji mengenal pasti sepuluh tema yang kritikal dalam kajian ini seperti *wakālah*, *riba*, *qard jarra naf'an*, kontrak utama dan kontrak sampingan, *uruf*, fungsi dan ganjaran *e-wallet*, *wadi 'ah*, *gharar*, dan juga kontrak alternatif yang sesuai digunakan pada *e-wallet*. Daripada sepuluh tema tersebut, pengkaji menyusun maklumat yang diperoleh kepada beberapa perbahasan melalui empat topik utama. Topik pertama membincangkan mengenai hubungan-hubungan antara pihak yang berlaku dalam operasi *e-wallet* dan kemudian disambung dengan topik analisis *riba* dalam *e-wallet*. Topik ketiga pula membincangkan mengenai analisis *gharar* dalam *e-wallet* manakala topik yang terakhir ialah cadangan kontrak alternatif yang sesuai digunakan dalam operasi *e-wallet*. Jangkaan dapatan yang diperoleh daripada analisis ini akan menjadi kayu ukur dan penanda aras kepada sejauh mana kemungkinan terhadap *riba* dan *gharar* untuk berlaku dalam operasi *e-wallet* dari sudut pandang pengguna.

Berdasarkan penulisan pada bab tiga juga, pengkaji meletakkan 4 buah model asas yang merujuk kepada operasi *e-wallet* pada hari ini. Model pertama merupakan *e-wallet* pada platform e-dagang, di mana PPE bertindak sebagai penyedia *e-wallet* dan juga penyedia platform e-dagang dan para *merchant* mengiklankan perniagaan mereka di platform tersebut. Model kedua pula merupakan *e-wallet* yang boleh digunakan untuk membuat pembayaran pada barangan mahupun perkhidmatan daripada PPE dan juga *merchant*. Manakala model ketiga pula merupakan *e-wallet* yang hanya boleh digunakan

eksklusif untuk pembelian barang dan servis di kedai milik PPE sahaja. Dan model terakhir merupakan *e-wallet* yang menggunakan ciri-ciri khas pada peranti pintar untuk membuat pembayaran pada *merchant* yang bekerjasama dengan PPE.

Walau bagaimanapun, pengkaji memfokuskan kajian pada hubungan yang berlaku antara pengguna, *merchant* dan PPE kerana isu *riba* dan *gharar* boleh berlaku pada hubungan yang tersebut itu.

#### **4.2 HUBUNGAN PELBAGAI PIHAK YANG TERLIBAT DALAM OPERASI E-WALLET**

Secara umum, terdapat tiga pihak yang terlibat dalam operasi transaksi *e-wallet*, iaitu pengguna, penyedia *e-wallet* (PPE) dan juga penjual (*merchant*). Kontrak yang berlaku di antara mereka adalah berbeza di antara satu sama lain. Dalam hal ini, pengkaji membahagikan hubungan kontrak yang berlaku kepada dua kategori, iaitu (1) kontrak di antara pengguna dan PPE , dan juga (2) kontrak di antara *merchant* dengan PPE.

Kontrak yang berlaku di antara pengguna dengan PPE ialah *wakil bi al-dafi*, iaitu sebuah kontrak yang memberi kuasa kepada PPE untuk bertindak sebagai wakil untuk membuat pembayaran mewakili pengguna. Manakala kontrak di antara *merchant* dengan PPE pula ialah *wakil bi al-ujrah*, iaitu sebuah kontrak pembelian perkhidmatan di mana *merchant* menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh PPE dengan bayaran fi. Walau bagaimanapun, kedua-dua hubungan yang disebutkan di atas hanya merupakan satu daripada pelbagai operasi yang berlaku di antara ketiga-tiga pihak ini. Ringkasnya, kesemua hubungan yang berlaku di dalam pengoperasian *e-wallet* menggunakan kontrak *wakālah* seperti mana yang dicadangkan oleh MPS BNM.

#### **4.2.1 Kontrak *Wakālah***

*Wakālah* secara amnya merupakan mandat yang diberikan kepada PPE untuk menjadi orang tengah oleh pengguna mahupun *merchant* untuk menggerakkan duit yang dibayar daripada akaun pengguna kepada akaun *merchant*. Ia juga merupakan sebuah kontrak servis yang berdasarkan kepercayaan yang diberikan oleh pengguna dan *merchant* terhadap PPE. Servis yang disediakan oleh PPE ini juga dinamakan sebagai *wakālah e-wallet*.

Menurut IF2, kontrak servis seperti *wakālah* tidak menghasilkan *riba* kerana *riba* terhasil daripada transaksi yang melibatkan barang ribawi. Oleh yang demikian, beliau berpendapat bahawa *riba* tidak wujud sekiranya urus niaga dibuat di atas dasar kontrak *wakālah*. Namun begitu, menurut IF1 dan IF3, isu *riba* masih boleh terhasil dalam kontrak *wakālah* apabila ia melibatkan kontrak *qard* dan penggunaan dana oleh PPE. Manakala berkaitan *gharar* pula, kemungkinan untuk ia berlaku agak kecil atau sukar untuk berlaku. Namun, isu *gharar* masih boleh terjadi sekiranya berlaku perlanggaran syarat atau persetujuan yang telah disepakati dalam perjanjian. Perincian mengenai isu *riba* dan *gharar* ini akan diuraikan dengan lebih lanjut dalam bab masing-masing selepas ini.

Jadual 4.1. Hubungan Antara Pengguna, *Merchant* dengan Penyedia *E-wallet*

Pengguna	Penyedia <i>E-wallet</i>	<i>Merchant</i>
<p><i>Wakil bi al-daf'i</i></p> <p>Wakil untuk membuat pembayaran mewakili pengguna</p>	Hubungan dengan penyedia <i>E-wallet</i>	<p><i>Wakil bi al-ujrah</i></p> <p>Menggunakan platform yang disediakan oleh PPE dengan caj bayaran (<i>fee</i>)</p>

Sumber: Olahan Pengkaji.

### 4.3 ANALISIS RIBA DALAM E-WALLET

Dalam subtopik ini, pengkaji akan menganalisis beberapa perkara yang dilihat menjurus kepada isu *riba* dalam operasi *e-wallet*. Perbincangan ini adalah berdasarkan tema-tema yang didapati melalui temu bual bersama para informan. Antara tema yang berkait rapat dengan *riba* ialah seperti *qard jarra naf'an*, kontrak utama dan kontrak sampingan, *uruf*, dana yang disimpan dalam akaun konvensional, jual beli emas melalui *e-wallet* dan juga isu melibatkan ganjaran yang diberikan oleh PPE kepada pengguna. Secara umumnya, perbahasan mengenai kesemua tema tersebut akan menatijahkan sama ada kemungkinan *riba* untuk berlaku pada *e-wallet* itu ada atau sebaliknya.

#### 4.3.1 *Qard*

Rentetan daripada pengenalan kontrak *wakālah* pada kedua-dua hubungan itu tadi, IF1 berpendapat bahawa kemungkinan untuk terjadinya isu *riba* dalam operasi *e-wallet* adalah hampir tiada. Namun demikian, kemungkinan untuk risiko *riba* tersebut berlaku tetap ada sekiranya ia digandingkan dengan kontrak *qard* di dalamnya.

Menurut beliau, kemungkinan *riba* untuk berlaku itu masih ada kerana terdapat unsur *qard* yang berlaku dalam hubungan di antara pengguna dengan PPE. Duit yang ditambah nilai oleh pengguna ke dalam aplikasi *e-wallet* pada asalnya akan disimpan di dalam sebuah akaun amanah (*trust*). Namun demikian, status amanah tersebut boleh berubah secara tidak langsung kepada *qard* apabila berlakunya penggunaan dana (*utilisation*) oleh pihak PPE. Dalam hal ini, *qard* tetap terjadi tidak kira sama ada ia berlaku secara tidak sengaja (*incidental*) mahupun secara sampingan (*supplementary*). Walaupun *qard* tersebut terjadi dalam kontrak sampingan, namun risiko *riba* tetap masih boleh berlaku. Dalam erti kata lain, jika *qard* wujud di dalam sesbuah struktur, maka risiko *riba* tetap ada. Antara jenis *riba* yang paling hampir untuk berlaku adalah seperti *riba qard*, iaitu sebuah *riba* yang berlaku disebabkan oleh penggunaan dana oleh PPE. Selain itu, *riba al-nasiah* atau *riba al-Jāhiliyyah* juga boleh berlaku sekiranya terdapat elemen penalti dalam transaksi yang dijalankan.

*Riba qard* terhasil sekiranya PPE memberikan ganjaran berbentuk eksklusif kepada pengguna di atas *qard* yang diberikan. Dalam erti kata lain, pengguna akan mendapat ganjaran pada setiap kali tambah nilai dilakukan. Sekiranya hal ini benar-benar berlaku, maka ia jelas menunjukkan bahawa ganjaran tersebut ialah hasil yang khusus didapati daripada transaksi tambah nilai (*qard*) dan bukan di atas dasar transaksi pembelian yang dijalankan. Hal ini bertepatan dengan hadis Baginda Nabi yang menyatakan bahawa setiap pinjaman yang mendapat pulangan manfaat maka itulah *riba*.

كل قرض جر نفعا فهو ربا

Terjemahan: Setiap pinjaman yang memberi pulangan manfaat ialah *riba*.

Perbincangan mengenai isu ganjaran ini akan dibahaskan dengan lebih lanjut pada penghujung subtopik ini. Selain itu, IF2 dan IF3 berpendapat bahawa kejadian *riba* masih

lagi boleh dielakkan atau sukar berlaku sekiranya ia di struktur berlandaskan kontrak *wakil bi al-dafi*.

#### **4.3.1.1 Kontrak Utama VS Kontrak Sampingan (*Main VS Supplementary*)**

Menurut MPS BNM, kontrak *qard* yang berlaku tidak menjurus kepada *qard jarra naf'an* kerana ia hanyalah bersifat sampingan dan tidak sama dengan kontrak pinjaman akaun deposit yang ditawarkan di institusi perbankan. Oleh yang demikian, timbul persoalan tentang perbezaan yang berlaku di antara *qard* secara sampingan dengan *qard* yang berlaku pada institusi perbankan.

Dalam hal ini, ketiga-tiga informan bersetuju bahawa ia adalah *qard* sampingan seperti yang dijelaskan oleh MPS BNM. Menurut IF1, isu *riba* tidak berlaku kerana *qard* tersebut tidak terjadi dengan sendirinya bahkan ia hanyalah bersifat sampingan sahaja. Sedangkan pada masa yang sama, kontrak utama yang berlaku ialah penawaran servis perkhidmatan *e-wallet* tersebut dan bukannya kontrak untuk membuat keuntungan hasil daripada simpanan *qard* yang diberikan sepertimana yang ditawarkan oleh pihak institusi perbankan. Namun demikian, IF1 menekankan sekiranya wujud prasyarat yang terlalu eksklusif dan bertumpu hanya pada *qard*, maka ia membuka semula pintu berlakunya isu *riba* dalam operasi *e-wallet* ini.

##### **a) Perbezaan Bank dengan *E-wallet***

Perbezaan di antara bank dengan *e-wallet* ialah pada peranan atau fungsi utama yang ditawarkan oleh pihak bank iaitu untuk menyediakan perkhidmatan simpanan wang, sekuriti dan juga pulangan faedah daripada simpanan yang dilakukan di mana *qard* dijadikan sebagai kontrak utama (IF1). Maka secara adatnya, kontrak *qard* menjadi kontrak yang utama apabila pengguna menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh

pihak bank untuk menyimpan wang dan pada masa yang sama membolehkan wang tersebut digunakan semula oleh pihak bank (IF3).

Manakala fungsi utama *e-wallet* pula ialah untuk menjadi sebuah platform yang menyediakan perkhidmatan pembayaran sebagai pemudah cara transaksi di antara pengguna dengan *merchant*, di mana *e-wallet* bertindak sebagai medium transit duit di antara dua pihak tersebut (IF1, IF3). *E-wallet* menjana pendapatannya berdasarkan *fitrah* pada perkhidmatan yang disediakan kepada pihak *merchant*. Pada masa yang sama, terdapat beberapa buah bank yang turut mempunyai produk *e-wallet* nya yang tersendiri. Walaupun *e-wallet* tersebut dikendalikan oleh entiti berbasis bank, namun cara pengurusan dana *e-wallet* tetap berbeza dengan operasi bank itu tadi (IF3). Hal di atas membuktikan bahawa tujuan utama pengguna meletakkan dana dalam *e-wallet* adalah semata-mata untuk mendapatkan servis yang ditawarkan oleh PPE. Pengkaji juga turut merujuk silang maklumat yang diberikan oleh para informan mengenai fungsi dan peranan yang ditawarkan oleh pihak bank kepada pelanggan. Jadi berdasarkan rujukan silang yang telah dibuat, ia membuktikan bahawa peranan dan fungsi yang ditawarkan oleh pihak bank adalah tidak sama dengan *e-wallet*, dan begitu juga sebaliknya.<sup>144</sup>

---

<sup>144</sup> Eza, “Definisi Dan Fungsi Bank di Malaysia”, laman sesawang Majalah Labur, dicapai 11 Oktober 2019, <https://www.majalahlabur.com/kewangan/definisi-dan-fungsi-bank-di-malaysia>.

Jadual 4.2. Perbandingan Perbezaan Fungsi Utama dan Qard pada Bank dengan *E-wallet*

	<b>Bank</b>	<b><i>E-wallet</i></b>
<b>Fungsi Utama</b>	1. Simpanan wang 2. Sekuriti 3. Faedah	1. Memudahkan transaksi pemindahan dana daripada pengguna kepada <i>merchant</i> . 2. PPE bertindak sebagai orang tengah di antara pengguna dan <i>merchant</i> . 3. <i>E-wallet</i> adalah ganti kepada wang tunai.
<b>Perbezaan <i>Qard</i></b>	1. <i>Qard</i> ialah kontrak utama ( <i>main contract</i> ). 2. Duit yang di deposit adalah bertujuan untuk simpanan.	1. <i>Qard</i> yang berlaku bersifat sampingan ( <i>supplementary</i> ). 2. Duit yang ditambah nilai ke dalam <i>e-wallet</i> adalah khusus untuk digunakan bagi tujuan pembayaran kepada <i>merchant</i> .

Sumber: Olahan Pengkaji.

**b) Isu *Qard* di dalam *Bay` Bithaman `Ajil***

Daripada perspektif yang berbeza pula, IF2 berpendapat bahawa tidak wujud perbezaan pada kontrak yang dilaksanakan sama ada utama atau sampingan kerana ia masih membawa kesan hukum yang sama. Dalam erti kata lain, risiko *riba* masih boleh berlaku biarpun pada kontrak sampingan sekalipun. Beliau memberikan contoh perbandingan situasi yang berlaku antara kontrak *qard* biasa dengan kontrak *qard* sampingan seperti yang berlaku pada kontrak *Bay` Bithaman `Ajil* (BBA).

Pada kontrak *qard* yang utama, apa-apa yang menghasilkan manfaat kepada pemberi pinjam maka ia dikira sebagai *riba*.

Rajah 4.1. Carta Alir *Qard*




Sumber: Olahan Pengkaji.

Namun pada kontrak BBA pula, kontrak utama yang berlaku ialah kontrak pembelian (*bay'*) dan kontrak *qard* yang berlaku adalah bersifat sampingan. Dalam BBA, pembeli akan membuat pembayaran secara tangguh kepada penjual dengan membayar barang yang dibeli tadi secara ansuran. Pembayaran secara ansuran tersebut mengubah situasi pembayaran yang boleh selesai dalam satu transaksi kepada satu bentuk hutang baru, iaitu *qard*. Walau bagaimanapun, kedudukan *qard* tersebut dikira sebagai kontrak sampingan sahaja. Sementara itu apabila berlaku perubahan harga pada harga jualan bagi bayaran ansuran itu tadi maka ia dikira sebagai *riba*.

Oleh yang demikian, informan ini melihat bahawa kesan hukum yang dibawa sama ada pada kontrak utama ataupun sampingan adalah sama sahaja. Beliau juga berpendapat bahawa *qard* adalah tidak selamat dan mempunyai implikasi lain sekiranya PPE mengguna pakai dana tersebut. Beliau mencadangkan agar kontrak *wadi'ah yad dhamanah* digunakan supaya duit yang diberikan oleh pengguna itu tidak lagi menjadi isu dan tidak terkait lagi dengan implikasi *qard jarra naf'an*.

Rajah 4.2. Carta Alir *Bay' Bithaman 'Ajil*



Sumber: Olahan Pengkaji.

#### 4.3.1.2 *Uruf*

MPS BNM berpendapat bahawa kontrak *qard* yang berlaku dalam transaksi *e-wallet* adalah sebagai kontrak sampingan sahaja. Hal ini disebabkan berlakunya perbezaan amalan (*uruf*) dalam penggunaan dana oleh PPE dengan amalan perniagaan perbankan biasa. Dalam hal ini, *uruf* dilihat berperanan penting dalam menentukan situasi semasa sama ada sesebuah kontrak itu bersifat utama atau sampingan, sekali gus menentukan hukum terhadap subjek yang dibincangkan.

Dalil pengharaman *riba* dan *gharar* dibentuk bersumberkan daripada al-Quran dan al-Sunnah termasuklah *ijmak* dan *qias* (IF3). Oleh itu, *uruf* yang boleh diterima ialah *uruf* yang tidak melanggar kaedah umum, iaitu *uruf* yang mematuhi nas-nas di atas ini (IF2). Manakala dari sudut kekuatan pula, *uruf* juga tidak akan pernah melangkaui kekuatan keempat-empat sumber utama yang disepakati ini (IF2, IF3). Namun dalam usaha untuk menentukan sama ada *riba* berlaku atau tidak dalam subjek kajian ini, maka *uruf* memainkan peranan yang penting untuk menyelesaikan masalah tersebut (IF3). Realiti pada masa kini, aplikasi *e-wallet* dilihat masih berada dalam fasa awal pembangunan dan boleh ditambah baik dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, sudah tentu ia perlu dibentuk mengikut acuan syariah dan diberi panduan yang sewajarnya oleh pihak berwajib (IF2) berdasarkan situasi *uruf* semasa.

Antara perbahasan mengenai situasi uruf semasa adalah seperti berikut:

**a) Uruf berkaitan *incidental qard tawarruq* di institusi perbankan**

Menurut IF1, kontrak *qard* yang bersifat sampingan boleh berlaku di dalam sebahagian praktis di institusi perbankan. Antara contoh *qard* yang berlaku ialah seperti *incidental qard* (*qard* sampingan) pada deposit *tawarruq* atau *tawarruq saving*. *Incidental qard* tersebut berlaku apabila deposit *tawarruq* yang diletakkan oleh pendeposit digunakan secara tidak sengaja oleh pihak bank melalui penggunaan bermalam (*overnight use*). Dalam erti kata lain, walaupun pengguna tidak bercadang untuk memberikan *qard*, namun ia tetap berlaku apabila wang tersebut disimpan bermalam di bank.

Namun hal ini dibolehkan atas dua sebab iaitu ia bukanlah sesuatu yang disengajakan untuk berlaku, dan yang kedua ialah dengan mengambil kira halangan dan kesukaran yang tidak dapat dielakkan atau *uruf* perniagaan (*uruf tijari*) seperti gangguan servis, penutupan pejabat dan sebagainya. Hal ini bertepatan dengan keputusan yang dikeluarkan oleh pihak MPS BNM melalui Mesyuarat MPS BNM yang ke-178<sup>145</sup> berkaitan *incidental qard* di mana pihak MPS BNM memberi fleksibiliti kepada *incidental qard* tersebut untuk digunakan tanpa memerlukan sebarang dokumentasi *qard*.

**b) Uruf berkaitan *Qard* dan Dana Amanah**

Selain itu, pakar-pakar syariah menunjukkan perhatian yang lebih pada garis halus yang berlaku di antara *qard* dan juga dana amanah pada *e-wallet*. Dari sudut pandang mikro, secara teknikalnya kedua-dua dana *qard* dan amanah ini dilihat hampir sama dan sukar untuk dibezakan. Namun apabila dilihat secara makro pula, *uruf* yang berlaku dalam

---

<sup>145</sup> Bank Negara Malaysia , “Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-178”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/761688/SAC+178th+Meeting+Statement+%28BM+version %292.pdf/3d8dc09a-6daf-0843-79f7-2a2a0b653ca3?t=1581492367974>.

industri melihat *e-wallet* sebagai sebuah tempat letak dana amanah<sup>146</sup> dan bukan sebagai badan pembiaya. Oleh yang demikian, kelonggaran diberikan berdasarkan sudut pandang *uruf* ini (IF3).

**c) Perbandingan *uruf E-wallet* dengan *al-Rahnu***

Dari sudut pandang *e-wallet* pula, *uruf* yang berbeza berlaku apabila pengguna memperoleh ganjaran hasil daripada transaksi tambah nilai *e-wallet* sebelum ia digunakan untuk membuat pembayaran kepada *merchant*. Hal ini dilihat berbentuk eksklusif kepada pengguna yang menambah nilai *e-wallet* dan secara tidak langsung memberi gambaran bahawa pemberi *qard* akan menerima ganjaran.

Namun begitu, walaupun situasi di atas menyerlahkan keistimewaan pada *qard* yang diberikan, MPS BNM mengatakan bahawa ia tidak termasuk dalam isu *kullu qardin jarra naf'an fahua riba*. Hal ini adalah kerana BNM membezakan *qard* yang berlaku itu sebagai kontrak *qard tawabi'* (*supplementary*) dengan kontrak *qard* yang *asli* (*primary*). (IF1)

Kaedah fiqh menyebut:

يغتفر في التوابع ما لا يغتفر في غيرها

Terjemahan: Dimaafkan pada perkara atau keadaan yang mengikut tidak seperti mana perkara selainnya.

Sebagai contoh, BNM berbeza pendekatan dalam menangani urusan *al-rahnu*.

---

<sup>146</sup> Wan Nurliza W.Ramli et al., “The Application of E-Wallet in Malaysia: An Analysis of Shariah Point of View,” *al-Qanatir International Journal of Islamic Studies* 23, No. 2, (2021), 44-54.

Rajah 4.3. Carta Alir *Al-Rahnu*




Sumber: Olahan Pengkaji.

Walaupun kontrak *rahnu* secara asasnya ialah kontrak bagi gadaian syariah, namun apabila ia didasari oleh *qard* dan *ujrah* maka ia terlihat lebih jelas sebagai sebuah produk pembiayaan di mana helah *qard* adalah pada *qard al-hasan* manakala *ujrahnya* pula diambil daripada penyimpanan barang. Isu ini menjadi semakin jelas apabila amaun *ujrah* itu terikat dengan jumlah pinjaman yang diberikan. (IF3) *Qard al-hasan*<sup>147</sup> bermaksud pinjaman tanpa faedah.

*Ujrah* atau fi merupakan satu daripada elemen yang ada dalam *al-rahnu*. Dalam hal ini, *ujrah* daripada *marhun* (simpanan) itu tetap dianggap sebagai manfaat daripada *qard* yang telah diberikan. *Ujrah* tersebut wujud kerana adanya simpanan (*marhun*), manakala simpanan pula wujud kerana adanya *rahnu*, dan *rahnu* tersebut wujud kerana adanya *qard*. Namun demikian ia tetap dikatakan haram kerana *qard* adalah *aslinya*. Dalam hal ini, *rahnu* adalah *supplementary* manakala *qard* adalah *aslinya*. Oleh itu, *rahnu* sebagai *supplementary* mengikut hukum *qard* yang *asli*.(IF1)

Rajah 4.4. Carta Alir Tambah nilai, *Qard* dan Ganjaran



Sumber: Olahan Pengkaji.

<sup>147</sup> Hassan Daher, “*Qard Al-Hassan - Benevolent Lending*”, laman sesawang Qardus, dicapai 27 Januari 2023, <https://www.qardus.com/news/qard-al-hassan-benevolent-lending>.

Berbalik semula kepada konteks *e-wallet* di atas, MPS BNM tidak mengatakan ia berkait rapat dengan *kullu qardin jarra naf'an fahua riba* walaupun ganjaran yang diberikan terlihat sangat eksklusif kepada pemberi *qard*. Walaupun pengguna menerima ganjaran di atas tambah nilai dan langganan yang dilakukan, namun jelas tujuan sebenar pengguna ialah untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh PPE dan tidak bertujuan untuk melakukan deposit simpanan dan sebagainya. (IF1)

**d) *Uruf* pada cara pengiraan formula**

Dalam pada itu, IF2 berpendapat bahawa PPE dan bank berbeza *uruf* pada cara pengiraan formula untuk mengimbangi antara jumlah dana yang diambil daripada pengguna dengan kadar keuntungan yang ingin dijana. *Uruf* ini berlaku kerana saiz dana yang dikumpul oleh PPE tidak menyamai saiz dana yang dikumpul oleh pihak bank. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa apa yang dilakukan oleh PPE adalah berbeza dengan apa yang berlaku di institusi perbankan. Namun, *uruf* yang berlaku sama ada kompleks atau tidak kompleks, ia masih berbasis sama dengan bank iaitu mengambil, menyimpan dan menjana pendapatan daripada wang pengguna. Beliau menambah, *riba* masih boleh terhasil jika PPE membuat sesuatu yang boleh menghasilkan *riba*.

**4.3.2 Dana *E-wallet* di dalam Akaun Konvensional**

Merujuk kepada resolusi yang dikeluarkan oleh MPS BNM, mereka memutuskan bahawa PPE mestilah meletakkan dana yang diterima daripada pengguna ke dalam akaun amanah atau akaun deposit khusus patuh syariah. Oleh yang demikian, PPE haruslah memasukkan dana yang terkumpul ke dalam akaun amanah yang patuh syariah seperti bank Islam. Sekiranya dana tersebut dimasukkan ke dalam bank konvensional, dana yang disimpan akan membawa faedah dan menghasilkan *riba*. Perbuatan PPE tersebut

mengakibatkan isu tidak patuh syariah kerana menjana *riba* hasil daripada dana yang diberi oleh pengguna. (IF1, IF2, IF3)

Walau bagaimanapun, ‘*ain* dana pengguna yang digunakan itu tidak berubah menjadi haram. Bahkan, hukum tersebut tidak memberi apa-apa kesan kepada pengguna kerana kontrak asal yang dipersetujui di antara kedua-dua belah pihak di antara pengguna dan PPE ialah kontrak persetujuan pengguna untuk membeli perkhidmatan daripada PPE. Dalam erti kata lain, pengguna hanya ingin menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PPE sahaja dan tidak berniat untuk mengambil faedah daripada simpanan konvensional tersebut bahkan tidak mendapat langsung manfaat daripada simpanan konvensional itu tadi. (IF2)

Oleh itu, apa-apa kesalahan syariah yang dilakukan oleh PPE tidak memberi kesan kepada pengguna. Pengguna tidak bersalah (IF2, IF3) kerana hal ini berada di luar kawalan mereka (IF3). Dari sudut pandang lain pula, isu ini bukanlah semata-mata berkaitan hubungan kontrak di antara kedua-dua pihak tersebut sahaja, bahkan ia lebih menjurus ke arah kesedaran dan tanggungjawab pengguna dalam memilih PPE yang mematuhi syariah. Sekiranya diketahui bahawa ada sesetengah PPE yang tidak mengambil kisah akan hukum syarak, maka pengguna dinasihati untuk meninggalkan PPE terbabit. (IF2)

Pada masa yang sama, oleh sebab penyata akaun mengenai hal sebegini dilihat masih lagi belum telus kepada umum dan tiada garis panduan yang jelas maka pengguna mengalami kesukaran untuk mengetahui status kepatuhan syariah bagi setiap PPE yang ada dalam pasaran. Kesemua informan bersetuju bahawa perbuatan PPE meletakkan dana pengguna ke dalam akaun konvensional mengundang isu tidak patuh syariah dan tidak mempengaruhi status pengguna.

Tambahan, berdasarkan tinjauan yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa tidak banyak *e-wallet* yang berstatus patuh syariah sepenuhnya pada masa kini. Antara contoh PPE yang berstatus syariah sepenuhnya ialah seperti *E-wallet* MAE Maybank Malaysia dan juga *E-wallet* Bank MBSB Malaysia. Pada masa yang sama, terdapat juga PPE yang tidak berstatus patuh syariah namun dilihat lebih mengarah kepada mesra syariah. Hal ini ditunjukkan oleh syarikat PPE Touch ‘n Go yang menyediakan alternatif platform tambahan Touch ‘n Go Go+ selain daripada akaun utama Touch ‘n Go kepada pengguna. Akaun Touch ‘n Go Go+ berstatus patuh syariah manakala akaun utama Touch ‘n Go masih lagi berstatus konvensional.<sup>148</sup>

#### **4.3.3 Pembelian dan pembayaran emas menggunakan *e-wallet***

Emas merupakan satu daripada enam jenis barang ribawi yang mempunyai syarat yang khusus dalam urusan jual belinya. Oleh itu, timbul persoalan tentang status pembelian emas yang dibayar menggunakan aplikasi *e-wallet*.

Dalam urusan jual beli emas, IF2 menyamakan pembelian emas menggunakan *e-wallet* dengan pembelian menggunakan kad kredit Islamik. Sekiranya jumlah dana yang diperuntukkan sudah tersedia seperti kad kredit Islamik, maka hal yang sama terguna pakai ke atas penggunaan *e-wallet* untuk pembelian emas. IF3 pula berpendapat bahawa pembelian emas menggunakan emas tidak mengandungi apa-apa masalah dan tidak mengundang isu *riba*. Hal ini disebabkan berlaku penolakan terus dana pembelian daripada akaun *e-wallet* pengguna atau *spot payment*. Beliau menambah, sekiranya kad kredit Islamik dibenarkan maka *e-wallet* adalah lebih layak untuk dibenarkan.

---

<sup>148</sup> Touch 'n Go eWallet Pusat Bantuan, “Apakah Go+?”, laman sesawang Touch ‘n Go, dicapai 21 Oktober 2021, <https://support.tngdigital.com.my/hc/ms-my/articles/360056285754-Apakah-GO>.

Pengkaji mendapati bahawa hujah yang digunakan oleh kedua-dua informan di atas dengan membandingkan pembelian barang menggunakan kad kredit Islamik dengan *e-wallet* ialah disebabkan terdapat unsur hutang yang berlaku di antara pembeli sebagai pemegang kad kredit Islamik dengan pihak bank, manakala tiada unsur hutang yang berlaku dalam proses transaksi *e-wallet* menerusi penolakan dana terus daripada akaun *e-wallet* pengguna.

Jadual 4.3. Perbandingan *E-wallet* dengan Kad Kredit Islamik

<b><i>E-wallet</i></b>	<b>Kad Kredit Islamik</b>
<p>a) Dana ialah hasil daripada tambah nilai yang dilakukan oleh pengguna.</p> <p>b) Penolakan terus dana daripada akaun pengguna terus ke akaun <i>merchant</i> melalui PPE.</p>	<p>a) Dana datang dari bank apabila pengguna menggunakan kad kredit islamik untuk membuat pembayaran.</p> <p>b) Pemegang kad berhutang dengan pihak bank.</p> <p>c) Pihak bank membuat pembayaran penuh terus kepada <i>merchant</i>.</p>

Sumber: Olahan Pengkaji.

#### **4.3.4 Isu ganjaran dalam *e-wallet***

Subtopik ini diletakkan pada bahagian akhir sekali dalam perbincangan mengenai isu *riba* sebagai klimaks aliran perbincangan yang bermula daripada pengenalan kontrak *qard* berserta perbahasannya, kemudian diikuti dengan perbincangan mengenai dana pengguna yang disimpan dalam akaun konvensional, kemudian disambung dengan isu pembelian dan pembayaran emas menggunakan *e-wallet* dan diakhiri dengan perbincangan isu pemberian ganjaran ini.

Perbincangan mengenai isu pemberian ganjaran yang diberi oleh PPE kepada pengguna ini merupakan kemuncak bagi perbahasan mengenai kemungkinan isu *riba* yang berlaku pada operasi *e-wallet*. Hal ini kerana isu pemberian ganjaran ini dikatakan berkait rapat dengan isu *qard jarra naf'an* di mana ganjaran tersebut didakwa sebagai sebuah manfaat yang terjadi hasil daripada peletakan dana oleh pengguna ke dalam akaun

*e-wallet* mereka. Dalam erti kata lain, timbul persoalan sama ada ganjaran yang terhasil daripada *qard* yang diberikan oleh pengguna itu dikira sebagai *riba* atau tidak.

Bertitik tolak daripada perbahasan pada topik *qard* sebelum ini, IF1 menegaskan bahawa isu *qard jarra naf'an* agak jelas dan masih boleh berlaku pada kontrak utama mahupun kontrak sampingan. (IF1) Walaupun pendapat ini dilihat tidak selari dengan pendapat MPS BNM yang mengatakan bahawa kontrak *wakālah* bebas daripada isu *qard jarra naf'an*, namun pendapat MPS BNM masih dijadikan sebagai rujukan utama. Tambah beliau, jika ganjaran yang diberikan berbentuk eksklusif hasil daripada tambah nilai semata-mata, maka di situ jelas menunjukkan bahawa *qard* yang diberikan oleh pengguna dibalas dengan ganjaran yang bersifat seperti wang tunai, maka ia dekat kepada isu *jarra naf'an*. (IF1)

Walau bagaimanapun, secara praktikalnya berdasarkan tinjauan pengkaji ke atas beberapa PPE seperti Petronas Setel<sup>149</sup>, Boost<sup>150</sup> dan Maybank MAE<sup>151</sup>, kesemua PPE tersebut menyatakan bahawa ganjaran seperti poin akan diberikan sejurus sahaja pengguna selesai membuat transaksi pembayaran menggunakan *e-wallet*. Pada masa yang sama, pengkaji juga tidak menemui mana-mana *e-wallet* yang memberi ganjaran semata-mata melalui transaksi tambah nilai. Ganjaran yang diberikan adalah bukan berdasarkan *qard* yang diberikan tetapi atas dasar transaksi pembelian yang dilakukan. Dalam erti kata lain, ganjaran yang diberikan ialah natijah kepada transaksi yang dilakukan dan bukan semata-mata kerana *qard* yang diberikan. (IF1)

---

<sup>149</sup> Setel, “Setel Pay at MYNEWS & earn cashback!”, laman sesawang Setel, dicapai 27 Januari 2023, <https://www.setel.com/promotions/mynews>.

<sup>150</sup> Boost, “Campaign General Terms and Conditions”, laman sesawang Boost, dicapai 27 Januari 2023, <https://www.myboost.com.my/terms/campaign-general-terms-and-conditions>.

<sup>151</sup> Maybank, “Scan & Pay’s Cashback Everyday Campaign Terms & Conditions”, laman sesawang Maybank, dicapai 27 Januari 2023, [https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/pdf/personal/promotions/2021/TC\\_Scan\\_Pay\\_Everyday\\_Cashback\\_Campaign\\_Final.pdf](https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/pdf/personal/promotions/2021/TC_Scan_Pay_Everyday_Cashback_Campaign_Final.pdf).

Namun, menurut IF3 ganjaran masih boleh diberi walaupun menggunakan kontrak *qard*. Sambungan daripada perenggan di atas, ganjaran tersebut diperoleh oleh pengguna selepas menggunakan dana yang disimpan. Ini bermakna setelah wang itu dibayar kepada *merchant* maka barulah PPE memberikan ganjaran kepada pengguna. Ganjaran tersebut tidak diberi ketika dana masih berada di bawah kawalan PPE namun diberi setelah wang keluar daripada akaun pengguna. Dalam erti kata lain, manfaat yang diperoleh bukanlah manfaat yang terhasil daripada wang berbaki dalam akaun pengguna akan tetapi manfaat yang didapati daripada pengeluaran dana yang dilakukan. (IF3) Oleh itu, isu *jarra naf'an* dilihat tidak wujud walaupun kontrak *qard* digunakan kerana ganjaran yang diberikan kepada pengguna adalah selepas transaksi selesai.

Jadual 4.4. Perbezaan Bank dengan *E-wallet*

<b>Bank</b>	<b><i>E-wallet</i></b>
<p>1. Faedah diberi atas dasar simpanan.</p> <p>2. Nilai faedah yang diberi adalah berdasarkan kepada selama mana duit tu disimpan.</p>	<p>1. Ganjaran yang diberi oleh <i>e-wallet</i> bukan berdasarkan wang yang disimpan.</p> <p>2. Ganjaran hanya diperoleh selepas transaksi dilakukan.</p> <p>Contoh: Pengguna akan menerima poin SETEL hanya setelah selesai mengisi minyak di stesen minyak.</p>

Sumber: Olahan Pengkaji.

Selain itu, penggunaan *pool of qard* yang digunakan sebagai ganjaran boleh sahaja berlaku dari sudut operasi. *Pool of qard* berlaku apabila terjadinya percampuran dana milik pengguna dengan dana keuntungan hasil pelaburan PPE di dalam akaun amanah PPE. Namun, ganjaran yang diberi itu tidak dipengaruhi oleh *qard* pengguna. (IF3)

Dalam hal ini, ada sebuah kaedah dalam konteks kewangan atau sesuatu yang bersifat *kimiyyat* (ada nilai) yang mengatakan لا يتعين بالتعيين , iaitu sesuatu itu tidak ditentukan dengan ciri-cirinya. Ini adalah kerana duit bukanlah sesuatu yang boleh menjadi haram atau halal kerana kewujudan fizikalnya (*zatiyyah*) akan tetapi kerana nilainya. Sekiranya bercampur duit daripada sumber yang berbeza di dalam sebuah akaun amanah sekalipun tidak menjadi masalah dengan syarat selagi mana ia digunakan dengan nilai yang sama. (IF1) Daripada segi praktikal, majoriti para sarjana Islam mengambil pendekatan لا يتعين بالتعيين sebagai sifat mata wang. (IF3) Selain itu, selagi mana konsep di atas terguna pakai walaupun berlaku percampuran dana di dalam sebuah akaun, maka PPE masih boleh menentukan setiap nilai dana yang ada, iaitu sebanyak mana dana yang dimiliki oleh PPE, dan sebanyak mana dana *qard* pengguna. (IF3)

Maka apabila dirujuk kepada konsep لا يتعين بالتعيين, kekeliruan akibat percampuran dana itu tadi tidak berlaku bahkan secara tidak langsung menjadikan wang tersebut harus untuk digunakan mengikut keperluan PPE. Apabila konsep tersebut diguna pakai, isu berbangkit tidak timbul kerana kedudukan duit berbeza dengan *māl* yang lain. Jika hal pinjaman berkaitan duit ia dipanggil sebagai *qard*, manakala apabila melibatkan *māl* lain ia dipanggil sebagai *I‘ārah*. Cara terbaik untuk mengelakkan risiko operasi di atas ialah dengan membuat pengasingan akaun di antara *qard* pengguna dengan dana keuntungan PPE. (IF3)

Tambahan lagi, hak pemberian ganjaran ialah hak PPE secara mutlak (IF1, IF3) selepas pengguna membuat pembayaran. (IF1) Sebagai contoh, sekiranya kontrak *wakālah bi al-ujrah* digunakan, PPE bebas untuk menjadikan duit *ujrah* tersebut sebagai

hadiah atau sebagainya kepada pengguna. (IF2) Ganjaran tersebut secara umumnya tiada melainkan hanya untuk diberi sebagai hibah, galakan atau untuk menarik lebih ramai lagi pelanggan untuk terus menggunakan perkhidmatan *e-wallet* tersebut. Kos pemberian ganjaran tersebut diambil daripada pendapatan yang dijana oleh PPE. (IF3)

Istilah ganjaran yang digunakan dalam penulisan ini membawa maksud manfaat yang diberikan oleh PPE kepada pengguna secara umum. Istilah tersebut juga boleh merujuk kepada pelbagai ganjaran yang ditawarkan oleh PPE seperti *cashback* (Pulangan Wang Tunai), pemberian poin keahlian, dan baucar penghantaran percuma (*free shipping*). Kebiasaan ganjaran seperti *cashback* (Pulangan Wang Tunai) dan pemberian poin keahlian diberikan oleh PPE sebaik sahaja pengguna selesai melakukan transaksi pembelian dan pembayaran melalui aplikasi *e-wallet*. Namun ada sesetengah ganjaran seperti baucar penghantaran percuma diberikan sebelum berlakunya transaksi pembelian oleh pengguna. Walau bagaimanapun, baucar penghantaran percuma itu tidak sah digunakan selagi mana tiada transaksi pembelian dilakukan. (IF1, IF3) Dalam erti kata lain, ia masih mirip kepada mekanisme ganjaran-ganjaran lain di mana pengguna hanya memperoleh manfaat yang sebenar selepas *e-wallet* digunakan. Oleh yang demikian, jelas bahawa duit *qard* yang berbaki di dalam akaun *e-wallet* pengguna itu tidak terikat dengan baucar penghantaran percuma yang diberikan (IF3) sekali gus menafikan isu *jarra naf'an* yang berlaku. Namun demikian sebagai penutup, apa-apa keputusan masih dirujuk kepada resolusi yang dikeluarkan oleh pihak MPS BNM. (IF1)

#### **4.4 ANALISIS GHARAR DALAM E-WALLET**

Dalam subtopik ini, pengkaji akan menganalisis beberapa perkara yang dilihat menjurus kepada kemungkinan berlakunya isu *gharar* dalam pengoperasian *e-wallet*. Analisis ini dilakukan berdasarkan sudut pandang hubungan yang berlaku di antara pengguna dengan PPE.

Secara umumnya, IF1 berpendapat bahawa isu *gharar* tidak berlaku dalam operasi *e-wallet* namun sebaliknya menekankan bahawa isu *riba* lebih terkedepan dan menjadi isu utama. Manakala IF2 dan IF3 pula berpendapat bahawa kemungkinan isu *gharar* ini untuk berlaku adalah bergantung kepada cara penstrukturkan kontrak dilakukan. Selain itu, IF3 menambah bahawa kriteria keselamatan dan perlindungan pengguna dalam *e-wallet* lebih sesuai dilihat dari sisi *makhaitir* (risiko) berbanding *gharar*. Namun beliau turut bersetuju bahawa dalam risiko wujudnya elemen *gharar*. Tambahan, ada pengkaji lain yang berpendapat bahawa *gharar* itu seperti risiko, dan risiko itu seperti *gharar*. Perbezaan umum antara risiko dan *gharar* ialah risiko wujud pada perkara yang akan datang dan tidak dijangka, manakala *gharar* pula terjadi pada perkara yang sudah berlaku.

##### **4.4.1 *Wakālah bi al-Daf***

Pihak MPS BNM mencadangkan penggunaan kontrak *wakālah bi al-daf* untuk hubungan yang berlaku di antara pengguna dengan PPE. Kontrak tersebut merupakan suatu kontrak yang diadaptasi daripada satu pendapat daripada mazhab Syafie yang mengharuskan syarat yang bakal berlaku dalam kontrak *wakālah*. Perkara ini dilihat serupa dengan mekanisme wasiat yang memberi kebenaran untuk bertransaksi pada masa hadapan.<sup>152</sup> Para ulama meletakkan bahawa *gharar* berlaku pada kontrak-kontrak yang berbentuk pertukaran (*mu’awadhat*) harga dengan barang manupun manfaat seperti

---

<sup>152</sup> *Al-Majmuk Syarah al-Muhazzab*, (T.tp: t.p, t.t), 113.

jual beli dan sewa, manakala pada kontrak-kontrak berbentuk pemberian (*tabarru'at*) pula diharuskan *gharar* untuk berlaku padanya.<sup>153</sup> Namun dalam hal ini, *gharar* dilihat tidak berlaku pada kontrak *wakālah bi al-daf'* kerana ia tidak melibatkan urusan pertukaran sesuatu seperti yang berlaku pada kontrak *mu'awadhat*, bahkan kontrak ini berbentuk perkhidmatan semata-mata. Adapun pada beberapa keadaan tertentu di mana *gharar* masih berisiko untuk berlaku dan tidak dapat dielakkan atau dihapuskan sepenuhnya, maka ia dikira sebagai sebuah *gharar* yang sedikit dan dimaafkan pada syarak.

#### **4.4.2 Isu *Gharar* 1: Pembelian Barang Menggunakan *E-wallet***

Melalui kontrak *wakālah*, pengguna mewakilkan kepada PPE untuk membuat pembayaran pembelian barang kepada pihak *merchant*, manakala pihak *merchant* pula mewakilkan kepada PPE untuk menerima pembayaran daripada pengguna melalui perkhidmatan yang disediakan oleh pihak PPE.

Sebagai contoh, sebuah situasi yang berlaku pada platform e-dagang, Shopee. Encik Ahmad Asyraf sebagai seorang pengguna PPE ingin membeli sebuah telefon pintar melalui platform Shopee. Namun beliau menerima barang yang rosak daripada pihak *merchant*.

---

<sup>153</sup> `Abd Karim Zaydan, “*al-Madkhal li al-Dirasah al-Shari`ah al-Islamiyyah*”, (Baghdad: Matba`ah al-`Aani, 1969); Abdul Hadi Awang, “*Gharar* dalam Perspektif Fiqh al-Hadith: Analisis Terhadap ‘Illah dan Prinsip”, *Hadis: Jurnal Ilmiah Berimpak* 2, No.4, (2012), 63-94.

Rajah 4.5. Carta Alir Hubungan Antara Pengguna, *Merchant* dengan PPE/Platform E-dagang



Sumber: Olahan Pengkaji.

Berdasarkan situasi di atas, Shopee sebagai penyedia platform e-dagang dan juga PPE bertindak sebagai orang di tengah antara Encik Ahmad Asyraf dan penjual telefon pintar. Dalam hal ini, *gharar* tidak berlaku kerana kontrak *wakalah* telah selesai di antara Encik Ahmad Asyraf dengan PPE. Dalam hal di atas, isu tersebut terjadi di antara pembeli dengan *merchant* sahaja, dan tidak melibatkan PPE sebagai orang tengah yang menyediakan perkhidmatan dan menyambungkan hubungan di antara pembeli dengan *merchant* itu tadi.

Walaupun hubungan yang berlaku di antara pengguna dengan *merchant* berada di luar skop kajian, namun pada pendapat pengkaji, sekiranya berlaku masalah pada transaksi jual beli, pihak pengguna boleh membuat aduan<sup>154</sup> kepada PPE berhubung isu yang berlaku tadi. Kemudian, PPE akan membuat tindakan susulan seperti melakukan siasatan atau membuat pemulangan semula (*refund*) duit pengguna itu tadi. Di sini PPE masih melakukan mandat dan peranan sebagai orang tengah dalam menyelesaikan isu di antara pengguna dengan *merchant*.

Namun selain hal di atas, peratusan untuk terjadinya *gharar* masih ada sekiranya PPE menyediakan maklumat yang tidak tepat kepada *merchant*. Sebagai contoh,

<sup>154</sup> Shopee Seller Education Hub, “Managing Mall returns and refunds”, laman sesawang Shopee Malaysia, dicapai 27 Januari 2023, <https://seller.shopee.sg/edu/article/8167#:~:text=What%20is%20Shopee%20policy%20for%20returns%20refunds%20of%20Mall,days%20of%20receipt%20at%20no%20cost%20to%20them>.

pengguna menempah barang A melalui PPE, namun PPE menyampaikan pesanan untuk barang B kepada *merchant*, sekali gus menyebabkan berlakunya *gharar*. Namun demikian, oleh sebab hal tersebut berlaku disebabkan oleh kesilapan daripada pihak PPE, maka hal tersebut masih boleh dikenalpasti dan dibetulkan semula kerana *gharar* ini berlaku secara tidak langsung (*indirectly*). Walaupun begitu, secara umumnya boleh dikatakan bahawa *gharar* tidak berlaku dalam hubungan kontrak servis yang berlaku di antara pengguna dan PPE, namun ia masih boleh berlaku pada jual beli yang dilakukan dengan *merchant*.

#### **4.4.3 Isu *Gharar* 2: PPE Tidak Mengetahui Barang Apa yang Dibayar Kepada *Merchant***

Menurut IF1, isu *gharar* boleh berlaku dalam proses pembayaran menggunakan *e-wallet*. Hal ini terjadi sekiranya PPE sebagai wakil tidak mengetahui mengenai perincian barang yang dibeli oleh pengguna untuk dibayar kepada pihak *merchant*. Namun demikian, dalam hal ini mekanisme *wakālah ammah* boleh digunakan. *Wakālah ammah*<sup>155</sup> berlaku apabila pengguna memberikan kebenaran secara umum kepada PPE untuk bertindak mewakili dirinya. Mazhab Hanafi membenarkan *wakālah ammah* untuk diaplikasikan pada kes seperti di atas.

Oleh sebab yang demikian, maka tidak wajib bagi PPE untuk mengetahui produk apa yang dibayar kerana pengguna telah memberikan kebenaran penuh kepada PPE. Perwakilan yang diberi oleh pengguna kepada PPE ialah untuk membuat pembayaran sahaja dan tidak melibatkan pembelian barang dan perkhidmatan. Hal ini disebabkan barang tersebut telah dibeli sendiri oleh pengguna manakala PPE hanya menyediakan

---

<sup>155</sup> Arif, Subhan, “Sejarah dan Istilah-Istilah Ekonomi Islam”, *Ath-Thariq Jurnal Dakwah dan Komunikasi* 2, No. 2, (Januari 2019), 406-422.

platform dan perkhidmatan pembayaran sahaja. Dalam erti kata lain, pengguna hanya menggunakan *e-wallet* ketika membuat pembayaran barang atau perkhidmatan sahaja.

Namun hal yang berbeza berlaku pada kontrak *wakālah* yang digunakan dalam penstrukturkan kad kredit di mana pengguna sendiri yang akan membuat pembelian mewakili pihak bank sementara pihak bank sendiri tidak mengetahui apa yang dibeli oleh pengguna kerana pembelian tersebut bergantung kepada keperluan dan keinginan pengguna. Namun dalam *e-wallet*, pengguna sendiri yang membuat pembelian, maka perkara ini jelas. PPE pula hanya berfungsi sebagai platform dan *payment gateway* sahaja, dan bukan sebagai pembiaya (*financier*) atau badan pembiayaan (*financing facility*). Jika *e-wallet* ialah pembiaya, maka isu susulan boleh berlaku.

Oleh yang demikian, berdasarkan hujah di atas, pengkaji berpendapat bahawa *gharar* yang berlaku pada situasi tersebut tergolong dalam kategori *gharar* yang boleh ditoleransi (*gharar yasīr*).

Jadual 4.5. Perbezaan Struktur Kad Kredit dengan *E-wallet*

Kad Kredit (Bank)	<i>E-wallet</i>
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Pihak bank bertindak sebagai pembiaya.</li><li>2. Pengguna membeli barang mewakili pihak bank.</li><li>3. Pihak bank tidak tahu apa yang dibeli oleh pengguna.</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. PPE menyediakan perkhidmatan dan platform pembayaran untuk digunakan oleh pengguna.</li><li>2. Pengguna membeli sendiri barang yang diingini.</li><li>3. PPE bertanggungjawab untuk menguruskan pembayaran sahaja.</li></ol>

Sumber: Olahan Pengkaji.

#### **4.4.4 Isu *Gharar* 3: Isu Pengurusan Dana**

IF2 menekankan mengenai tahap kepatuhan PPE dalam menguruskan dana yang diberi oleh pengguna seperti mana mandat atau syarat yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Sekiranya PPE bekerja melebihi apa yang dibenarkan atau yang dipersetujui maka telah berlaku isu pecah amanah (*breach of trust*) dalam pengurusan dana tersebut. Walhal konsep *wakālah* yang digunakan adalah berdasarkan kepercayaan (*trust*) pengguna kepada PPE. Oleh yang demikian, isu pecah amanah ini secara tidak langsung mencetuskan elemen *gharar* dalam *e-wallet*.

#### **4.4.5 Isu *Gharar* 4: Elemen-elemen Tidak Jelas dalam Kontrak**

IF3 berpendapat bahawa kemungkinan untuk isu *gharar* itu berlaku dilihat berdasarkan cara penstrukturkan sesuatu kontrak dilakukan. Sekiranya kontrak tersebut seperti *wakālah* tidak jelas atau mandat tidak dibuat berdasarkan apa yang dipersetujui, atau berlaku masalah pada dokumentasi seperti fi tidak jelas, atau rukun *wakālah* tidak dipenuhi, atau surat-surat perjanjian dan hitam putih tidak lengkap atau tidak jelas, maka ia akan menimbulkan isu *gharar* pada transaksi yang dijalankan. Namun begitu, isu *gharar* dilihat sukar untuk berlaku berdasarkan situasi semasa. Beliau juga menambah sekiranya *takyif fiqhi* yang digunakan ialah *wakālah* dan bukannya *qard*, maka akan berlaku isu apabila PPE mengambil duit keuntungan pelaburan tanpa mendapat *tanazul* daripada pengguna.


## 4.5 KONTRAK ALTERNATIF

### 4.5.1 *Al- Ijārah Mawṣūfah al-Dhimmah*

Menurut IF1, beliau melihat cadangan kontrak alternatif yang sesuai ialah kontrak *al-ijārah mawṣūfah fī al-dhimmah*<sup>156</sup>. Ia merujuk kepada sebuah kontrak yang melibatkan pengambilan perkhidmatan seseorang untuk suatu tempoh masa tertentu sebagai pertukaran untuk servis yang telah dipersetujui sebelumnya. Kontrak ini berlaku pada servis yang akan dibeli atau digunakan pada masa akan datang seperti pembayaran tol dan sebagainya. Kontrak ini berlaku di antara PPE dengan *merchant*.

Dalam konteks *e-wallet*, pengguna melantik PPE sebagai wakil untuk melakukan kontrak *al-ijārah mawṣūfah fī al-dhimmah* pada servis yang akan datang daripada *merchant*. Namun demikian, *ijārah* atau servis ini belum jelas sepenuhnya kerana ia masih belum berlaku lagi.

Rajah 4.6. Carta Alir Proses kontrak *Al- Ijārah Mawṣūfah fi al-Dhimmah*



Sumber: Olahan Pengkaji.


<sup>156</sup> Fincyclopedia, “*Mawsufah fi al-Zhimmah*”, laman sesawang Fincyclopedia, dicapai 27 Januari 2023, <https://fincyclopedia.net/islamic-finance/m/mawsufah-fi-al-zhimmah>.

#### **4.5.2 Bay ‘Istijrar**

IF1 juga melihat *bay ‘istijrar*<sup>157</sup> sesuai untuk diguna pakai dalam operasi *e-wallet*. Secara umumnya, *bay ‘istijrar* merupakan sebuah kontrak di mana pembekal bersetuju untuk menghantar komoditi/item tertentu kepada pengguna secara berterusan pada suatu tempoh yang disepakati untuk suatu harga dan kaedah pembayaran yang dipersetujui. Kontrak jenis ini biasanya digunakan dalam suatu situasi di mana pembelian dibuat berulang kali daripada seorang penjual dalam suatu tempoh masa. Dalam bahasa mudah, *bay ‘istijrar* ialah suatu perjanjian pembelian ulang daripada suatu jual beli biasa.

Merujuk kepada konteks *e-wallet* pula, *bay ‘istijrar* boleh diaplikasikan ke dalam *e-wallet* dengan mewakilkan PPE untuk membeli barang mahupun servis dari waktu ke waktu bagi pihak pengguna. Urusan pembelian atau pembayaran dilakukan sepenuhnya oleh PPE mewakili pengguna. Pembelian ulang yang dilakukan pada *bay ‘istijrar* tersebut disamakan dengan servis pembelian yang dilakukan oleh PPE pada setiap kali pengguna menggunakan servis daripada PPE.

Rajah 4.7. Carta Alir Proses *Bay ‘Istijrar*



Sumber: Olahan Pengkaji.

<sup>157</sup> Fincyclopedian, “*Bay ‘Istijrar*”, laman sesawang Fincyclopedia, dicapai 27 Januari 2023, <https://fincyclopedia.net/islamic-finance/b/bay-istijrar>.

#### **4.5.3 *Wadi 'ah Yad Dhamānah***

IF2 berpendapat bahawa kontrak *wadi 'ah yad dhamanah* lebih sesuai dan selamat untuk diaplikasikan ke dalam operasi *e-wallet* berbanding kontrak *qard* yang terdedah kepada risiko *riba jarra naf'an*.

Dalam perbankan Islam, *wadi'ah*<sup>158</sup> ialah perjanjian amanah yang dibuat apabila pengguna mendepositkan wang di bank untuk tujuan simpanan dan pada masa yang sama bank menjamin pemulangan semula wang tersebut. Oleh sebab *wadi'ah* adalah amanah, pihak bank sebagai penerima deposit bertanggungjawab, sebagai penjamin atau penjaga, untuk membayar semula jumlah *wadi'ah* itu tadi. Walau bagaimanapun, bank boleh meminta kebenaran pengguna untuk menggunakan dana tersebut selagi mana dana tersebut masih disimpan di bank. Bank juga boleh menyimpan semua keuntungan yang diperoleh hasil daripada penggunaan dana tersebut, dan berdasarkan budi bicara bank juga boleh memberikan sebahagian daripada keuntungan tadi kepada pengguna dalam bentuk hibah (haddiah).

Dari sudut pandang *e-wallet* pula, apabila kontrak *wadi 'ah yad dhamanah* digunakan, duit pengguna dijamin dan terjaga keselamatannya. Tambahan, *wadi'ah* juga menjamin kewajipan PPE untuk memenuhi permintaan pada setiap kali pengguna ingin membuat pembayaran kepada *merchant* sekali gus memastikan hak pengguna dipenuhi dan terjamin.

Pada masa yang sama, apabila duit pengguna itu tadi ditakyifkan sebagai *wadi 'ah yad dhamanah* maka tiada halangan kepada PPE untuk menggunakan duit pengguna itu tadi bagi tujuan pelaburan seperti yang dibenarkan oleh BNM dan sebagainya. Hak yang

---

<sup>158</sup> Fincyclopedia, “*Wadi'ah Yad Dhamanah*”, laman sesawang Fincyclopedia, dicapai 27 Januari 2023, <https://fincyclopedia.net/islamic-finance/w/wadiyah-yad-dhamanah>.

diberikan kepada PPE untuk mengguna pakai dana pengguna tersebut datang daripada *dhamanah* (jaminan) yang diberikan.

Sementara itu, hasil pulangan yang terjana daripada pelaburan itu tadi menjadi hak milik PPE seratus peratus dan tidak lagi berkait dengan pengguna. Oleh yang demikian, apabila kontrak *wadi'ah* ini diguna pakai maka segala keuntungan yang terjana daripadanya tidak lagi menjadi isu *jarra naf'an* sekali gus dapat mengelakkan isu *riba* daripada berlaku. Oleh yang demikian, IF2 lebih cenderung untuk menggunakan *takyif wadi'ah yad dhamanah* dalam kontrak *e-wallet*.

#### **4.5.4 *Wakālah* dan *Ijarah al-Khadamāt***

IF3 pula berpendapat bahawa kontrak yang paling sesuai ialah gabungan kontrak *wakālah* dan juga *ijārah al- al-khadamāt*. Kontrak ini sama seperti yang dicadangkan oleh pihak MPS BNM, namun dengan pengecualian kontrak *qard*.

*Wakālah* merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejennya (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu mengenai perkara yang diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Dalam erti kata lain, sifat asal *wakālah* ialah pewakilan kuasa, atau memberi kebenaran, oleh prinsipal kepada ejen yang melayakkan ejen untuk mempunyai kewajipan fidusiari (amanah) terhadap prinsipal dalam apa jua perkara yang dia diberi kuasa untuk melakukannya.<sup>159</sup>

*Ijarah al-Khadamāt* pula merujuk kepada sebuah kontrak di mana penyedia perkhidmatan akan memberikan manfaat perkhidmatan kepada pembeli pada tarikh atau

---

<sup>159</sup> Bank Negara Malaysia , “*Wakalah*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/PD\\_Wakalah.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/PD_Wakalah.pdf).

masa yang akan datang mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan dipersetujui pada permulaan kontrak ijarah. Penyedia perkhidmatan bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan.<sup>160</sup>

Menurutnya penggunaan kontrak *qard* dan *wadi 'ah* kedua-duanya perlu dielakkan kerana boleh membuka pintu *riba*. Beliau berpendapat sedemikian kerana *qard* dan *wadi 'ah* ialah kontrak yang lebih menjurus kepada transaksi pinjaman (*loan*), manakala *e-wallet* pula adalah khusus untuk perkhidmatan pembayaran.

Beliau berpendapat bahawa apabila *qard* digunakan, maka ia boleh menatijahkan kepada dua keadaan, iaitu *qard* utama yang menjurus kepada *riba jarra naf'an*, dan juga *qard* yang bersifat sampingan. Apabila *takyif fiqhinya* ialah *qard*, maka kesemua hasil keuntungan yang dijana oleh pelaburan daripada *qard* itu tadi ialah milik PPE sepenuhnya.

Namun, beliau menekankan bahawa adalah lebih selamat untuk terus kekal dalam konsep *wakālah* berbanding *qard*. Tambahan, apabila *wakālah* digunakan, hak pemilikan dana yang diberikan oleh pengguna adalah kekal milik pengguna. Manakala bagi PPE pula, mereka bertanggungjawab untuk menjaga dana pengguna dengan sebaik mungkin.

PPE juga dibolehkan untuk mengguna pakai dana pengguna untuk membuat pelaburan dengan syarat yang ketat, seperti melabur di tempat yang dibenarkan oleh kerajaan sahaja seperti melabur di tempat yang bertaraf Aset Ringgit Cair Berkualiti Tinggi (*High Quality Liquid Ringgit Asset*) seperti deposit di institusi perbankan, sekuriti hutang yang dijamin oleh kerajaan, sekuriti hutang Cagamas dan sebagainya. Walaupun

---

<sup>160</sup> Fincyclopedia, “*Ijarah al-Khadamat*”, laman sesawang Fincyclopedia, dicapai 27 Januari 2023, <https://www.fincyclopedia.net/islamic-finance/i/ijarah-al-khadamat>.

pelaburan yang dilakukan di HQLRA masih berisiko, namun risikonya rendah dan amat sukar untuk berlaku kerugian atau kehilangan duit. Maka secara tak langsung PPE berupaya untuk memberi jaminan kepada pengguna sekiranya pengguna ingin membuat pengeluaran atau pembayaran duit pada bila-bila masa.

Konsep *tanazul* juga boleh digunakan dalam hal keuntungan pelaburan di atas. *Tanazul* berlaku apabila pengguna melepaskan hak mereka kepada PPE. Sebagai contoh, pengguna mewakalahkan duit kepada PPE. Kemudian PPE akan membuat pelaburan seperti yang dicadangkan oleh BNM. Sekiranya ada keuntungan, maka pengguna akan melakukan *tanazul* terhadap keuntungan tersebut.

#### **4.6 KESIMPULAN**

Sebagai penutup bagi bab ini, pengkaji dapat menyimpulkan beberapa perkara hasil analisis *riba* dan *gharar* yang dilakukan pada *e-wallet*. Secara umum, pengkaji mendapati bahawa risiko *riba* masih boleh berlaku dalam operasi *e-wallet*. Asas kepada pernyataan di atas adalah berdasarkan kepada beberapa perkara berikut;

1. Isu *riba qard jarra naf'an*,
2. Isu *riba* dana *e-wallet* dalam akaun konvensional,
3. Isu pembelian dan pembayaran emas menggunakan *e-wallet*.

Pertama, isu *riba* ini didasari oleh kaedah yang mengatakan sebarang *qard* yang memberi pulangan manfaat sebagai *riba*. Dalam hal ini, ada pendapat yang mengatakan bahawa isu *riba* tidak berlaku kerana status *qard* dalam kontrak *e-wallet* tersebut bersifat tidak sengaja dan sampingan sahaja. Perkara tersebut dibandingkan secara terus pada cara operasi *qard* yang berlaku pada bank dengan *qard* yang berlaku dalam *e-wallet*. Ada pendapat yang mengatakan bahawa *qard* yang diberikan pada *e-wallet* adalah semata-mata atas tujuan untuk membuat pembayaran barang dan servis, manakala *qard* yang berlaku pada operasi bank ialah khusus untuk tujuan simpanan dan mendapat pulangan faedah. Oleh yang demikian, walaupun kedua-dua situasi tersebut dilihat hampir sama namun ia membawa implikasi yang berbeza. Namun ada pendapat lain yang mengatakan bahawa status *qard* sama ada pada kontrak utama mahupun kontrak sampingan tidak memberikan hukum yang berbeza seperti mana yang berlaku pada kontrak BBA.

Selain itu, *uruf* juga berperanan dalam menentukan sesuatu kontrak itu sebagai kontrak utama atau sampingan sekali gus menentukan hukum terhadap subjek kajian. *Qard* boleh berlaku secara tidak sengaja dalam operasi bank seperti yang berlaku pada penggunaan bermalam deposit *tawarruq*. Selain itu, *uruf* yang berlaku dalam industri

juga melihat *e-wallet* sebagai sebuah tempat letak dana amanah dan bukan sebagai badan pembiaya. Tambahan, *uruf* juga menentukan bahawa tujuan sebenar pengguna menggunakan *e-wallet* ialah untuk mendapatkan servis daripada PPE dan bukannya atas dasar simpanan deposit seperti di institusi perbankan. *Uruf* juga melihat bahawa berlaku perbezaan pada cara pengiraan formula antara bank dengan *e-wallet* dalam menentukan formula untuk mengimbangi antara jumlah dana yang diambil daripada pengguna dengan kadar keuntungan yang ingin dijana. Oleh itu, *uruf* menjadi penentu dalam menentukan sama ada *qard* yang diberikan itu berstatus kontrak utama ataupun kontrak sampingan. Status ini akan menjadi penanda arah dalam meletakkan situasi kemungkinan berlakunya *riba* pada *e-wallet* melalui pemberian ganjaran yang diberikan.

Jadi, isu *qard* ini dilihat berhubung secara terus dengan manfaat, iaitu ganjaran yang diberikan oleh PPE kepada pengguna. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa ganjaran hanya diberikan apabila pengguna selesai melakukan transaksi pembayaran melalui *e-wallet*. Sekiranya pengguna hanya menambah nilai *e-wallet*, tiada ganjaran diberikan kepada pengguna. Dengan erti kata lain, ganjaran tersebut tidak diberi ketika dana masih berada di bawah kawalan PPE namun diberi setelah wang keluar daripada akaun pengguna. Namun terdapat juga ganjaran seperti baucar penghantaran percuma diberikan selepas pengguna menambah nilai *e-wallet* mereka. Walaupun hal ini nampak seperti manfaat yang diperoleh melalui *qard* yang diberikan, namun hakikatnya baucar tersebut hanya boleh digunakan selepas pembayaran pembelian barang dilakukan. Oleh itu ia masih dikira sama seperti situasi ganjaran-ganjaran yang lain tadi.

Selain itu, berdasarkan konsep **لَا يَتَعِينُ بِالنَّعْيِينَ**, duit bersifat neutral. Maka sekiranya berlaku percampuran dana pengguna dengan dana keuntungan PPE sekalipun ia tidak mengundang masalah kerana dana tersebut diasingkan mengikut rekod yang ada.

Oleh itu isu manfaat yang membawa kepada *riba* tidak berlaku kerana ganjaran yang diberi tidak berpunca daripada dana pengguna sendiri akan tetapi daripada dana keuntungan PPE.

Akhir sekali, hak pemberian ganjaran ialah hak PPE secara mutlak. Oleh yang demikian, tidak berlaku isu *riba* kerana kos pemberian ganjaran diambil daripada pendapatan PPE. Ganjaran-ganjaran tersebut juga diberi atas dasar hibah dan galakan untuk menarik minat pengguna untuk menggunakan servis yang ditawarkan oleh PPE. Oleh yang demikian, isu *riba* yang melibatkan pemberian manfaat atau ganjaran tidak berlaku dalam operasi *e-wallet*, kecuali sekiranya berlaku pemberian ganjaran yang bernilai wang yang eksklusif diberi sejurus sahaja pengguna menambah nilai tanpa membuat apa-apa transaksi pembayaran. Elemen *qard jarra naf'an* pada hal tersebut dilihat sangat jelas dan boleh membawa kepada isu *riba*.

Isu kedua pula menyentuh mengenai dana *e-wallet* yang disimpan dalam akaun konvensional oleh PPE. Dalam hal ini, perbuatan PPE telah mengakibatkan isu tidak patuh syariah kerana menjana *riba* hasil daripada dana yang diberi oleh pengguna. Namun, implikasi daripada perbuatan tidak tersebut tidak mempengaruhi status ‘*ain* dana pengguna mahupun dosa pahala pengguna itu sendiri. Hal ini disebabkan kontrak asal di antara pengguna dengan PPE hanya melibatkan kontrak pembelian perkhidmatan daripada PPE sahaja. Pengguna tidak bersalah kerana hal ini berada di luar kawalan mereka. Pada masa yang sama, ketiadaan garis panduan yang jelas dan status penyata kewangan yang tidak telus kepada umum juga menambah kesukaran pengguna dalam memilih PPE yang patuh syariah. Selain itu, turut didapati ada PPE yang menyediakan alternatif dan pilihan kepada pengguna dengan menyediakan akaun khas tambahan yang berstatus patuh syariah namun masih mengekalkan akaun utama yang berstatus

konvensional. Dalam hal ini, pengguna Muslim boleh memilih untuk menggunakan akaun khas tersebut, manakala bagi pengguna bukan Muslim boleh terus menggunakan akaun konvensional tersebut. Walaupun tidak berstatus patuh syariah, namun usaha PPE seperti ini dilihat lebih mesra syariah berbanding PPE lain yang masih kekal dengan akaun konvensional. Sebagai kesimpulan, pengguna tidak perlu risau sekiranya berlaku insiden tidak patuh syariah oleh PPE, namun adalah lebih baik untuk meninggalkan PPE yang tidak mempedulikan hukum syarak sekiranya masyarakat maklum tentang perkara tersebut.

Isu yang terakhir dalam perbincangan analisis *riba* ialah mengenai pembelian dan pembayaran emas menggunakan *e-wallet*. Umum mengetahui bahawa ada syarat khusus yang terikat dengan jual beli apabila melibatkan barang ribawi seperti emas. Dalam hal ini pengkaji mendapati bahawa tidak wujud masalah atau risiko *riba* sekiranya pembelian dan pembayaran emas dibuat terus melalui aplikasi *e-wallet*. Hal ini disebabkan dana yang digunakan untuk pembayaran tersebut ditolak terus daripada akaun pengguna terus kepada *merchant*, maka tidak berlaku unsur penangguhan pada transaksi pembayaran tersebut. Sekiranya pembelian emas melalui kad kredit Islamik dibenarkan maka penggunaan *e-wallet* untuk membuat pembayaran emas ialah lebih layak untuk dibenarkan.

Selain itu, sebagai tambahan, pengkaji merujuk semula jadual elemen *riba* daripada bab dua yang telah diringkaskan kepada beberapa perkara. Selain daripada elemen-elemen *riba* yang telah disebutkan dalam perbincangan pada awal bab ini, Jadual 4.6 ini turut digunakan sebagai panduan tambahan dalam mengenalpasti elemen-elemen *riba* yang mungkin wujud dalam *e-wallet* berdasarkan perbandingan secara langsung antara

*e-wallet* dengan aplikasi digital lain seperti *Forex* dengan pembelian emas secara dalam talian.

Jadual 4.6 Ringkasan Elemen *Riba* Daripada Bab Dua

Ringkasan Elemen <i>Riba</i> Daripada Bab Dua	<i>E-wallet</i>
1. <i>Rollover interest</i>	Tiada
2. <i>Leverage</i>	Tiada
3. <i>Overnight charge</i>	Tiada
4. <i>Bay' wa salaf</i>	Tiada
5. Syarat <i>taqābūd</i> tidak dipenuhi	Tiada
6. Syarat lani tidak dipenuhi	Tiada

Sumber: Olahan Pengkaji.

Merujuk kepada jadual di atas, pengkaji mendapati bahawa elemen *riba* yang wujud pada *Forex* seperti *rollover interest* (faedah gulung lampau), *leverage* (leveraj), *overnight charge* (caj bermalam) dan *bay' wa salaf* tidak wujud pada aplikasi *e-wallet*. Pada masa yang sama, pembelian emas secara dalam talian melalui *e-wallet* masih memenuhi syarat *taqābūd* dan lani. Hal ini disebabkan berlaku penolakan terus dana daripada *e-wallet* pengguna terus kepada *merchant* tanpa berlaku unsur penangguhan pada jual beli tersebut. Oleh itu, melalui panduan perbandingan di atas, pengkaji berpendapat bahawa isu *riba* tidak wujud pada aplikasi *e-wallet* ini.

Oleh yang demikian, berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa isu *riba* tidak berlaku dalam operasi *e-wallet*, melainkan sekiranya berlaku beberapa perkara seperti berikut:

- a) Berlaku ganjaran yang terlalu eksklusif pada tambah nilai yang dilakukan tanpa ada transaksi pembayaran melalui *e-wallet*.
- b) PPE masih menyimpan dana pengguna dalam akaun konvensional walaupun maklum akan arahan yang dikeluarkan oleh MPS BNM.

Selain itu, berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati wujud beberapa isu yang menjurus kepada kemungkinan berlakunya isu *gharar* dalam *e-wallet*. Antara isu yang menjadi perbahasan ialah berkenaan isu *gharar* yang berlaku dalam pembelian barang menggunakan *e-wallet*. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa isu *gharar* tidak berlaku pada hubungan yang berlaku di antara pengguna dengan PPE sekiranya terjadi masalah dalam urusan pembelian antara pengguna dengan *merchant*. Hal ini disebabkan urusan *wakālah* di antara pengguna dengan PPE telah selesai sepenuhnya. Namun demikian, PPE masih bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah yang berlaku dengan melakukan siasatan dan pemulangan semula wang pengguna jika didapati berlaku penipuan dan sebagainya.

Selain itu, isu *gharar* juga boleh berlaku apabila PPE sebagai wakil tidak mengetahui mengenai perincian barang yang dibeli oleh pengguna untuk dibayar kepada pihak *merchant*. Namun demikian, isu *gharar* dilihat tidak berlaku apabila *wakālah ammah* diaplikasikan pada isu ini. Dengan *wakālah ammah* ini, PPE diberi kebenaran secara umum untuk bertindak mewakili pihak pengguna.

Pada hal yang lain pula, pengkaji mendapati bahawa isu *gharar* juga boleh berlaku sekiranya PPE tidak amanah dalam menguruskan dana yang diperoleh daripada pengguna. Hal ini berlaku apabila PPE bertindak melebihi apa yang dibenarkan atau yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Selain itu, elemen-elemen yang tidak jelas pada struktur sesebuah kontrak juga boleh mencetuskan isu *gharar* dalam *e-wallet*. Antara contoh elemen-elemen tidak jelas adalah seperti fi atau surat perjanjian tidak lengkap atau bermasalah.

Namun demikian, berdasarkan perbincangan mengenai kontrak *wakil bi al-daf'* dalam hubungan antara pengguna dengan PPE, jelas bahawa kontrak *wakālah* bersifat *tabarru'at* dan tidak mengandungi elemen *gharar*.

Jadual 4.7 di bawah ini pula merupakan ringkasan elemen *gharar* daripada bab dua. Sama seperti Jadual 4.6 di atas, jadual ini dijadikan sebagai panduan tambahan dalam mengenalpasti elemen-elemen *gharar* yang mungkin wujud dalam *e-wallet* berdasarkan perbandingan secara langsung antara *e-wallet* dengan aplikasi digital lain seperti *Forex*, pembelian emas secara dalam talian dengan mata wang kripto.

Jadual 4.7 Ringkasan Elemen *Gharar* Daripada Bab Dua

Ringkasan Elemen <i>Gharar</i> Daripada Bab Dua	<i>E-wallet</i>
1. <i>Gharar</i> pada identiti broker platform.	Tiada
2. <i>Gharar</i> pada keabsahan undang-undang yang mengawal selia.	Tiada
3. <i>Gharar</i> pada kesahihan transaksi yang dilakukan.	Tiada
4. <i>Gharar</i> apabila spesifikasi atau perincian bagi emas yang dijual tidak didedahkan kepada pembeli.	Tiada
5. <i>Gharar</i> apabila tiada pengesahan atau jaminan bahawa emas yang dijual berada dalam pemilikan penjual.	Tiada
6. <i>Gharar</i> yang tinggi dalam pertukaran antara sesama Bitcoin mahupun wang fiat.	Tiada

Sumber: Olahan Pengkaji

Merujuk kepada jadual di atas, pengkaji mendapati bahawa elemen *gharar* yang wujud pada *Forex* seperti ketidaktahuan pada status identiti broker platform, keabsahan undang-undang yang mengawal selia dan juga kesahihan transaksi yang dilakukan tidak berlaku pada aplikasi *e-wallet*. Hal ini kerana setiap perkara yang berkaitan dengan *e-money* berada dalam kawal selia sepenuhnya oleh pihak BNM. Selain itu, bagi hal pembelian emas secara dalam talian melalui *e-wallet* pula, pengkaji melihat bahawa *e-*

*wallet* bebas daripada elemen *gharar*. Hal ini disebabkan bagi setiap transaksi pembelian yang dilakukan, pembeli terlebih dahulu akan dimaklumkan mengenai perincian barang seperti harga dan jenis emas dan juga jaminan bahawa emas tersebut berada dalam pemilikan penjual. PPE sebagai orang tengah akan memberi jaminan bahawa *merchant* menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PPE. Manakala bagi mata wang kripto pula, hal *gharar* yang tinggi seperti dalam pertukaran antara sesama Bitcoin mahupun wang fiat tidak berlaku di dalam *e-wallet*. Hal ini kerana *e-wallet* hanya beroperasi dengan *e-money* semata-mata sekaligus menafikan apa-apa pertukaran jenis mata wang di dalam *e-wallet*. Oleh itu, melalui panduan perbandingan di atas, pengkaji berpendapat bahawa isu *gharar* tidak wujud pada aplikasi *e-wallet* ini.

Maka sebagai kesimpulan, pengkaji berpendapat bahawa kemungkinan *gharar* untuk berlaku pada aplikasi *e-wallet* ialah agak kecil, dan sekiranya ada ia berlaku disebabkan hal-hal yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, *gharar* yang sedikit boleh diterima dan dimaafkan pada syarak.

Walaupun pengkaji telah membahaskan mengenai isu-isu yang melibatkan elemen riba dan *gharar* secara terperinci dalam bab dua dan mengeluarkan ringkasan panduan perbandingan bagi elemen-elemen tersebut, namun pengkaji ingin menekankan bahawa ringkasan panduan perbandingan tersebut tidak semestinya terguna pakai atau boleh dijadikan panduan sepenuhnya ke atas aplikasi *e-wallet*. Hal ini disebabkan kerangka operasi dan fungsi *e-wallet* berbeza dengan urus niaga bagi emas, *Forex*, dan juga mata wang kripto. Sifat utama *e-wallet* ialah sebagai sebuah aplikasi yang menyimpan wang. Ia tidak sama seperti *Forex* yang berniaga wang, atau terikat dengan syarat jual beli emas mahupun pelaburan mata wang kripto.

Sebagai penutup, pengkaji menyimpulkan beberapa perkara sebagai ringkasan bagi perbincangan di atas. Pertama, pengkaji melihat bahawa risiko *riba* dalam operasi *e-wallet* ialah agak kecil untuk berlaku dengan mengambil kira bahawa isu *riba* tersebut berlaku disebabkan kelemahan pihak PPE dalam menguruskan dana pengguna. Pada masa yang sama pengguna tidak menanggung dosa *riba* sekiranya isu *riba* benar-benar berlaku. Kedua, pengkaji menyimpulkan bahawa *gharar* tidak berlaku dalam operasi *e-wallet* melainkan sekiranya berlaku perlanggaran syarat atau mandat yang dipersetujui kedua-dua belah pihak. Kontrak *tabarru'at* seperti *wakālah* juga menafikan *gharar* daripada berlaku kerana tidak berlaku apa-apa transaksi pertukaran dalam kontrak tersebut seperti mana yang berlaku pada kontrak *mu'awadhat*.

Daripada perbincangan mengenai isu *riba* dan *gharar* serta modus operandi *e-wallet* di Malaysia, pengkaji dapat mengenal pasti masalah-masalah syariah yang didakwa berlaku pada operasi *e-wallet*. Namun rentetan daripada perkara tersebut, ia dilihat sebagai satu langkah penambahbaikan kepada operasi dan pengurusan *e-wallet* secara amnya supaya isu-isu syariah seperti isu *riba* dan *gharar* dapat dielakkan atau bertemu jalan penyelesaian pada masa hadapan. Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian yang telah dibentangkan, pengkaji menyimpulkan bahawa objektif kajian ketiga iaitu menganalisis kemungkinan isu *riba* dan *gharar* pada aplikasi *e-wallet* telah dicapai.

## BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN

### 5.1 Pendahuluan

Pada bab kelima ini, pengkaji akan membuat rumusan ringkas berdasarkan keseluruhan kajian yang telah dibuat. Hasil dapatan kajian ini terhasil berasaskan daripada tiga objektif kajian yang dijadikan sebagai pemandu arah dalam perlaksanaan kajian. Berdasarkan dapatan kajian itu tadi, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan sebagai langkah penambahbaikan pada kajian yang telah dijalankan. Cadangan ini dianjurkan sebagai sebuah anjakan paradigma agar isu-isu yang berbangkit itu tadi dapat dielakkan secara total untuk kebaikan umat Islam pada masa akan datang sekali gus membentuk masyarakat Islam yang celik teknologi dan tidak ketinggalan zaman.

### 5.2 Rumusan

Perkaitan yang berlaku antara ekonomi Islam dengan penggunaan teknologi seperti *e-wallet* yang dijadikan sebagai alat pembayaran ialah suatu perbincangan yang luas dan menarik untuk dikaji. Hal ini disebabkan kajian yang menggandingkan ekonomi Islam dengan teknologi *e-wallet* ini dilakukan sebagai sebuah manifestasi untuk memenuhi tuntutan *fardu kifayah* dan tanggungjawab sosial sebagai seorang Muslim. Pada hari ini dengan kepesatan kemajuan teknologi, sistem pembayaran berkembang pesat daripada pembayaran secara tunai kepada perkembangan pembayaran berteknologi seperti aplikasi *e-wallet*. Namun demikian, perkara baru akan membawa isu-isu baru bersamanya. Oleh itu, jalan penyelesaian haruslah dicari untuk meleraikan permasalahan yang timbul supaya umat Islam boleh bermuamalah dengan selesa tanpa ada kerisauan.

Isu *riba* dan *gharar* yang dibawa ke dalam kajian ini bukanlah suatu perkara yang baru lagi. Sekiranya ia tidak digarap dengan cara yang betul, masalah yang lebih besar akan timbul lagi-lagi apabila ia melibatkan elemen yang boleh membantalkan dan

merosakkan transaksi yang membawa kepada hukum halal dan haram dalam urusan muamalat sehari-hari. Oleh yang demikian, hal ini menarik minat pengkaji untuk melakukan kajian dengan lebih mendalam terhadap dakwaan dan kemungkinan berlakunya isu tidak patuh syariah dalam operasi *e-wallet*.

Rentetan daripada perkara tersebut, pengkaji berharap agar dapatan kajian ini mampu untuk menjernihkan kekeliruan masyarakat dan secara tidak langsung menjadi rujukan kepada pelbagai pihak lain seperti para pemain industri, pembuat polisi dan juga pengkaji-pengkaji yang lain. Secara ringkasnya, hala tuju arah kajian ini dipandu oleh persoalan dan objektif kajian yang harus dijawab dan dipenuhi.

Objektif kajian pertama adalah berkenaan isu *riba* dan *gharar* yang berlaku pada aplikasi digital. Oleh yang demikian, persoalan kajian untuk objektif kajian pertama ini ialah apakah isu *riba* dan *gharar* yang ada pada aplikasi digital harus dijawab. Tujuan objektif ini dilakukan adalah untuk meninjau terlebih dahulu isu *riba* dan *gharar* yang berlaku dalam aplikasi digital sebelum melihat dengan lebih mendalam kepada *e-wallet* sebagai subjek kajian.

Dalam objektif ini, pengkaji akan terlebih dahulu menjelaskan mengenai konsep *riba* yang meliputi definisi *riba* dari sudut bahasa dan istilah, dalil pengharaman *riba*, jenis-jenis *riba* dan juga perbezaan pendapat tentang *Illah riba*. Kemudian, pengkaji menerangkan pula tentang konsep *gharar* yang meliputi definisi *gharar* dari sudut bahasa dan istilah, dalil larangan *gharar*, hukum-hukum mengikut keadaan *gharar*, dan kemudian ditutup dengan garis panduan *gharar* yang dimaafkan. Tujuan subtopik di atas ditulis ialah untuk mengenali dengan lebih lanjut mengenai *riba* dan *gharar* yang menjadi fokus utama kajian. Sebagai penutup bagi objektif pertama ini, pengkaji meneruskan penulisan dengan isu *riba* dan *gharar* yang berlaku pada aplikasi digital berserta contoh

isu-isu yang berkaitan. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa isu *riba* dan *gharar* boleh berlaku dalam aplikasi digital seperti pada perdagangan pertukaran mata wang asing (*Forex*) oleh individu secara lani, pembelian emas dalam talian dan juga mata wang kripto.

Setelah meneliti konsep *riba* dan *gharar* secara ringkas pada objektif pertama tadi, dalam objektif kedua pula pengkaji mengkaji mengenai modus operandi *e-wallet* di Malaysia yang melibatkan konsep *e-money*, konsep *e-wallet* dan hubungan pelbagai pihak yang terlibat dalam operasi *e-wallet*.

Bagi mencapai objektif ini, pengkaji terlebih dahulu menjelaskan mengenai perbezaan yang berlaku antara *e-money* dengan wang digital berserta penerbit-penerbit *e-money* di Malaysia sama ada daripada kumpulan entiti bank mahupun non-bank. Kemudian, pengkaji menyambung perbahasan mengenai skim *e-money* yang meliputi perbincangan mengenai had saiz *purse*, jumlah liabiliti terkumpul dan pengurusan dana bagi skim *e-money* berskala besar dan kecil. Perbahasan *e-money* ditutup dengan hubungan antara *e-money* dan *e-wallet* berserta perbandingan kedua-duanya, dan juga deklarasi status penerbit *e-money* dan penyedia *e-wallet* di Malaysia. Melalui susunan pelbagai subtopik dalam konsep *e-money* ini, kefahaman yang lebih mendalam mengenai asas kepada *e-money* melalui fungsi-fungsi dan hal-hal lain yang berkaitan dapat dicapai.

Berhubung konsep *e-wallet* pula, pengkaji membincangkan mengenai jenis-jenis dan model-model *e-wallet*, metode tambah nilai *e-wallet*, proses *Electronic Know Your Customer* (eKYC) atau proses pengesahan diri pengguna dan juga jenis-jenis ganjaran yang diberikan oleh PPE kepada pengguna. *E-wallet* dikiaskan kepada dompet untuk mengisi wang, manakala wang yang diisi ke dalam dompet itu tadi ialah *e-money*.

Kemudian pada bahagian terakhir bagi objektif kedua ini, pengkaji menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai hubungan yang berlaku antara pihak-pihak yang bertransaksi dalam operasi *e-wallet*. Dalam hal ini, terdapat tiga pihak yang saling berkait rapat dalam operasi *e-wallet*, iaitu pengguna *e-wallet*, penerbit *e-money* atau penyedia *e-wallet*, dan yang terakhir ialah *merchant*. Secara ringkasnya, pengguna melantik PPE sebagai orang tengah untuk menyalurkan duit pembayaran kepada *merchant*, dan pada masa yang sama juga *merchant* menggunakan perkhidmatan PPE untuk menerima pembayaran daripada pengguna.

Objektif ketiga ini pula merupakan hasil gabungan perbincangan yang berlaku pada objektif satu dan dua, iaitu untuk menganalisis kemungkinan berlakunya isu *riba* dan *gharar* pada aplikasi *e-wallet*. Pengkaji memulakan objektif ketiga ini dengan menjelaskan kontrak yang berlaku dalam hubungan antara pengguna, PPE dan juga *merchant*. Dalam hal ini, secara umumnya kontrak *wakālah* digunakan dalam operasi *e-wallet* di mana hubungan pengguna dengan PPE mengguna pakai kontrak *wakil bi al-daf'i* manakala hubungan *merchant* dengan PPE mengguna pakai kontrak *wakil bi al-ujrah*. Kontrak *wakālah* ini merupakan sebuah kontrak servis yang berasaskan kepercayaan yang diberikan oleh pengguna dan *merchant* terhadap PPE.

Dalam penulisan analisis *riba* dalam *e-wallet*, pengkaji membincangkan mengenai isu *qard* yang berlaku dalam *e-wallet*. Isu *qard* boleh berlaku sekiranya PPE mengguna pakai dana yang disimpan oleh pengguna dalam *e-wallet* untuk tujuan selain pembayaran kepada *merchant*. Secara umumnya, risiko *riba* boleh berlaku sekiranya ada unsur *qard* pada struktur kontrak yang dijalankan. Antara *riba* yang paling hampir untuk berlaku adalah seperti *riba qard* yang disebabkan oleh penggunaan dana oleh PPE dan kemudian ganjaran yang disediakan oleh PPE itu berbentuk eksklusif kepada pengguna di atas *qard*.

yang diberikan. Selain itu, isu *qard* juga boleh terjadi sama ada pada struktur kontrak utama mahupun pada kontrak sampingan. Ada pendapat yang mengatakan bahawa *qard jarra naf'an* tidak berlaku pada kontrak sampingan kerana ia bersifat tidak sengaja, berbeza berbanding dengan kontrak utama di mana *qard* menjadi tujuan utama kontrak tersebut. Namun demikian, ada juga pendapat lain yang mengatakan bahawa kontrak yang dilaksanakan sama ada utama atau sampingan tiada perbezaan dan mempunyai sudut kesan hukum yang sama. Dalam erti kata lain, isu *riba* masih boleh berlaku pada kontrak sampingan. Dalam konteks *e-wallet* pula, pengkaji mendapati bahawa *qard* yang berlaku pada operasi *e-wallet* bersifat sampingan sahaja, kerana tujuan utama pengguna menambah nilai dalam *e-wallet* ialah untuk menggunakan servis pembayaran yang disediakan oleh PPE dan bukannya untuk mengembangkan nilai dana yang ditambah nilai melalui pulangan manfaat seperti yang berlaku pada operasi bank.

Selain itu, situasi *uruf* juga dilihat berperanan penting dalam menentukan status *qard* dalam sesebuah kontrak sama ada ia bersifat utama atau sampingan sekali gus menentukan hukum terhadap subjek perbincangan. Pengkaji memberikan beberapa contoh situasi *uruf* seperti *uruf* berkaitan *incidental qard tawarruq* di institusi perbankan, *uruf* berkaitan *qard* dan dana amanah pengguna, perbandingan *uruf e-wallet* dengan *al-rahnu* dan juga *uruf* berkaitan cara pengiraan formula untuk mengimbangi antara jumlah dana yang diambil daripada pengguna dengan kadar keuntungan yang ingin dijana oleh PPE. Bertitik tolak daripada perbincangan *uruf* tersebut, pengkaji dapat membuat kesimpulan mengenai beberapa perkara. Pertama, *incidental qard* melalui *overnight use* boleh berlaku pada deposit *tawarruq* dalam operasi bank. Namun demikian, hal tersebut dibolehkan kerana ia tidak disengajakan untuk berlaku dan juga mengambil kira halangan dan kesukaran yang tidak dapat dielakkan atau *uruf* perniagaan (*uruf tijari*) seperti gangguan servis, penutupan pejabat dan sebagainya. Kedua, *uruf* yang berlaku dalam

industri melihat *e-wallet* sebagai sebuah tempat letak dana amanah dan bukan sebagai badan pembiaya. Oleh yang demikian, kelonggaran diberikan berdasarkan *uruf* tersebut. Ketiga, *uruf* kontrak sampingan yang berlaku pada *e-wallet* melalui perbandingan pada *al-rahnu*. Dalam hal ini, dalam urusan *al-rahnu*, *rahnu* sebagai kontrak sampingan mengikut hukum *qard* yang asal sekali gus menjadikan hukumnya haram berdasarkan *riba qard* yang berlaku. Namun hal yang berbeza berlaku pada kontrak sampingan *e-wallet* di mana ganjaran masih diterima oleh pengguna di atas tambah nilai dan langganan yang dilakukan. Namun begitu, jelas tujuan sebenar pengguna ialah untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh PPE, bukannya untuk tujuan melakukan deposit simpanan dan sebagainya. *Uruf* yang keempat pula membincangkan mengenai perbezaan *uruf* yang berlaku antara bank dan *e-wallet* dalam menentukan cara pengiraan formula untuk mengimbangi antara jumlah dana yang diambil daripada pengguna dengan kadar keuntungan yang ingin dijana. Namun, *uruf* yang berlaku sama ada kompleks atau tidak, ia masih berbasis sama dengan bank iaitu mengambil, menyimpan dan menjana pendapatan daripada wang pengguna.

Perbincangan mengenai analisis *riba* diteruskan dengan isu penyimpanan dana *e-wallet* dalam akaun konvensional oleh pihak PPE. Sekiranya dana tersebut dimasukkan ke dalam akaun konvensional, dana yang disimpan akan membawa faedah dan menghasilkan *riba*. Perbuatan PPE tersebut mencetuskan isu tidak patuh syariah kerana menjana *riba* hasil daripada dana yang diberi oleh pengguna. Namun demikian, pengkaji mendapati bahawa ‘*ain* dana pengguna tidak berubah menjadi haram dan dalam pada masa yang sama tidak memberi kesan hukum tersebut kepada pengguna. Hal ini disebabkan kontrak persetujuan yang dipersetujui antara pengguna dengan PPE ialah kontrak untuk menggunakan perkhidmatan PPE semata-mata. Adapun isu tidak patuh

syariah yang dilakukan oleh PPE itu tadi tidak mempengaruhi status pengguna dan hanya melibatkan PPE sahaja.

Seterusnya pengkaji membincangkan mengenai pembelian dan pembayaran emas menggunakan *e-wallet*. Dalam hal ini, pengkaji mendapati bahawa pembayaran emas melalui *e-wallet* tidak menjadi masalah dan tidak menjurus kepada isu *riba*. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, para informan berpendapat sekiranya jual beli emas menggunakan kad kredit Islamik dibenarkan, maka penggunaan *e-wallet* lebih layak untuk dibenarkan. Hal ini disebabkan dana yang digunakan untuk pembayaran emas tersebut ditolak terus daripada akaun *e-wallet* pengguna dan tidak mempunyai unsur berhutang seperti yang berlaku pada kontrak pengguna kad kredit Islamik dengan bank Islam.

Akhir sekali untuk analisis *riba* dalam *e-wallet*, pengkaji mengetengahkan isu ganjaran yang berlaku dalam *e-wallet*. Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji dapat merumuskan beberapa perkara berkaitan isu ganjaran ini. Pertama, pengkaji mendapati bahawa isu *jarra naf'an* tidak berlaku kerana pengguna hanya menerima ganjaran selepas transaksi pembayaran berjaya dilakukan. Dalam erti kata lain, ganjaran yang diberikan ialah natijah kepada transaksi yang dilakukan dan bukan semata-mata kerana *qard* yang diberikan.

Kedua, rentetan daripada hal tadi, pengkaji melihat bahawa manfaat yang diperoleh bukanlah manfaat daripada wang berbaki dalam akaun pengguna akan tetapi manfaat yang didapati daripada pengeluaran dana yang dilakukan.

Ketiga, pengkaji mendapati tidak berlaku masalah sekiranya berlaku percampuran dana milik pengguna dengan dana keuntungan hasil pelaburan PPE di dalam akaun

amanah PPE. Hal ini disebabkan duit tidak menjadi halal atau haram kerana kewujudan fizikalnya akan tetapi ditentukan kerana nilainya. Dalam erti kata lain, sekiranya berlaku percampuran duit daripada sumber yang berbeza di dalam sebuah akaun amanah sekalipun ia tidak menjadi masalah dengan syarat ia digunakan dengan nilai yang sama berdasarkan rekod yang disimpan. Oleh yang demikian, secara tidak langsung wang tersebut harus untuk digunakan mengikut keperluan PPE.

Keempat, pemberian ganjaran yang diberikan ialah bersumberkan keuntungan yang dijana oleh PPE dan merupakan hak PPE secara mutlak. Ganjaran tersebut juga diberi atas dasar hibah dan galakan untuk menarik pengguna menggunakan servis mereka dan kos pemberian ganjaran tersebut diambil daripada keuntungan PPE.

Akhir sekali, sesetengah ganjaran seperti baucar penghantaran percuma diberi sebelum transaksi pembayaran dilakukan. Namun berdasarkan dapatan pengkaji, baucar tersebut tidak sah digunakan selagi mana transaksi pembayaran belum dilakukan. Oleh yang demikian, jelas bahawa duit *qard* yang berbaki di dalam akaun *e-wallet* pengguna itu tidak terikat dengan baucar penghantaran percuma yang diberikan sekali gus menafikan isu *jarra naf'an* yang berlaku.

Pengkaji memulakan analisis *gharar* dalam *e-wallet* dengan menjelaskan konsep *wakil bi al-daf'* yang digunakan dalam kontrak *e-wallet*. Kemudian pengkaji membahaskan situasi-situasi yang boleh menyebabkan *gharar* pada operasi *e-wallet* seperti isu *gharar* dalam proses pembayaran menggunakan *e-wallet*, isu *gharar* dalam pengurusan dana dan juga isu elemen-elemen tidak jelas pada operasi *e-wallet*.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama beberapa orang informan, pengkaji menyimpulkan beberapa kontrak alternatif lain yang boleh diguna pakai dalam

operasi *e-wallet* selain *wakālah*. Antara kontrak yang dicadangkan oleh informan ialah seperti *al-ijārah mawṣūfah fi al-dhimmah*, *bay’ istijrar*, *wadi’ah yad dhamanah* dan gabungan *wakālah* dan *ijārah al-khadamāt*. Namun demikian, kesemua informan bersetuju dengan menghormati keputusan yang telah diputuskan oleh MPS BNM.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji menyimpulkan bahawa isu *riba* boleh berlaku dalam beberapa keadaan seperti yang dinyatakan di atas. Namun realiti pada hari ini, berdasarkan kepada interpretasi pengkaji, kemungkinan untuk isu *riba* berlaku dalam operasi *e-wallet* ialah agak kecil. Manakala untuk isu *gharar* pula kemungkinan untuk ia berlaku dalam *e-wallet* ialah agak kecil atau mungkin tidak berlaku. Sekiranya ada, ia mungkin sekadar pada tahap *gharar yasīr* sahaja dan dimaafkan syarak.

### **5.3 Cadangan**

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan sebagai suatu alternatif penambahbaikan terhadap operasi *e-wallet* khususnya daripada aspek yang boleh menimbulkan isu tidak patuh syariah seperti isu *riba* dan *gharar*. Cadangan yang dikemukakan adalah kepada pemain industri yang menyediakan perkhidmatan *e-wallet* di Malaysia, para pembuat polisi dan juga para pengkaji yang lain.

#### **5.3.1 Cadangan kepada Penyedia Perkhidmatan *E-wallet***

##### **a) Pelantikan Panel Penasihat Syariah**

Antara langkah utama yang perlu diambil oleh PPE yang ingin beroperasi secara patuh syariah ialah dengan melantik Panel Penasihat Syariah (PPS). PPS bertanggungjawab dalam memastikan semua aktiviti dan transaksi yang ditawarkan kepada pengguna dan *merchant* dikawal selia dengan baik dan mematuhi prosedur syariah yang ditetapkan. Dalam hal ini, pihak BNM bertanggungjawab untuk menentukan kriteria dan syarat

pelantikan PPS untuk diselaraskan dan diikuti oleh PPE yang berminat. Kriteria dan syarat yang bersesuaian adalah perlu untuk menjamin PPS yang dilantik mempunyai kelayakan yang setara dengan fungsi dan tanggungjawab yang diberikan. Sudah tentu, dengan pelantikan PPS ini, keyakinan dan kepercayaan pengguna khususnya umat Islam terhadap PPE akan bertambah sekali gus menggalakkan lagi penggunaan *e-wallet* dalam kalangan masyarakat.

**b) Mewujudkan Mekanisme Tapisan Syariah ke atas Syarikat Merchant**

Selain itu, PPE juga bertanggungjawab untuk melakukan tapisan syariah kepada *merchant* yang memohon untuk menjadi rakan kerjasama strategik sebagai penjual di platform *e-wallet*. Hal ini dilakukan untuk mengelakkan berlakunya transaksi tidak patuh syariah hasil penawaran barang dan servis yang tidak patuh syariah kepada pengguna. PPE boleh menjadikan tapisan syariah ini sebagai sebuah *Standard Operating Procedure* (SOP) dalam proses pemilihan *merchant* agar kerjasama dengan syarikat *merchant* yang menawarkan barang yang tidak halal dan tidak patuh syariah boleh dielakkan pada masa akan datang.

**5.3.2 Cadangan kepada Pembuat Polisi**

**a) Parameter dan Garis Panduan Syariah berkaitan *E-wallet***

BNM selaku sebuah badan yang mengawal selia *e-money* perlu menyediakan sebuah parameter dan garis panduan yang khusus berkaitan *e-wallet* sebagai penambahan kepada garis panduan *e-money* yang sedia ada. Penyelarasan pelaksanaan parameter dan garis panduan tersebut pada peringkat nasional juga diperlukan agar ia dapat disesuaikan dan dilaksanakan oleh semua PPE di Malaysia. Tambahan, parameter dan garis panduan tersebut juga perlu menyatakan dengan jelas perbezaan yang berlaku antara *e-money* dengan *e-wallet*. Hal ini disebabkan wujudnya pelbagai kategori penyedia perkhidmatan

seperti penyedia *e-money* sahaja, penyedia *e-wallet* sahaja, mahupun penyedia yang menyediakan kedua-dua perkhidmatan tersebut. Parameter dan garis panduan tersebut juga boleh menjadi rujukan kepada *merchant* dan pengguna yang terlibat secara tidak langsung dengan operasi *e-wallet*. Antara cadangan yang sesuai distrukturkan ke dalam parameter dan garis panduan tersebut adalah seperti kemasukan dana tambah nilai *e-money* melalui akaun amanah patuh syariah dan kad kredit Islamik, peletakan dana pengguna ke dalam akaun amanah patuh syariah oleh PPE, dan tempat pelaburan patuh syariah.

Dari sisi pengguna, pengguna dinasihatkan untuk membuat proses tambah nilai tersebut melalui akaun amanah patuh syariah mahupun melalui kad kredit Islamik agar ia bebas daripada unsur tidak patuh syariah. Manakala dari sisi PPE pula, PPE haruslah menyimpan dana yang diberi oleh pengguna dalam akaun amanah di institusi Perbankan Islam sekali gus mengelakkan risiko *riba* seperti di institusi perbankan konvensional. Selain itu, garis panduan ini hanya membenarkan PPE untuk membuat pelaburan di tempat atau instrumen yang patuh syariah sahaja. Hal ini haruslah dimaklumkan kepada pengguna dan dinyatakan secara jelas oleh PPE di dalam surat perjanjian mahupun klausa terma dan syarat di antara PPE dengan pengguna. Ketelusan dan integriti yang ditunjukkan oleh PPE ini sudah tentu melegakan hati pengguna dan menambah keyakinan pengguna untuk terus menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh PPE.

#### **b) Pemberian status dan label “Patuh Syariah” kepada PPE**

Pihak BNM juga boleh memberikan status dan label “Patuh Syariah” kepada mana-mana PPE yang mematuhi garis panduan syariah yang telah ditetapkan oleh BNM, sepertimana logo Halal yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM. Status dan label tersebut merupakan kelulusan dan perlesenan khas kepada PPE yang memilih untuk menawarkan

perkhidmatan patuh syariah. Walau bagaimanapun, bagi PPE lain yang memilih untuk kekal dalam sistem konvensional, mereka masih dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa. Hal ini boleh dikiaskan kepada situasi yang berlaku pada institusi perbankan di mana wujud bank yang menawarkan perbankan konvensional dan juga perbankan Islamik. Pada masa yang sama, dengan status dan label “Patuh Syariah” ini juga ia boleh mengelakkan kekeliruan dan memudahkan pengguna untuk membuat pilihan PPE yang menawarkan perkhidmatan patuh syariah.

### **5.3.3 Cadangan kepada para Pengkaji**

Sebagai cadangan untuk kajian yang akan datang, pengkaji mencadangkan agar skop kajian *riba* dan *gharar* ini diperluaskan lagi kepada teknologi *fintech* atau aplikasi digital yang lain. Pengkaji yakin dengan perkembangan teknologi yang pesat setiap hari, perkara baru yang melibatkan teknologi akan muncul bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Oleh yang demikian, kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan awal oleh pengkaji lain untuk melakukan kajian lain selepas ini.

### **5.4 Penutup**

Sepanjang kajian berlangsung, pengkaji mengakui terdapat kesukaran dan kekurangan pada pihak pengkaji untuk menjelaskan dengan sempurna kehendak kajian yang ingin dicapai iaitu analisis kemungkinan berlakunya *riba* dan *gharar* pada aplikasi *e-wallet* daripada perspektif pengguna. Sudah tentu, pelbagai aspek perlu diambil kira dan diperhalusi dalam setiap perbahasan yang dilakukan. Oleh yang demikian, berdasarkan data kajian yang diperoleh, proses analisis dilakukan dengan sebaik mungkin agar setiap persoalan kajian dapat dijawab dengan sempurna.

Selain itu, cadangan-cadangan yang diberikan bukanlah suatu paksaan mahupun sebuah jalan penyelesaian yang terbaik, namun diharapkan ia mampu untuk membuka

mata dan memandu arah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam industri *e-wallet* ini untuk memainkan peranan masing-masing agar penggunaan *e-wallet* ini mesra dan patuh syariah sepenuhnya.

Akhir sekali, pengkaji berharap agar lebih banyak kajian terutamanya dari sudut pandang syariah terhadap *e-wallet* atau subjek yang berasaskan teknologi dilakukan dan diperkembangkan lagi pada masa hadapan. Dalam mendepani zaman yang dipengaruhi oleh perkembangan teknologi dari segenap aspek, maka umat Islam tidak patut ketinggalan dalam arus globalisasi ini dek keterhadan atau ketiadaan garis panduan syariah yang jelas dalam berinteraksi dengan perkara-perkara yang baru seperti *e-wallet*. Oleh yang demikian, kajian-kajian sebegini hadir untuk memberi panduan dan sumbangsan kepada pihak berwajib dalam menyantuni dan mengharmonikan isu syariah seperti *riba* dan *gharar* pada aplikasi digital seperti *e-wallet*. Semoga kajian ini bermanfaat untuk semua.

## BIBLIOGRAFI

### Buku

- ˋAbd Karim Zaydan, “*al-Madkhal li al-Dirasah al-Shari`ah al-Islamiyyah*”, (Baghdad: Matba`ah al-`Aani, 1969).
- Abdul Azhim Badawi, “*Al-Waaji Fi Fiqhu Sunnah wa Kitab Al-Aziz*”, (T.tp: Dar Ibnu Rajab, 1416H), 332.
- ˋAbdullah Ibn Ahmad Ibn Qudāmah, *al-Mughnī* (Riyāḍ: Dār ‘Alam al-Kutub, 1997), 4: 5.
- Abdurrahman bin Nashir As-Sa’di, Tahqiq Asyraf Abdulmaqshud, “*Bahjah Qulub Al-Abrar wa Qurratu Uyuuni Al-Akhyaar Fi Syarhi Jawaami Al-Akhbaar*”, (Dar Al-Jail, 1992), 164.
- Abu al A’la al Mawdudi, “*Interest*”, (T.tp: t.p, t.t), 1:33.
- Abū Bakr Ibn Mas‘ūd al-Kāsānī, *Baqā'i al-Šanā'i fī Tartīb al-Syarā'i*, (Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1986), 5: 183-184.
- Afzal ur Rahman, “*Economics Doctrine of Islam*”, (Lahore: Islamic Publications Ltd., 1975), 3:69.
- Aḥmad Ibrāhīm Daradikah, “*Nazariyyah al-Gharar fi al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*”, (Ammān: Wizarāh al-Auqāf wa Shu'ūn wa al-Muqaddasāt al-Islāmiyyah, 1973), 97.HR Muslim, *Kitab Al-Buyu, Bab : Buthlaan Bai Al-Hashah wal Bai Alladzi Fihi Gharar*, (T.tp: t.p, t.t), 1513.
- Ahmad Sunawari Long, “*Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*”, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015).
- Al-Mughnī*, (T.tp: t.p, t.t), 4:249.
- Al-Bujayrimi*, “*al-Bujayrimi ala al-Khatib*”, (T.tp: t.p, t.t), 3:55.
- Al-Majmuk Syarah al-Muhazzab*, (T.tp: t.p, t.t), 113.
- Al-Suyuti*, “*al-Asybah wa al-Naza'ir*”, (T.tp: t.p, 1983), 409.
- Bank Negara Malaysia, “*Financial Sector Blueprint 2011–2020*”, (Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, Cetakan Pertama, 2011).
- Chua Yan Piaw, “*Kaedah Penyelidikan*”, (Kuala Lumpur: McGraw Hill, 2006).
- Ibn ‘Ābidin, (T.tp: t.p, t.t), 4:176.
- Ibn Qayyim, “*Zad al-ma'ad*”, (T.tp: t.p, t.t), 4:267.
- Kashshāf al-Qinā'*, (T.tp: t.p, t.t), 3:251.
- Kifāyah al-Tālib*, (T.tp: t.p, t.t), 2:99.
- Majmu Fatawa*, (T.tp: t.p, t.t), 29:22.
- Majmuah al-Fawaid al-Bahiyyah*, (T.tp: t.p, t.t) , 1:112.

- Marohaini Yusoff, “*Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*”, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 123.
- Mughnī al-Muhtāj*, (T.tp: t.p, t.t), 2:21.
- Muhammad Beltaji Hasan, “*Al-Milkiyyah al-Fardiyah fi al-Nizam al-Iqtisadi al-Islami*”, (Kaherah: Maktabah al-Syabab, 1988), 202-203.
- Muhammad Ibn Ahmad al-Qurtubī, *al-Jāmi‘ li ‘Akhām al-Qur’ān*, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 3: 348.
- Muhammad Ibn Ahmad al-Ramlī, *Nihāyat al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1984), 3: 424.
- Rasid Mail, Raman Nordin, “*Penyelidikan Peringkat Sarjana: Pendekatan Kualitatif Sebagai Alternatif*”, (Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2016), 97-98.
- Sarah J. Tracy, “*Qualitative Research Method*”, (T.tp: John Wiley & Sons, 2019).
- Shahrukh Rafi Khan, “*Profit and Loss Sharing: An Islamic Experiment in Finance and Banking*”, (Cambridge: Cambridge University Press, 1987).
- Sudin Haron, “*Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*”, (Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd., 2008 ), 315.
- Svend Brinkmann, “*Qualitative Inquiry in Everyday Life: Working with Everyday Life Materials*”, (T.tp: SAGE Publications Ltd., 2012), 85.
- Wahbah al-Zuhayli, “*Al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuhu*”, (Damsyik: Dār al-Fikr, 1985), 4: 435.
- \_\_\_\_\_. “*al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*”, (Damsyik: Dār al-Fikr, 2004), 5:3409.
- Zaharuddin Abd Rahman, “*Wang, Anda dan Islam: Halal dan Haram Dalam Kewangan Pembankuan*”, (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2009).
- Zamir Iqbal & Abbas Mirakh, “*An Introduction to Islamic Finance Theory and Practice*”, (Singapore: John Wiley & Sons (Asia) Pte. Ltd., 2007).

#### Jurnal / Rujukan Kamus

- Abdul Hadi Awang, “*Gharar dalam Perspektif Fiqh al-Hadith: Analisis Terhadap ‘Illah dan Prinsip,*” *Hadis: Jurnal Ilmiah Berimpak* 2, No. 4, (2012), 63-94.
- Agisni Maulina Solihin et al., “Analisis Transaksi Shopee Paylater Dalam Perspektif Hukum Islam,” *JPG: Jurnal Pendidikan Guru* 3, No. 4, (Oktober 2022), 284-288.
- Ahmada Khoirul Umam, Onny Herlambang Putra Wardhana, Ira Humaira Hany, “*Dinamika Cryptocurrency Dan Misi Ekonomi Islam,*” *An-Nisbah: Jurnal Ekonomi Syariah* 7, No. 2, (Oktober 2020), 366-386.

Ahmed Kameel Mydin Meera, “*Cryptocurrencies from Islamic Perspectives: The Case of Bitcoin*,” *Bulletin of Monetary Economics and Banking* 20, No. 4, (2018), 1-18.

Al-Tahir Ahmad al-Razi, *Tartib al-Qamus al-Muhit*, (Kaherah: ‘Isa al-Babi al-Halabi wa Sharikahu), 3:380.

Arif, Subhan, “Sejarah dan Istilah-Istilah Ekonomi Islam,” *Ath-Thariq Jurnal Dakwah dan Komunikasi* 2, No. 2, (Januari 2019), 406-422.

Asep Zaenal, Elsa Silvia, “Teknologi Cryptocurrency Bitcoin Dalam Transaksi Bisnis Menurut Syariat Islam,” *Jurnal Sosioteknologi Institut Teknologi Bandung* 17, No. 1, (2018), 74-92.

Azman, Mohamad Sabri, “Takaful: Analisis Terhadap Konsep dan Akad,” *Jurnal Muamalat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia* 3, (2010), 7.

Chairul Aprizal, Nurul Hakim, “Analisis Hukum Terhadap Jual-Beli Emas Virtual Berdasarkan Perspektif Hukum Perdata Dan Hukum Islam,” *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Hukum 1 [JIMHUM]*, No. 1, (2021).

Gapur Oziev, Magomet Yandiev, “*Cryptocurrency from a Shari’ah Perspective*,” *Al-Shajarah: Journal of the International Institute Of Islamic Thought and Civilization (ISTAC)* 23, No. 2, (Disember 2018), 315-337.

Hussein el-Asrag, “*Blockchains for Islamic Finance: Obstacles & Challenges*,” *Munich Personal RePEc Archive (MPRA) Paper No. 92676*, (Mac 2019), 1-34.

Ibn Manzur, *Lisan al ‘Arab*, (Beirut: Lubnan, 1994), 5:11.

Ibrahim Anis, Dr. (et al.), *al-Mu’jam al-Wasit*. 2:648.

*Kamus Dewan*, ed. ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2005), entri “teksi.”

Khairul Azmil Md Noor, Amir Fazlim Jusoh Yusoff, “Status Patuh Syariah E-money Akaun Jenama E-wallet Popular Di Malaysia,” *Journal of Contemporary Islamic Law* 7, No. 2, (2022), 11-18.

L. Luaida, S.R. Andari, Z. Rasyida, “*Analysis of the Implementation of Wakālah Contracts in Buying and Selling Gold Online by Toko Sra Gold*,” *YIE (Youth & Islamic Economic)* 3, No. 1, (Januari 2022), 1-5.

Marcella Atzori, “*Blockchain Technology And Decentralized Governance: Is The State Still Necessary*,” *Journal Of Governance and Regulation* 6, No. 1, (2017), 45-62.

Mas'ad Saleh, Muhammad Aunurrochim, “*E-wallet: A Study On Contracts Involved Within Its Operational Mechanism*,” *Journal of Fatwa Management and Research* 26, (2022), 1-16.

- Masithoh, Ahmad Imam Hambali, “*Virtual Money Exchange (Cryptocurrency) With Real Money (Rupiah) Based on Sharia Economic Law Perspective*,” *International Journal of Social, Service and Research* 2, No. 6, (Jun 2022), 518-525.
- Mohd Zakhiri Md Nor et al., “*Legal Issues In E-wallet Practices*,” *UUM Journal of Legal Studies* 12, No. 2 (2021), 229-52.
- Mohd. Shahid bin Mohd. Noh, Dwi Fidhayanti, “*Riba And Gharar On Digital Payment Applications: Comparison Between Malaysia And Indonesia*,” *Jurisdictie: Jurnal Hukum dan Syariah* 13, No.1 (2022), 40-62.
- Mohd. Shahid Mohd. Noh, Nor Fahimah Mohd Razif, Muhammad Asyraf Ruslan, “Keberangkalian Gharar di dalam E-wallet: Satu Penelitian Awal,” *Al-Basirah Journal* 12, No. 2, (Disember 2022), 25-36.
- Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Taqiuddin Mohamad, Mohd Anuar Ramli, “Isu Syariah Dalam Jual Beli Tiket Penerbangan Atas Talian: Analisis Perspektif Gharar,” *International Journal of Islamic Business* 3, No. 2, (Disember 2018), 12-13.
- Mustafiyah binte Kadir Sahib et al., “*Shariah Analysis of Earning Income Via Foreign Exchange Forex Trading - A Guide for The Singapore Muslim Community*,” (April 2019), 2.
- Nor Azah Jahari, Al-Hasan Al-Aidaros, “*Online Dropship for Business Transaction in Malaysia: Views from Muslim Scholars*,” *International Journal of Islamic Business* 1 (IJIB), No. 1, (2016), 13-28.
- Saiman, M.Z, “Parameter Bagi Pembelian Emas Dalam Talian Secara Kaedah Kunci Harga (Lock Price) : Satu Analisis: *Parameters For Buying Gold Online Through Lock Price Method: An Analysis*,” *Journal of Fatwa Management and Research* 27, No. 4 (2022), 176-192.
- Siti Salwani Razali, “*Online Contract and The Issues of Gharar and Uncertainty*,” *IIUM Law Journal* 16, No. 1, (2008), 60-64.
- Sudais Asif, “*The Halal and Haram Aspect of Cryptocurrencies in Islam*,” *Journal of Islamic Banking and Finance* 35, No. 2, (Jun 2018), 91-101.
- Ulin Nuha, Moh. Nurul Qomar, Rafika Anissa Maulana, “Perlukah E-wallet Berbasis Syariah?,” *MALIA: Journal of Islamic Banking and Finance* 4, No. 1 (2020), 59-68.
- Yusuf Sani et al., “*Bitcoin and its Legality from Shariah Point of View*,” *SEISENSE Journal of Management* 1, No. 4, (2018), 13-21.

Bahan yang Tidak Diterbitkan – Tesis / Disertasi / Prosiding / Seminar

Ahmad Sufian Che Abdullah, Ceramah Hukum & Persoalan E-Money, anjuran BaitusSalam di Bangunan MCOBA Jalan Syed Putra pada 1 Februari 2020.

Asmadi et al., “Kertas Kerja Kajian Awal Penggunaan *E-wallet* (E-Dompet) Mengikut Perspektif Syarak” (Muzakarah Ahli Majlis Penasihat Syariah Institusi Kewangan Islam Di Malaysia Kali Ke-15, 2019), 1-22.

Asmadi Mohamed Naim, “Bitcoin Dan Analisis Pandangan Fiqh Islam” (Kertas Kerja untuk Mesyuarat Jamaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan, 11 Februari 2018), 4.

Chonita Alvy Barokah, “Analisis Hukum Islam Terhadap Perubahan Harga Tiket Pesawat Berdasarkan Perbedaan Waktu Di Traveloka.Com” (Projek tahun akhir Sarjana Muda, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, 2018), 79-80.

*Digital Assets from Shariah Perspective*, Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Ke-233 dan 234 pada 29 Jun 2020 dan 20 Julai 2020.

Fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUIN) No: 28/DSN-MUI/III/2002 tentang Jual Beli Mata Uang (*Al-Sharf*) pada 28 Mac 2002.

Hukum *Forex Trading Online*, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-24 & 25 pada 20-21 Disember 2016.

Indrianto, Nopi et al., “A Review of Sharia Economic Law on the Application of the Rule of Riba in Online Sales and Purchases on the Shopee and Facebook Platforms”, (*Proceedings of the International Conference on Islamic and Muhammadiyah Studies* (ICIMS 2022), 2022), 145-152

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, “Keputusan Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) Berhubung Wang Elektronik Sebagai Instrumen Pembayaran Patuh Syariah”, Mesyuarat MPS ke-201 dan Mesyuarat Khas MPS ke-26 bertarikh 29 dan 30 Januari 2020, 4.

Marjan Muhammad, “Number of E-money Issuers in Malaysia (2016-2020)”, *Shariah-compliant E-wallet: Prospects & Challenges ISRA Consulting Webinar Series* pada 28 Oktober 2020.

Muhamad Syahiran bin Che Mansor, Muhamad Aunurrochim Mas’ad, “*Shopee Pay Later Application And Bay’ Muajjal: A Syariah Approach*” (*E-proceeding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains* 2022), 10-23.

Muhd Rosydi Muhammad, “*Cryptocurrency, Blockchain & Distributed Ledger Technology*”, (Mesyuarat Panel Pakar Muamalat (PPM) JAKIM, Putrajaya, 14 November 2017).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-98 yang bersidang pada 13-15 Februari 2012.

Perlita Hatma Adiningrum et al., “Mekanisme Transaksi *E-wallet* Menurut Syariat Islam: Bagaimana Pandangan Ulama dan Fatwa MUI?” (*Prosiding, National Seminar on Accounting, Finance, and Economics 1 (NSAFE)*, No. 7, 2022), 162-169.

Talitha Nabila et al., “Tinjauan Fikih Muamalah Terhadap Jual Beli Emas *Online*” (Prosiding Hukum Ekonomi Syariah 7, No. 2, Ogos 2021), 234-238.

### Temu Bual

Informan 1 (Pegawai Syariah, Bank CIMB, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 12 Ogos 2022.

Informan 2 (Pegawai Syariah, Bank MBSB, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 23 Ogos 2022.

Informan 3 (Pegawai Syariah, Bank MBSB, Kuala Lumpur), dalam temu bual beliau bersama pengkaji pada 14 September 2022.

### Laman Sesawang

Abd Hakim bin Abd Rasid, “Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-638: Isu Syariah Berkaitan Penggunaan *Shopee Pay Later*”, laman sesawang Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, dicapai 27 Januari 2023, <https://muftiwp.gov.my/En/Artikel/Irsyad-Fatwa/Irsyad-Fatwa-Umum-Cat/5049-Irsyad-Al-Fatwa-Siri-Ke-638-Isu-Syariah-Berkaitan-Penggunaan-Shopee-Pay-Later>.

Ahmad Suhael, Luqman Arif, “Tahap pematuhan PKP 97 peratus”, laman sesawang BH Online, dicapai 9 November 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674971/tahap-pematuhan-pkp-97-peratus>.

Amanie Advisors - *Islamic Banking & Shariah Finance Advisors*, dicapai 27 Januari 2023, <https://amanieadvisors.com>.

Amy Maizuraa, “4 Aplikasi Menonton Video Bersama Rakan Yang Boleh Dicuba Sepanjang Tempoh PKP”, laman sesawang Amanz, dicapai 9 November 2020, <https://amanz.my/2020232704>.

\_\_\_\_\_. “Bagaimana Menebus Kredit Dompet Digital RM50 Program e-Penjana”, laman sesawang Amanz Media, diakses 2 November 2020, <https://amanz.my/2020245133>.

Azrul Azlan Iskandar Mirza, “Aplikasi *e-wallet*: Adakah Ia Mematuhi Syariah?”, laman sesawang Portal Rasmi Muamalat dan Kewangan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dicapai 11 Oktober 2019, <http://e-muamalat.islam.gov.my/ms/bahan-ilmiah/artikel/453-aplikasi-e-wallet-adakah-ia-mematuhi-syariah>.

Bank Negara Malaysia , “*Guidelines on Electronic Money (E-money) 2008*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, [https://www.bnm.gov.my/microsite/ps/gl\\_016\\_3.pdf](https://www.bnm.gov.my/microsite/ps/gl_016_3.pdf).

\_\_\_\_\_. “*Policy Document on Electronic Money (E-Money)*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 30 Disember 2022,

<https://www.bnm.gov.my/documents/20124/943361/PD-eMoney-202302.pdf>

- \_\_\_\_\_. “Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_legislation&pg=bm\\_legislation\\_act&ac=343&full=1&lang=bnm](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_legislation&pg=bm_legislation_act&ac=343&full=1&lang=bnm).
- \_\_\_\_\_. “Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm\\_legislation&pg=bm\\_legislation\\_act&ac=344&full=1&lang=bnm](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=bm_legislation&pg=bm_legislation_act&ac=344&full=1&lang=bnm).
- \_\_\_\_\_. “*BNM Basic Payment Indicator*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/57659/T1%20-20Transactions%20Per%20Capita.pdf>.
- \_\_\_\_\_. “*E-money Issuers*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 November 2022, <https://www.bnm.gov.my/list-of-regulatees>.
- \_\_\_\_\_. “*Guideline on Electronic Money (E-Money)*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 8 September 2019, [https://www.bnm.gov.my/documents/20124/57659/gl\\_016\\_3.pdf](https://www.bnm.gov.my/documents/20124/57659/gl_016_3.pdf)
- \_\_\_\_\_. “*Malaysia's Payment System*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps\\_mps\\_type&ac=177&lang=en](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps_mps_type&ac=177&lang=en).
- \_\_\_\_\_. “*Non-bank E-money Issuers*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 November 2022, [https://www.bnm.gov.my/regulations/fsp-directory?p\\_p\\_id=com\\_liferay\\_asset\\_publisher\\_web\\_portlet\\_AssetPublisherPortlet\\_INSTANCE\\_jXC730NRlqU0&p\\_p.lifecycle=0&p\\_p.state=normal&p\\_p.mode=view&p\\_r\\_p.tag=nonbank-emoney-issuer](https://www.bnm.gov.my/regulations/fsp-directory?p_p_id=com_liferay_asset_publisher_web_portlet_AssetPublisherPortlet_INSTANCE_jXC730NRlqU0&p_p.lifecycle=0&p_p.state=normal&p_p.mode=view&p_r_p.tag=nonbank-emoney-issuer).
- \_\_\_\_\_. “*Payment System in Malaysia*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 20 November 2020, [https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps\\_mps\\_type&ac=177&lang=en](https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=ps&pg=ps_mps_type&ac=177&lang=en).
- \_\_\_\_\_. “Perkembangan Monetari dan Kewangan”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 8 September 2019, <http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1718/bab5.pdf>.
- \_\_\_\_\_. “*Electronic ‘Know-Your-Customer’ (e-KYC) Policy Document*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 21 Oktober 2020 <https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=144&ac=963&bb=file>.
- \_\_\_\_\_. “*Mesyuarat Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia Ke-178*”, laman sesawang Bank Negara Malaysia, dicapai 24 Ogos 2020, <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/761688/SAC+178th+Meeting+Statement+28BM+version292.pdf?3d8dc09a-6daf-0843-79f7-2a2a0b653ca3?t=1581492367974>.

Bernama, “Sekolah dan universiti tutup, belajar 'online' kan boleh?”, laman sesawang Bernama, dicapai 9 November 2020, [https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1824837](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1824837)

Boost, “*Campaign General Terms and Conditions*”, laman sesawang Boost, dicapai 27 Januari 2023, <https://www.myboost.com.my/terms/campaign-general-terms-and-conditions>.

Builtin, “*Fintech*”, laman sesawang Builtin, dicapai 4 November 2020, <https://builtin.com/fintech>.

CFI, “*Fintech (Financial Technology)*”, laman sesawang *Corporate Finance Institute*, dicapai 4 November 2020, <https://corporatefinanceinstitute.com/resources/knowledge/finance/fintech-financial-technology>.

Essan Yahya, Fauzi Suhaimi, “PKPB: Langkah pencegahan awal bagi elak penularan jangkitan”, laman sesawang Astro Awani, dicapai 9 November 2020, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkpb-langkah-pencegahan-awal-bagi-elak-penularan-jangkitan-pm-263375>.

Eza, “Hala tuju FinTech di Malaysia. Selamat tinggal perbankan tradisional?”, laman sesawang Majalah Labur, dicapai 11 Oktober 2019, <http://www.majalahlabur.com/kewangan/fintech-di-malaysia-dan-hala-tuju>.

\_\_\_\_\_, “Definisi Dan Fungsi Bank di Malaysia”, laman sesawang Majalah Labur, dicapai 11 Oktober 2019, <https://www.majalahlabur.com/kewangan/definisi-dan-fungsi-bank-di-malaysia>.

Fincyclopedia, “*Mawsufah fi al-Zhimmah*”, laman sesawang Fincyclopedia, dicapai 27 Januari 2023, <https://fincyclopedia.net/islamic-finance/m/mawsufah-fi-al-zhimmah>.

\_\_\_\_\_. “*Wadi’ah Yad Dhamanah*”, laman sesawang Fincyclopedia, dicapai 27 Januari 2023, <https://fincyclopedia.net/islamic-finance/w/wadiyah-yad-dhamanah>.

\_\_\_\_\_. “*Bay’ Istijrar*”, laman sesawang Fincyclopedia, dicapai 27 Januari 2023, <https://fincyclopedia.net/islamic-finance/b/bay-istijrar>.

Gov.sg, “*Ending circuit breaker: Phased approach to resuming activities safely*”, laman sesawang *Singapore Government Agency Website*, dicapai 9 November 2020, <https://www.gov.sg/article/ending-circuit-breaker-phased-approach-to-resuming-activities-safely>.

Hanudin Amin, “Are Cashback Rewards Halal?”, laman sesawang Sabah News Today, dicapai 11 Oktober 2019, <https://www.sabahnewstoday.com/are-cashback-rewards-halal/?lang=en>.

Hassan Daher, “*Qard Al-Hassan - Benevolent Lending*”, laman sesawang Qardus, dicapai 27 Januari 2023, <https://www.qardus.com/news/qard-al-hassan-benevolent-lending>.

Ismail Sualman, “Revolusi Industri 4.0 Paradigma 2019”, laman sesawang Sinar Harian, dicapai 11 Oktober 2019,

<https://www.sinarharian.com.my/article/4662/KOLUMNIS/Revolusi-Industri-40-paradigma-2019>.

Jabatan Perangkaan Malaysia, “Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2019”, dicapai 29 Oktober 2020.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, “Fatwa Mengenai Hukum Perdagangan Pertukaran Matawang Asing Oleh Individu Secara Lani (*Individual Spot Forex*) melalui Platfom Elektronik”, laman sesawang Jabatan Mufti Negeri Perak, dicapai 27 Januari 2023, [https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi\\_umum/warta\\_kerajaan/irsyad/lani.pdf](https://mufti.perak.gov.my/images/perkhidmatan/koleksi_umum/warta_kerajaan/irsyad/lani.pdf).

Majlis Keselamatan Negara, “Perintah Kawalan Pergerakan (*Movement Control Order*)”, laman sesawang Majlis Keselamatan Negara, dicapai 9 November 2020, <https://www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19>.

Maybank, “Scan & Pay’s Cashback Everyday Campaign Terms & Conditions”, laman sesawang Maybank, dicapai 27 Januari 2023, [https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/pdf/personal/promotions/2021/TC\\_Scan\\_Pay\\_Everyday\\_Cashback\\_Campaign\\_Final.pdf](https://www.maybank2u.com.my/iwov-resources/pdf/personal/promotions/2021/TC_Scan_Pay_Everyday_Cashback_Campaign_Final.pdf).

Mohd Daud Bakar, “Bitcoin Patuh Syariah - Dato’ Dr. Daud Bakar (2021)”, laman sesawang *Youtube*, dicapai 28 September 2021, <https://www.youtube.com/watch?v=vkWExraDYvM>.

Muhammad Hisyam, “Some Sharia Considerations Concerning E-wallet”, laman sesawang *Institute of Islamic Understanding Malaysia*, dicapai 11 Oktober 2019, <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2019/08/22/some-sharia-considerations-concerning-e-wallet>.

Nurul Hidayah, “Beli-belah secara ‘online’ rancak ketika PKP”, laman sesawang myMetro, dicapai 9 November 2020, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/558385/beli-belah-secara-online-rancak-ketika-pkp>.

Pejabat Perdana Menteri Malaysia, “Teks perutusan khas Perdana Menteri sempena Hari Pekerja 2020”, laman sesawang Pejabat Perdana Menteri Malaysia, dicapai 2 November 2020, <https://www.pmo.gov.my/2020/05/perutusan-khas-perdana-menteri-sempena-hari-pekerja-2020>.

\_\_\_\_\_. “Teks ucapan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)”, laman sesawang Pejabat Perdana Menteri Malaysia, dicapai 2 November 2020, <https://www.pmo.gov.my/2020/06/teks-ucapan-pelan-jana-semula-ekonomi-negara-penjana>.

Raja Noraina, “PKPB: Pekerja awam, swasta diarah kerja dari rumah”, laman sesawang myMetro, dicapai 9 November 2020, <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/10/632803/pkpb-pekerja-awam-swasta-diarah-kerja-dari-rumah-metrotv>.

Securities Commision Malaysia, “Guidelines on Digital Assets”, laman sesawang Securities Commission Malaysia, dicapai 20 Oktober 2020,

<https://www.sc.com.my/api/documentms/download.ashx?id=aeb10f62-944b-4d83-8aa0-4ed492dc1109>.

Setel, “*Setel Pay at MYNEWS & earn cashback!*”, laman sesawang Setel, dicapai 27 Januari 2023, <https://www.setel.com/promotions/mynews>.

*Shopee Malaysia Help Center, “[SPayLater] Is SPayLater Shariah Compliant?”*, laman sesawang Shopee Malaysia, dicapai 27 Januari 2023, [https://help.shopee.com.my/portal/article/92306-\[SPayLater\]-Is-SPayLater-Shariah-Compliant?previousPage=search%20recommendation%20bar&source=3?previouspage=other%20articles](https://help.shopee.com.my/portal/article/92306-[SPayLater]-Is-SPayLater-Shariah-Compliant?previousPage=search%20recommendation%20bar&source=3?previouspage=other%20articles).

*Shopee Seller Education Hub, “Managing Mall returns and refunds”*, laman sesawang Shopee Malaysia, dicapai 27 Januari 2023, <https://seller.shopee.sg/edu/article/8167#:~:text=What%20is%20Shopee%E2%80%99s%20policy%20for%20returns%2Frefunds%20of%20Mall,days%20of%20receipt%20at%20no%20cost%20to%20them>.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, “Kenyataan Media: Perubahan Corak Penggunaan Pengaruhi Kelajuan Internet di Malaysia”, laman sesawang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dicapai 9 November 2020, <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-releases/media-statement-changing-usage-patterns-influence>.

Tobias Adrian, “*Stablecoins, Central Bank Digital Currencies, and Cross-Border Payments: A New Look at the International Monetary System*”, *International Monetary Fund-Swiss National Bank Conference*, laman sesawang *International Monetary Fund*, dicapai 14 Mei 2019, <https://www.imf.org/en/News/Articles/2019/05/13/sp051419-stablecoins-central-bank-digital-currencies-and-cross-border-payments>.

Touch ‘n Go eWallet, “*Verify your account*”, laman sesawang Touch ‘n Go, dicapai 21 Oktober 2020, <https://www.tngdigital.com.my/features/ekyc>.

Touch ‘n Go eWallet Pusat Bantuan, “Apakah Go+?”, laman sesawang Touch ‘n Go, dicapai 21 Oktober 2021, <https://support.tngdigital.com.my/hc/ms-my/articles/360056285754-Apakah-GO>.

World Health Organization, “*Naming the coronavirus disease (COVID-19) and the virus that causes it*”, laman sesawang *World Health Organization*, dicapai 9 November 2020, [https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/naming-the-coronavirus-disease-\(covid-2019\)-and-the-virus-that-causes-it](https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/naming-the-coronavirus-disease-(covid-2019)-and-the-virus-that-causes-it).

World Health Organization, “*WHO Coronavirus (COVID-19) Dashboard*”, laman sesawang *World Health Organization*, dicapai 29 Mac 2023, <https://covid19.who.int>.